

**MESYUARAT PENUH MAJLIS  
BIL.06/2013**

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 28 JUN 2013**  
**MASA : 9.30 PAGI**  
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MPAJ**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS  
BIL.06/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 28 JUN 2013  
MASA : 9.30 PAGI  
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MPAJ**

**AGENDA**

1. Bacaan Doa.
2. Ucapan Pengerusi.
3. Mengesahan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.05/2013 bertarikh 31 Mei 2013.
4. Kertas Makluman Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.2/2013.
5. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
  - 5.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.06/2013 .
  - 5.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.06/2013.
  - 5.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.06/2013.
  - 5.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.06/2013.
  - 5.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.06/2013.
  - 5.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.11/2013.

- 5.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)  
Bil.12/2013.
6. Ucapan Penangguhan oleh Puan Wan Hasrina binti Wan Hassan.
7. Penutup.



**MESYUARAT PENUH MAJLIS  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.06/2013**

---

**KANDUNGAN**

1. Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.05/2013.
2. Kertas Makluman Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.2/2013.
3. Lampiran-lampiran :-
  - 5.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.06/2013.
  - 5.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.06/2013.
  - 5.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.06/2013.
  - 5.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.06/2013.
  - 5.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.06/2013.
  - 5.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.11/2013.
  - 5.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.12/2013.

**MINIT MESUARAT PENUH MAJLIS BIL. 5/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA****TARIKH : 31 MEI 2013****MASA : 9.30 PAGI****TEMPAT : BILIK MESUARAT 1  
TINGKAT 16, MENARA MPAJ****KEHADIRAN**

- |     |                                                              |   |             |
|-----|--------------------------------------------------------------|---|-------------|
| 1.  | Tn. Abd Hamid bin Hussain<br>(Timbalan Yang DiPertua Majlis) | - | Pengerusi   |
| 2.  | Tn. Jafrien bin Muhammad                                     | - | Ahli Majlis |
| 3.  | Tn. Abdul Latif bin Shaari                                   | - | "           |
| 4.  | Tn. Hamsah bin Djabir                                        | - | "           |
| 5.  | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis                               | - | "           |
| 6.  | Tn. Fong Teck Keong                                          | - | "           |
| 7.  | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar                                | - | "           |
| 8.  | Pn. Cheong Chye Wah                                          | - | "           |
| 9.  | Pn. Sian Keng Eng                                            | - | "           |
| 10. | Tn. Wong Khai Pun                                            | - | "           |
| 11. | Tn. Lim Fong Len                                             | - | "           |
| 12. | Tn. Hj. Abdul Jalil bin Hasan                                | - | "           |
| 13. | Tn. Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said                        | - | "           |
| 14. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan                             | - | "           |

15.	Tn. Hj. Ali bin Ismail	-	Ahli Majlis
16.	Tn. Hj. Mat Jusoh bin Dollah	-	"
17.	Tn. Abdul Aziz bin Ahmad	-	"
18.	Tn. Supiramany a/l Sinnapayal	-	"
19.	Tn. Ho Ah Ngoh	-	"

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

1. Y. Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob  
Yang DiPertua Majlis
2. Tn. Razali bin Ramly  
Ahli Majlis, MPAJ
3. Tn. Hj. A. Yazid bin Alias  
Ahli Majlis, MPAJ
4. Tn. Mohamad bin Samat  
Ahli Majlis, MPAJ

**TURUT HADIR (DALAMAN)**

1. Drs. Sarordin bin Hj. Shahri  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
2. En. Yazid bin Sarkom  
Jabatan Bangunan dan Senibina
3. En. Hasrolnizam bin Shaari  
Jabatan Kejuruteraan
4. En. Khairilazhar bin Ismail  
Jabatan Belia dan Masyarakat
5. Pn. Rosliza binti Mohd  
Jabatan Perancangan Korporat

6. En. Addy Hisham bin Elias  
Jabatan Penguatkuasa
7. Pn. Maizatul Hanisa binti M. Isa  
Jabatan Perbendaharaan
8. En. Mohd Fazrin bin Rahman  
Bahagian Audit Dalam
9. Pn. Rohana binti Md Noor  
Bahagian OSC
10. En. Muhamad Noor Isman bin Ismail  
Bahagian COB
11. Pn. Norhayati binti Ahmad  
Jabatan Percangan Korporat (PRO)
12. Pn. Siti Aishah binti Salim  
Jabatan Undang-Undang
13. Pn. Nor Hasliza binti Ismail  
Jabatan Pelesenan
14. Cik Izzati Husna binti Ismail  
Jabatan Pelesenan
15. Pn. Noryani binti Roslan  
Bahagian Urusetia

-

Urusetia

**1. BACAAN DOA**

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan.

**2. UCAPAN PENGERUSI**

Tuan Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Timbalan Yang Di Pertua selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan pihak media yang hadir ke Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2013. Beliau memaklumkan Dato' Yang DiPertua tidak dapat mempengerusikan Mesyuarat Majlis pada hari ini kerana sedang bercuti.

Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

- 2.1. Tuan Pengerusi mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Pakatan Rakyat kerana berjaya mengekalkan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dalam PRU ke 13.
- 2.2. Sehubungan itu, beliau menyampaikan ucapan terima kasih daripada pihak Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) kepada YDP, TYDP selaku Pegawai Pengurus Pilihanraya bagi Parlimen Ampang dan Pandan, Penolong Pegawai Pengurus (ARO) serta pegawai-pegawai Majlis yang telah berjaya menjalankan tugas dengan baik di samping membekalkan kemudahan dan logistik semasa PRU ke 13.

- 2.3. Tuan Pengurus memohon kerjasama daripada parti-parti politik supaya menurunkan bahan-bahan kempen yang masih ada di tapak kerana tempoh yang diberi telah melebihi 14 hari.
  
- 2.4. Tuan Pengurus turut memohon kerjasama supaya banner ucapan tahniah kepada calon yang menang dalam PRU 13, yang dipasang hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Majlis dan dipasang dalam tempoh sebulan sahaja dan diturunkan selepas tamat tempoh tersebut.
  
- 2.5. Tuan Pengurus memaklumkan Kerajaan Negeri telah mengarahkan setiap Pihakberkuasa Tempatan agar pembayaran bagi kerja-kerja pembersihan awam dan kutipan sampah dibuat dalam tempoh 14 hari supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan. Buat masa ini, hanya MPAJ sahaja PBT yang telah memberikan komitment terbaik dengan menyempurnakan bayaran dalam tempoh 14 hari. MPAJ menjadi contoh kepada PBT lain bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan membuat penambahbaikan.
  
- 2.6. MPAJ dalam proses menyediakan Deraf Bajet 2014. Salah satu daripada cadangan peruntukan pembangunan adalah pembinaan gerai dan kawasan riadah dengan jumlah peruntukan keseluruhan berjumlah RM 1 juta. Majlis sedang mencari tapak yang sesuai untuk projek ini.

- 2.7. Sempena Ulang Tahun MPAJ ke 21, Majlis Perbandaran Ampang Jaya telahpun merangka 23 program bermula dari 2 Jun 2013 hingga 5 Julai 2013. Program dan aktiviti yang telah diatur diharap dapat merapatkan hubungan silaturrahim antara warga kerja MPAJ dan penduduk setempat.
- 2.8. Semasa berlaku krisis air kali ke 3 di kawasan Ampang baru-baru ini, Majlis turut membantu menghantar air ke kawasan yang terputus bekalan.

Beliau turut memaklumkan bahawa Majlis telah mengesan berlaku penipuan dalam permohonan bekalan air. Terdapat kes pihak SYABAS telah memotong bekalan air berikutan penduduk tidak menjelaskan bayaran air kepada pihak SYABAS dan penduduk telah mohon penghantaran air dari Majlis dengan alasan tiada bekalan air. Sehubungan dengan kejadian ini, Majlis akan menyemak terlebih dahulu punca ketiadaan bekalan air. Bantuan hanya diberi jika bukan berpunca daripada bekalan dipotong oleh SYABAS kerana tidak menjelaskan bil.

### **3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 4/2013**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 4/2013 bertarikh 29 April 2013 disahkan tanpa pindaan. Minit mesyuarat dicadangkan disahkan oleh Tuan Hj. Ali bin Ismail dan disokong oleh Puan Cheong Chye Wah.

**4. PERKARA BERBANGKIT**

Tiada

**5. PERTIMBANGAN LAPORAN****5.1. LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2013 bertarikh 31 Mei 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 5/2013 yang telah diadakan pada 13 Mei 2013 dengan tambahan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hamsah bin Djabir dan disokong oleh Tuan Ahmad Sabri bin Abu Bakar dan Tuan Supiramany a/l Sinnapayal.

**5.1.1. Memohon Tambahan Peruntukan Ahli Majlis**

Tuan Pengurus memaklumkan bahawa permohonan untuk tambahan peruntukan Ahli Majlis perlu dibincangkan dalam penyediaan Bajet 2014/2015 dan tertakluk kepada kewangan Majlis.

**MAKLUMAN****5.2. LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2013 bertarikh 31 Mei 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 5/2013 yang telah

diadakan pada 15 Mei 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hj. Mat Jusoh bin Dollah dan disokong oleh Puan Sian Keng Eng.

**MAKLUMAN****5.3. LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2013 bertarikh 31 Mei 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 5/2013 yang telah diadakan pada 16 Mei 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Puan Cheong Chye Wah dan disokong oleh Tuan Fong Teck Keong.

**MAKLUMAN****5.4. LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2013 bertarikh 31 Mei 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 5/2013 yang telah diadakan pada 21 Mei 2013 dengan pindaan dan tambahan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hj. Mat Jusoh bin Dollah dan disokong oleh Puan Cheong Chye Wah.

**5.4.1. Pindaan Kehadiran di muka surat 102.**

Kehadiran Tuan Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said tidak hadir **dipinda kepada** hadir.

5.4.2. Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis membangkitkan berhubung masa yang diambil untuk tindakan undang-undang ke atas pemilik tapak kediaman dijadikan tempat menjual kereta terpakai di Lorong Jalan F, Kg Pandan. Beliau memohon isu ini ditangani dengan kadar segera.

**MAKLUMAN****5.5. LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2013 bertarikh 31 Mei 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 5/2013 yang telah diadakan pada 22 Mei 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hamsah bin Djabir dan disokong oleh Tuan Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said.

**MAKLUMAN****5.6. LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2013 bertarikh 31 Mei 2013 telah mengambil maklum dan menerima laporan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 9/2013 dan bil. 10/2013 bertarikh 10 Mei 2013 dan 28 Mei 2013.

**MAKLUMAN**

**6. UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN LIM FONG LEN**

Tuan Lim Fong Len mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2013.

Dalam ucapan penangguhan beliau membangkitkan perkara berikut:

6.1. Cabaran yang dihadapi oleh MPAJ antaranya:

6.1.1. Perbelanjaan penyelenggaraan ke atas perkhidmatan pembersihan, penurapan jalan, pengurusan bangunan, harta benda, kenderaan Majlis dan sebagainya menyebabkan Majlis kekurangan peruntukan untuk menyelesaikan kesemua kekurangan dan kerosakan. Sehubungan dengan itu, beliau berharap dengan pelaksanaan CTOS ke atas pemaju tegar dan individu yang tidak menjelaskan bayaran tunggakan cukai taksiran, dapat menambahkan hasil Majlis dan dengan itu dapat mengatasi masalah jalan rosak dan infrastruktur di sekitar Ampang Jaya khususnya di Taman Muda.

6.1.2. Berhubung dengan masalah kesesakan lalu lintas, beliau berharap Majlis dapat menyediakan bajet untuk mengkaji ke atas jadual perjalanan dan laluan bas di kawasan MPAJ, ‘transit ridership forecast’, traffic dispersed planning’, melebarkan jalan dan membina pasar pagi yang baru.

6.1.3. Beliau membangkitkan di kawasan Taman Muda, banyak pengusaha restoren lot tepi, meletakkan kerusi meja di atas tempat letak kereta. Situasi seperti ini perlu diberhentikan. Majlis perlu mempertimbangkan had yang dibenarkan sahaja. Penguatkuasaan perlu diambil ke atas mana-mana pengusaha restoren lot tepi yang melanggar syarat Majlis.

6.1.4. Penyelarasan kerja dengan agensi luar seperti pihak PDRM, SYABAS, IWK dan JPS, di mana banyak aduan di terima berhubung tanggungjawab agensi berkenaan. Sebagai contoh hakisan sungai dan kecurian setiap hari berlaku di kawasan Dun Teratai. Beliau berharap pihak polis dapat merangka satu pelan untuk mengatasi kes ragut di kawasan Dun Teratai khasnya dan di seluruh Malaysia amnya.

Di peringkat Majlis, beliau berharap, Majlis dapat membina 'guard rail' di sepanjang pejalan kaki bagi mengelakkan kes ragut oleh penunggang motosikal.

6.2. Beliau turut mencadangkan beberapa penambahbaikan dalam sistem perkhidmatan Majlis antaranya :

6.2.1. 'Google Maps' dipamirkan dalam setiap mesyuarat bagi memudahkan untuk mengenalpasti lokasi yang dibangkitkan semasa mesyuarat. Keadaan ini bagi memudahkan masa pegawai dan kontraktor yang bertugas.

6.2.2. Elaun tetap Ahli Majlis dinaikkan dari RM 1,500.00 ke RM 2,000.00.

6.2.3. Satu kaunter perkhidmatan Ahli Majlis disediakan pada setiap bulan di Menara MPAJ bagi memberi peluang kepada Ahli Majlis untuk memahami tugas kakitangan Majlis.

6.2.4. ISO untuk Ahli Majlis di mana dicadangkan setiap Ahli Majlis diwajibkan mendapatkan sijil ISO untuk mewujudkan SOP dan kualiti kerja yang lebih seragam dan sistematik.

Akhir sekali, beliau berharap dalam masa 5 tahun yang akan datang, MPAJ berkemampuan menaiktarafkan infrastruktur, trafik dan landskap di Ampang Jaya ke tahap Bandaraya.

## **7. PENUTUP**

Tuan Penggerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan penangguhan tersebut dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.55 pagi.

**Disediakan oleh:-**

Urusetia Mesyuarat  
Bahagian Urusetia  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Minit Mesyuarat telah disyorkan untuk disahkan oleh

..... dan disokong oleh .....

**(ABD. HAMID BIN HUSSAIN)**  
Pengerusi Mesyuarat  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Bahagian Urusetia  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
MPM 5 2013 – 31.5.2013.

**4.1.  
KERTAS MAKLUMAN MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA AUDIT DAN  
PENGURUSAN KORPORAT (JKAPK)  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.2/2013**

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS  
BIL 6/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

---

**MAKLUMAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT  
DAN PENGURUSAN KORPORAT (JKAPK)  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL. 2/2013**

---

**BAHAGIAN AUDIT DALAM**

**1.0 TUJUAN**

Kertas ini bertujuan memaklumkan kepada Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.6/2013 berhubung minit mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Bil.2/2013 yang telah diadakan pada 20 Jun 2013.

**2.0 LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) hendaklah diminitkan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis setelah mendapat persetujuan Yang Di Pertua Majlis selaras dengan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT Bil. 5/2010.

**3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

Ahli-ahli mesyuarat secara dasarnya **bersetuju dan mengambil maklum** perkara-perkara berikut:

**3.1 PENGURUSAN ADUAN AWAM**

Jabatan Perancangan Korporat (PC) memaklumkan kerja menaiktaraf Sistem Aduan Majlis telah selesai. Sistem tersebut dimaklumkan akan membolehkan Ahli Majlis untuk memantau aduan mengikut zon masing-masing secara langsung melalui emel. Jabatan PC diminta menyelaraskan satu taklimat berkaitan sistem tersebut di dalam Mesyuarat Penuh. Jabatan PC juga diminta agar memastikan format pelaporan statistik aduan bulanan mengikut zon yang diemelkan kepada setiap Ahli Majlis disediakan secara konsisten.

**Tindakan:**

Jabatan Perancangan Korporat

**3.2 LAPORAN AUDIT YANG DIBENTANG DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA) BIL. 2/2013**

JKAPK mengambil maklum ke atas laporan audit yang telah dibentangkan di dalam JPKA Bil. 2/2013 yang di pergerusikan oleh Dato' YDP pada 18 April 2013. Bahagian Audit Dalam (AD) diminta membuat tindakan susulan ke atas penemuan yang telah dibangkitkan.

**Tindakan**

Bahagian Audit Dalam

**3.3 PEMBENTANGAN LAPORAN PRESTASI KERJA KONTRAKTOR PERKHIDMATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL (PPSP) DAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM (PPA) OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN (PBK)**

- 3.3.1 Taklimat laporan prestasi kerja kontraktor PPSP dan PPA MPAJ telah dibentangkan oleh Drs. Sarordin b. Haji Shahri selaku Pengarah Jabatan PBK MPAJ dan dibantu oleh Pn. Azfalinda bt. Mohamad Amin, Pegawai Tadbir Bahagian Perbandaran, Jabatan PBK.
- 3.3.2 Cadangan penambahbaikan oleh Ahli-Ahli JKAPK:

- a. Jabatan PBK dicadangkan untuk memaklumkan laporan prestasi kerja kontraktor PPSP dan PPA MPAJ pada setiap bulan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan. Isu-isu melibatkan PPSP dan PPA yang didapati berulang serta memerlukan satu keputusan dasar untuk penyelesaian hendaklah turut dilaporkan. Contoh: Isu longkang bertutup secara kekal oleh premis perniagaan yang menyukarkan kerja-kerja pembersihan longkang dilakukan.
- b. Dicadangkan agar kajian semula dibuat ke atas KPI yang digunakan sebagai asas penilaian prestasi kontraktor pada masa kini. Ini susulan didapati KPI yang digunakan berdasarkan jumlah potongan berbanding jumlah harga kontrak didapati tidak memberikan impak yang signifikan ke atas kontraktor yang ditawarkan harga kontrak yang

lebih tinggi berbanding kontraktor yang ditawarkan harga yang lebih rendah. Contoh: Syarikat A yang ditawarkan kontrak RM25,000 dikenakan potongan bagi 50 kesalahan berjumlah RM2,500 maka prestasi ialah 90%. Manakala Syarikat B yang ditawarkan kontrak RM17,500 dikenakan potongan bagi jumlah dan kadar kesalahan yang sama, maka prestasi ialah 85.7 %.

- c. Dicadangkan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas diambil ke atas kesalahan yang melibatkan kebersihan. Sehubungan dengan itu dicadangkan agar kajian dilakukan oleh Jabatan PBK bagi melihat kesesuaian penubuhan Skuad Anti Sampah (Anti Litter Squad) yang akan beroperasi tanpa memakai pakaian seragam seterusnya boleh mengambil tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian ke atas pesalah berkaitan.
- d. Dicadangkan agar sesalinan Jadual Kerja Kontraktor mengikut laluan/'track' dijemelkan kepada Ahli Majlis setiap bulan bagi memudahkan serta meningkatkan pemantauan bersama ke atas prestasi kerja kontraktor seterusnya meminimakan isu-isu melibatkan kebersihan di setiap zon Ahli Majlis.

- e. Pejabat Urusan setiap kontraktor PPSP dan PPA dicadangkan untuk dikaji kesesuaianya untuk dipusatkan setempat di satu kawasan yang dapat memudahkan pemantauan oleh pihak Majlis. Setiap kontraktor berkaitan dicadangkan untuk berkongsi berkaitan pembayaran sewa tempat tersebut. Pemeriksaan mengejut ke atas pejabat urusan serta pelaksanaan kerja di tapak secara berkala turut dicadangkan bersama-sama Ahli-Ahli JKAPK.
- f. Dicadangkan penggunaan teknologi GPS digunakan ke atas lori-lori PPSP dan PPA dikaji keberkesanannya di dalam meningkatkan kawalan ke atas prestasi kerja kontraktor.
- g. Penggunaan buku log di kediaman berstrata bagi memantau prestasi kerja kontraktor PPSP dan PPA juga dicadang dipraktikkan dan dikaji keberkesanannya.

**Tindakan:**

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

**3.4 HAL-HAL LAIN**

- 3.4.1 Wakil Jabatan Belia dan Masyarakat memaklumkan bahawa masalah komunikasi merupakan punca kelemahan di dalam isu berkaitan di dalam penyelaraskan bantuan semasa program gotong-royong dengan penduduk yang dianjurkan oleh Ahli

Majlis. Tindakan penjelasan serta pencegahan telah diambil bagi memastikan ianya tidak berulang.

**Tindakan:**  
Makluman

- 3.4.2 Pihak Majlis dicadangkan agar membuat kajian bagi pelaksanaan perakaunan berdasarkan Syariah secara menyeluruh. Ini perlu dilihat antaranya dari sudut terdapatnya keperluan untuk mengasingkan sumber-sumber hasil yang tidak jelas dari sudut hukum syariat.

**Tindakan:**  
Jabatan Perbendaharaan

- 3.4.3 Pelaksanaan tindakan ke atas pemilik yang gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran melalui CTOS adalah secara dasarnya dipersetujui oleh Ahli JKAPK dan dimohon untuk diselaraskan pelaksanaannya dalam masa terdekat.

**Tindakan:**  
Makluman

- 3.4.4 Jabatan Perbendaharaan diminta untuk membentangkan prestasi pengurusan hasil dan perolehan MPAJ di dalam Mesyuarat JKAPK Bil. 3/2013

**Tindakan:**  
Jabatan Perbendaharaan

**4.0 PENUTUP**

Mesyuarat Penuh Majlis diminta mengambil maklum mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Bil. 2/2013 seperti di para 3.0 selaras dengan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT Bil. 5/2010.

Disediakan Oleh:

**(MOHD FAZRIN B.RAHMAN)**  
Juruaudit  
Bahagian Audit Dalam  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
25 Jun 2013

**5.1.**  
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,  
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN  
BIL.6/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,  
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN  
BIL.06/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 12 JUN 2013**

**MASA : 9.30 PAGI – 12.25 TENGAHARI**

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

**KEHADIRAN**

- |     |                                                              |   |             |
|-----|--------------------------------------------------------------|---|-------------|
| 1.  | Tn. Abd. Hamid bin Hussain<br>(Timbalan Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi   |
| 2.  | Tn. Abd. Latif bin Shaari                                    | - | Ahli Majlis |
| 3.  | Tn. Jafrien bin Muhammad                                     | - | "           |
| 4.  | Tn. Hamsah bin Djabir                                        | - | "           |
| 5.  | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar                                | - | "           |
| 6.  | Tn. Fong Teck Keong                                          | - | "           |
| 7.  | Tn. Haji Ali bin Ismail                                      | - | "           |
| 8.  | Tn. Lim Fong Len                                             | - | "           |
| 9.  | Tn. Abdul Aziz bin Ahmad                                     | - | "           |
| 10. | Tn. Mohamad bin Samad                                        | - | "           |
| 11. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal                                | - | "           |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                                             |   |             |
|----|---------------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Y. Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob, DSIS, SIS | - | YDP, MPAJ   |
| 2. | Tn. Haji Abdul Jalil bin Hasan              | - | Ahli Majlis |

**LAMPIRAN A****KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.06/2013****LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR  
DAN KEMASYARAKATAN****1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

**2. LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.06/2013 telah diadakan pada 12 Jun 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. KERTAS MAKLUMAN ISU-ISU KEBERSIHAN PERSEKITARAN DI  
KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

2.1.1. Mesyuarat dikemukakan mengenai isu-isu kebersihan persekitaran yang melibatkan perniagaan premis makanan, kedai runcit dan bengkel di sekitar kawasan Ampang Jaya.

2.1.2. Terdapat lebih kurang 600 buah restoran, 150 buah kedai runcit dan 100 buah bengkel yang mempunyai lesen perniagaan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Kelulusan bagi lesen premis yang melibatkan aktiviti restoran dan kedai runcit adalah serta merta manakala aktiviti bengkel pula diberikan kelulusan dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh permohonan.

- 2.1.3. Penggunaan lorong belakang, serta kaki lima premis bagi menjalankan aktiviti perniagaan telah menyebabkan isu-isu kebersihan timbul.
- 2.1.4. Bagi aktiviti perniagaan makanan perkara-perkara yang dilakukan seperti menyediaan bahan-bahan mentah, meletakkan singki basuhan di tepi longkang, tidak menggunakan tong sampah dengan betul, gerai-gerai kecil di kaki lima, barang-barang yang tidak digunakan diletakkan di lorong belakang, rangka-rangka kenderaan terbiar mengundang kepada kehadiran LILATi ( Lipas, Lalat dan Tikus ) serta membuang sisa makanan ke dalam longkang.
- 2.1.4. Bagi aktiviti kedai runcit, pasar mini dan pasaraya, isu yang timbul ialah aktiviti menjalankan aktiviti pasar basah di kaki lima, memelihara dan menyembelih ayam di lorong belakang, sampah-sampah dari lebihan sayur-sayuran dan sisi ikan dan ayam dilonggokan di kaki lima.
- 2.1.5. Aktiviti bengkel menimbulkan halangan di mana kerja kerja membaiki kenderaan dijalankan di kaki lima atau lorong belakang. Sisa-sisa minyak hitam menyebabkan kaki lima dan lorong belakang kotor dan hitam serta sisa minyak tersebut masuk ke dalam longkang.

2.1.6. Sehubungan dengan itu, disyorkan tindakan berikut diambil supaya tahap kebersihan dan pencemaran persekitaran dapat dikawal iaitu:-

2.1.6.1. Tindakan penguatkuasaan larangan menggunakan kaki lima serta lorong belakang dijalankan dengan kerap dan berjadual.

2.1.6.2. Larangan menjalankan aktiviti perniagaan sebelum kelulusan lesen diberikan.

2.1.6.3. Mempelbagaikan kegunaan lorong belakang seperti menjadikan sebagai tempat letak kereta.

2.1.7. Mesyuarat bersetuju menerima dan mengambil maklum bahawa tindakan penguatkuasaan larangan menggunakan kaki lima serta lorong belakang perlu dijalankan dengan lebih kerap dan berjadual. Larangan menjalankan aktiviti perniagaan dan peniaga perlu menghadiri taklimat / kursus sebelum kelulusan lesen diberikan.

## **2.2 KERTAS MAKLUMAN PROGRAM STAR RATING KEBERSIHAN TANDAS AWAM DI KAWASA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

2.2.1 Mesyuarat dimaklumkan bagi melaksanakan Program Pengauditan dan Star Rating Kebersihan Tandas Awam bagi mempertingkatkan tahap kebersihan dengan memberi penarafan dan pengiktirafan tandas awam bersih, selesa dan selamat kepada pengguna.

- 2.2.2 Sebanyak 986 buah tandas di dalam kawasan pentadbiran Ampang Jaya telah dibahagikan mengikut Dun dan Kategori seperti di **Lampiran 1**. Penarafan berdasarkan "Bintang" diberikan kepada setiap tandas Awam yang telah diaudit .
- 2.2.3 Dari hasil pengauditan mendapat terdapat tandas awam terdahulu tidak menepati piawaian dan standard kualiti kehendak KPCT. Sikap dan amalan operator dan pengguna terhadap kepentingan kebersihan tandas awam masih lemah berikutan kejadian vandalism, kekotoran dan tahap jaminan keselamatan masih juga berlaku.
- 2.2.4 Mesyuarat bersetuju dan mengambil maklum agar penglibatan berterusan dan berkesan dari semua masyarakat, agensi-agensi kerajaan juga NGO. Kempen, promosi, peruntukan amat perlu bagi mematuhi standard kualiti kehendak KPCT. Mesyuarat juga memutuskan supaya kempen kebersihan tandas diutamakan kepada bangunan Majlis, dewan dan bazar.

**3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-**

**3.1. ASPEK KESIHATAN**

**3.1.1. PROGRAM COMBI DAN LAPORAN DENGGI DI SEKITAR  
AMPANG JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan sehingga Jun 2013, sebanyak 15 daripada 24 JKP telah mengadakan taklimat COMBI

dan 9 JKP lagi yang masih belum menubuhkan skuad denggi.

Mesyuarat dimaklumkan bagi kes denggi sehingga minggu Epid ke 24 sehingga 12 Jun 2013, dilaporkan 476 kes denggi biasa dan 5 denggi berdarah. Terdapat 4 lagi lokasi wabak denggi terkawal iaitu di Taman Uda Jaya, Kampung Tasik Permai , Taman Bukit Permai dan Taman Bukit Teratai.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

### **3.1.2. KEMPEN TANGKAP TIKUS**

Program tangkap tikus di kawasan Zon 21 dijadualkan pada 29 Jun 2013 sehingga 10 Julai 2013 di Kampung Cheras Baru.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

### **3.1.3. PEMERIKSAAN KEBERSIHAN KE ATAS RESTORAN**

Mesyuarat dimaklumkan sehingga Mei 2013 sebanyak 479 premis diperiksa, 137 premis adalah Gred A, 202 Gred B dan manakala Gred C 140 premis. Secara keseluruhan, terdapat peningkatan peratusan daripada 69% kepada 71% dan disasarkan pada bulan Jun 2013 meningkat kepada 80%. Bagi operasi penutupan premis tak suci bersama PKD Hulu Langat, sebanyak 23 premis diperiksa, 8 buah diarahkan tutup di bawah Akta Makanan 1983 di sekitar kawasan Ampang Utama, Pandan Utama dan Angsana Hilir.

Jabatan juga diminta menyediakan program pemeriksaan secara menyeluruh ke atas gerai-gerai di kawasan Majlis.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

#### **3.1.4. OPERASI TANGKAP ANJING LIAR DAN MONYET DI TAMAN BUKIT MULIA**

Mesyuarat dimaklumkan operasi dan rondaan dijalankan dari masa ke semasa. Namun setakat ini belum ada tangkapan anjing liar kerana tiada anjing liar kelihatan sewaktu rondaan dijalankan. Rondaan akan diteruskan secara berkala mengikut keutamaan. Bagi aduan monyet liar, pihak Majlis telah mengemukakan surat kepada Jabatan Perhilitan untuk tindakan selanjutnya.

**Makluman**

#### **3.1.5. KEMPEN TANGKAP TIKUS DI ZON 5**

Mesyuarat dimaklumkan pihak Majlis tiada halangan untuk memberi kerjasama bagi menjayakan program menangkap tikus di Zon 5. Program dicadangkan dilaksanakan selepas perayaan Aidilfitri iaitu pada 19 Ogos 2013 hingga 30 Ogos 2013.

**Makluman**

**3.2. ASPEK ALAM SEKITAR****3.2.1. KEMPEN TONG SAMPAH**

Mesyuarat dimaklumkan kempen tong sampah diteruskan dan masih dalam tindakan. Kompaun juga telah dikenakan terhadap premis yang gagal mematuhi notis.

Mesyuarat dimaklumkan, bagi kawasan industri terdapat 2 kategori sampah iaitu sampah domestik dan sampah industri. Pemungutan sampah domestik dilaksanakan oleh kontraktor kawasan manakala sampah industri diuruskan oleh pengusaha kilang itu sendiri. Bagi kawasan industri di Zon 23 Jabatan Pelesenan diminta agar menyediakan senarai jenis aktiviti dan jenis buangan di premis industri agar dapat diselaraskan kepada kontraktor yang bersesuaian dengan pembuangan sampah .

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan /**  
**Jabatan Pelesenan**

**3.2.2. KAWASAN LAPANG YANG SEMAK DI ANTARA JALAN  
BUNGA TANJUNG 9 DAN BUNGA TANJUNG 8A DAN 8B  
(TANAH PEMAJU METROPLEX)**

Mesyuarat dimaklumkan kawasan tersebut tidak dapat dibersihkan sepenuhnya disebabkan tedapat halangan (hoarding) di kawasan itu.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

### **3.2.3. PAPAN TANDA AMARAN LARANGAN MEMBUANG SAMPAH DI JALAN H JALAN J DAN JALAN PERMAI A TASEK PERMAI**

Mesyuarat dimaklumkan penyediaan papan tanda tersebut dalam proses kelulusan.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

### **3.2.4. PEMBERSIHAN KAWASAN TAPAK PEMAJU METROPLEX DI TAMAN KOSAS**

Mesyuarat dimaklumkan agar Jabatan PBK membersihkan kawasan di tapak pejabat lama pemaju terlebih dahulu dan kerja-kerja pembersihan akan dilaksanakan secepat mungkin secara bergotong royong bersama penduduk.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/**  
**Jabatan Belia dan Masyarakat**

### **3.2.5. PEMBERSIHAN KAWASAN DI KAWASAN PEMAJU TAMAN MESTIKA**

Mesyuarat dimaklumkan notis telah dikeluarkan kepada milik tanah iaitu Naza TTDI Sdn. Bhd. Jika tiada tindakan pembersihan dilaksanakan oleh pemilik, pihak Jabatan akan mengambil tindakan pembersihan pada 26 Jun 2013.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**3.2.6. PEMBERSIHAN KAWASAN DI FLAT TAMAN KOSAS**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa surat bagi kerja-kerja pembersihan di Flat Taman Kosas di Jalan 3/12 telah dikeluarkan kepada pihak JMB pada 4 Jun 2013.

**Tindakan:  
Bahagian COB**

**3.2.7. KERJA PEMBERSIHAN DI LERENG BUKIT**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan di lereng bukit di Lorong 9 Kg. Sri Tanjung dilaksanakan mengikut jadual. Kerja-kerja akan dilaksanakan pada 15 Jun 2013.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**3.2.8. BANJIR AKIBAT LONGKANG TERSUMBAT**

Mesyuarat dimaklumkan longkang tersumbat di tapak pembinaan Stesen LRT Ampang adalah di bawah penyelenggaraan LRT Ampang.

**Makluman**

**3.2.9. PEMOTONGAN RUMPUT DI LERENG - LERENGBUKIT**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan penyelenggaraan seperti pemotongan rumput di sekitar lereng menghadap Kyoto Garden dan lain-lain cerun telah dilaksanakan pada 6 Jun 2013 oleh kontraktor kawasan

**Makluman**

**3.2.10.KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI TAMAN BUKIT JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan kontraktor kawasan PPA 10 telah membuat pembersihan di kawasan tersebut mengikut jadual pada:

- a) 10 Mei, 11 Mei dan 13 Mei 2013 (pusingan pertama)
- b) 30 Mei, 31 Mei dan 1 Jun 2013 (pusingan kedua)
- c) 19 Jun, 20 Jun dan 21 Jun 2013 (pusingan ketiga).

**Makluman****3.2.11.KERJA-KERJA PEMBERSIHAN MONSOON DRAIN**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan di kawasan Tasik Permai dan Taman Halaman dijalankan mengikut jadual iaitu penghujung bulan April. Kerja-kerja seterusnya akan dilaksanakan pada penghujung Jun 2013.

**Makluman****3.2.12.KERJA-KERJA PEMBERSIHAN MONSOON DRAIN**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan Monsoon Drain di kawasan Bukit Teratai dilakukan secara berkala. Pembersihan terkini telah dilakukan pada 8 Jun 2013 dan pembersihan yang akan datang pada 15 Jun 2013.

**Makluman**

**3.2.13.PENYELENGGARAAN LONGKANG DI KAWASAN CERUN**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja penyelenggaraan longkang di lokasi berikut telah siap dilaksanakan iaitu:-

-Bukit Permai 2 telah dilaksanakan pada 1 Jun 2013 dan akan datang pada 27 Jun 2013.

-Jalan Saga 2 telah dilaksanakan pada 7 Jun 2013 dan akan datang pada 27 Jun 2013.

-Jalan Melur 15 telah dilaksanakan pada 1 Jun 2013 dan akan datang pada 21 Jun 2013.

**Makluman**

**3.2.14.PEMBERSIHAN KAWASAN DEWAN**

Pihak Jabatan akan menyemak kerja-kerja pembersihan di sekitar kawasan berpagar di Dewan JKP Zon 23 di Jalan Teratai 2/7B Taman Bkt Teratai.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**3.3. ASPEK KEMASYARAKATAN****3.3.1. GELANGGANG SEPAK TAKRAW DI TASEK TAMBAHAN**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak jabatan masih belum menerima surat penyerahan tapak daripada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

### **3.3.2. PERMOHONAN TUKAR GUNA GELANGGANG BOLA KERANJANG KEPADA FUTSAL DI JALAN KOSAS 2/6**

Mesyuarat dimaklumkan permohonan tukar guna gelanggang bola keranjang kepada futsal di Jalan Kosas 2/6 masih dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

**Tindakan:**  
**Jabatan Belia & Masyarakat**

### **3.3.3. BAIK PULIH TEMPAT RIADAH DI JALAN MAJU 2/6 TAMAN LEMBAH MAJU**

Mesyuarat dimaklumkan perkara ini telah diselaraskan dengan Jabatan PBK untuk kerja-kerja pemotongan rumput dan lain-lain pembersihan kawasan.

Mesyuarat dimaklumkan juga kerja-kerja pemotongan rumput akan dilaksanakan dalam waktu terdekat.

**Tindakan:**  
**Jabatan Belia & Masyarakat**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

### **3.3.4. NAIK TARAF PADANG BOLA SEPAK DI JALAN F1 TAMAN MELAWATI**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembaikan sedang dalam tindakan kontraktor.

**Tindakan:**  
**Jabatan Belia & Masyarakat**

**3.3.5. NAIK TARAF PADANG AWAM DI JALAN PERSIARAN 7  
PANDAN JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan pihak jabatan telah menghantar permohonan ke Pejabat SUK untuk mendapatkan peruntukan bagi penyelenggaraan padang tersebut.

**Tindakan:  
Jabatan Belia & Masyarakat**

**3.3.6. GELANGGANG FUTSAL DI JALAN PANDAN INDAH 4/16**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja sedang dalam tindakan kontraktor.

**Tindakan:  
Jabatan Belia & Masyarakat**

**3.3.7. PAPAN TANDA NAMA DI TAMAN KELAHIRAN DI  
HOSPITAL PAKAR AMPANG PUTERI**

Mesyuarat dimaklumkan Jabatan telah memasang semula papan tanda nama tersebut.

**Makluman**

**3.3.8. GELANGGANG SEPAK TAKRAW BERBUMBUNG**

Mesyuarat dimaklumkan dari hasil semakan pihak jabatan mendapati gelanggang sepak takraw di Padang Perbandaran MPAJ kurang sesuai untuk dijadikan gelanggang berbumbung kerana kawasan tersebut merupakan kawasan rekreasi terbuka.

**Makluman**

**3.3.9. POKOK KETAPANG**

Pokok ketapang di Jalan 1 Ampang Jaya telah dicantas pada 3 April 2013.

**Makluman**

**3.3.10. PEMOTONGAN POKOK BULUH**

Pihak Jabatan akan menjalankan semakan lanjutan di Jalan Persiaran Bkt. Jaya dan penanaman semula pokok akan dilaksanakan mengikut kesesuaian.

**Tindakan:  
Jabatan Belia & Masyarakat**

**3.4. LAIN-LAIN ASPEK****3.4.1. PENEMPATAN SETINGGAN BERHAMPIRAN FLAT 700  
PANDAN PERDANA**

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan masih belum menerima maklumbalas daripada pihak zakat mengenai bantuan kepada setinggan tersebut. Semakan di lokasi mendapati setinggan masih lagi tinggal di tapak.

**Tindakan:  
Jabatan Perancang Bandar**

**3.4.2. PAPAN TANDA LARANGAN BERNIAGA DI KAWASAN  
PERMAI COURT 1, TAMAN DATO' AHMAD RAZALI**

Mesyuarat dimaklumkan pemasangan papan tanda larangan untuk bermiaga masih dalam tindakan pembelian.

**Tindakan :  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**3.4.3. BILIK KHAS UNTUK AHLI MAJLIS**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa dicadangkan sebuah bilik khas kemudahan Ahli Majlis di aras 9 bersebelahan Bilik Kursus.

**Tindakan:  
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta**

**3.4.4. MASALAH BEKALAN AIR DI TASEK PERMAI**

Mesyuarat dimaklumkan bekalan air yang terputus adalah tanggungjawab pihak SYABAS. Majlis Perbandaran Ampang Jaya hanya memberikan bantuan air sekiranya terdapat keperluan dan pihak SYABAS isytiharkan kawasan tersebut berada di bawah zon kuning.

**Makluman**

**3.4.5. BILIK GERAKAN PARTI**

Mesyuarat dimaklumkan dari hasil semakan jabatan mendapati struktur bangunan Bilik Gerakan Parti di Jalan 46 Kg Cheras Baru, telah tiada dan tapak juga telah dikosongkan.

**Makluman**

**3.4.6. PAPAN TANDA LARANGAN**

Mesyuarat bersetuju papan tanda larangan dipasang di laluan tangga di cerun Lot 541 dan di Jalan BU 2/1 dan BU 2/5 kerana sering terdapat anak muda dan remaja bermain di kawasan tersebut.

**Tindakan:**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4. HAL-HAL LAIN****4.1. ASPEK KESIHATAN**

**TUAN JAFRIEN BIN MUHAMMAD**

**4.1.1. KEMPEN MENANGKAP TIKUS DI BAZAR TAMAN MELAWATI**

Kempen menangkap tikus perlu dijalankan ke bazar-bazar terutama di Bazar Taman Melawati di mana terdapat banyak tikus membiak dan mengganggu orang ramai.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**4.2. ASPEK KEMASYARAKATAN**

**TUAN HAMSAH BIN DJABIR**

**4.2.1. MENCANTAS POKOK**

Pokok-pokok perlu dicantas di sekitar kawasan perumahan Flat PKNS Jalan 4M Ampang Jaya.

**Tindakan:**  
**Jabatan Belia & Masyarakat**

**TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL**

**4.2.2. POKOK BESAR**

Terdapat pokok besar yang perlu diambil tindakan di lokasi berhampiran rumah no 1,3 & 5 Jalan Bunga Melati 4, Taman Seraya.

Di hadapan Pangsapuri Intan, Jalan Bukit Permai juga terdapat sebatang pokok yang harus dipotong.

**Tindakan:  
Jabatan Belia & Masyarakat**

**4.2.3. PADANG FUTSAL**

Dicadangkan agar sebuah padang futsal dibina di Taman Kencana.

**Tindakan:  
Jabatan Belia & Masyarakat**

**TUAN FONG TECK KEONG**

**4.2.4. NAIK TARAF PADANG**

Mohon agar padang awam di Jalan Cahaya 18, Taman Mewah Ampang dinaik taraf.

**Tindakan:  
Jabatan Belia & Masyarakat**

**TUAN MOHAMAD BIN SAMAT**

**4.2.5. PENGIKTIRAFAN LOKASI PELANCONGAN BUKIT SAGA**

Dicadangkan pengiktirafan aktiviti riadah mendaki Bukit Saga sebagai satu lokasi pelancongan sukan. Majlis diminta menyediakan kemudahan dan

keperluan asas kepada pendaki dan kawalan berkaitan perundangan.

**Tindakan:**  
**Jabatan Belia & Masyarakat**

#### **4.3. LAIN-LAIN ASPEK**

##### **TUAN HAMSAH BIN DJABIR**

###### **4.3.1. GERAI UPEN TAMAN SRI WATAN**

Beliau memohon perkara tersebut diambil tindakan:

- a) Tandas rosak perlu dibaiki.
- b) Memasang lampu di tempat letak kereta.
- c) Menurap jalan di tempat letak kereta.
- d) Memasang papan tanda Gerai Upen di lokasi.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/**  
**Jabatan Kejuruteraan**

##### **TUAN JAFRIEN BIN MUHAMMAD**

###### **4.3.2. BENDERA PARTI POLITIK**

Masih terdapat bendera parti politik yang tergantung terutama di premis Taman Permata berhadapan Pasaraya Giant.

**Tindakan:**  
**Jabatan Penguatkuasa**

##### **TUAN LIM FONG LEN**

###### **4.3.3. PENYEMBELIHAN AYAM**

Mohon penjelasan samada penyembelihan ayam di pasar pagi dibenarkan di bawah peraturan pengurusan Majlis.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**4.3.4. PENJAJA PASAR MALAM**

Terdapat penjaja pasar malam yang menjual makanan, meletakkan meja dan kerusi untuk menjamu pelanggan di lokasi tersebut dikuatir kekurangan air bagi aktiviti mencuci dan memasak, dicadangkan agar aktiviti seperti ini tidak berlaku di lokasi demi kebersihan.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**TUAN ABDUL AZIZ BIN AHMAD**

**4.3.5. KESTABILAN CERUN DI ZON11**

Beliau memohon supaya Majlis membuat pemantauan ke atas kestabilan cerun di Zon 11 terutama di Kg Tengah.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.3.6. PERASMIAN PROGRAM ZON BERSIH DI BUKIT INDAH**

Beliau memohon supaya Majlis dapat mengadakan Majlis pelancaran Program Zon Bersih di Bukit Indah untuk diwar-warkan kepada masyarakat setempat.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL****4.3.7. GERAI-GERAH HARAM**

Beliau mohon disemak pertumbuhan gerai-gerai di Mutiara Court, Taman Bukit Permai dan di sub-station TNB, Bukit Permai.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**5.0 PENUTUP**

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

Disediakan Oleh:  
Bahagian Urusetia  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
**17JUN2013**

**5.2.**  
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**  
**INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM**  
**BIL.6/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN  
KEMUDAHAN AWAM  
BIL.06/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 10 JUN 2013**

**MASA : 9.30 PAGI – 12.25 TENGAHARI**

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

**KEHADIRAN**

- |     |                                                              |   |             |
|-----|--------------------------------------------------------------|---|-------------|
| 1.  | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain<br>(Timbalan Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi   |
| 2.  | Tn. Razali bin Ramly                                         | - | Ahli Majlis |
| 3.  | Tn. Abd. Latif bin Shaari                                    | - | "           |
| 4.  | Tn. Hamsah bin Djabir                                        | - | "           |
| 5.  | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis                               | - | "           |
| 6.  | Tn. Haji Abdul bin Hasan                                     | - | "           |
| 7.  | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan                             | - | "           |
| 8.  | Tn. Haji Ali bin Ismail                                      | - | "           |
| 9.  | Tn. Haji Mat Jusoh bin Dollah                                | - | "           |
| 10. | Tn. Haji Yazid bin Alias                                     | - | "           |
| 11. | Tn. Abdul Aziz bin Ahmad                                     | - | "           |
| 12. | Tn. Mohamad bin Samad                                        | - | "           |
| 13. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal                                | - | "           |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. Y. Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob, DSIS, SIS - YDP, MPAJ
2. Pn. Sian Keng Eng - Ahli Majlis
3. Tn. Wong Khai Pun - "
4. Tn. Lim Fong Len - "

A large, semi-transparent watermark is positioned in the center of the page. It consists of the word "SULIT" written in a bold, sans-serif font. The letters are oriented diagonally, sloping upwards from left to right. The "S" is on the bottom left, and the "T" is on the top right. The letters are composed of thick, light-grey strokes.

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 06/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR  
DAN KEMUDAHAN AWAM**

**1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

**2. LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 06/2013 telah diadakan pada 10 Jun 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 KERTAS KERJA BERKENAAN CADANGAN PERMOHONAN  
PERUNTUKKAN BAGI PENSTABILAN CERUN DI LOT 541 DAN  
6873, TANAH MILIK KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
BERHAMPIRAN TAMAN BUKIT UTAMA, BUKIT  
ANTARABANGSA**

2.1.1 Permohonan pembangunan telah dikemukakan oleh Tetuan Spectacular Heights Sdn Bhd bagi membangunkan 70 unit Kondominium 17 Tingkat di atas Lot 5, Taman Sri Ukay, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan. Perkara ini telah dirujuk kepada Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Selangor (JTPKSAS)

memandangkan tapak pembangunan yang dicadangkan tersebut mempunyai kawasan berkecerunan kelas iii seluas 1.99 ekar (22.93%) dan kawasan berkecerunan kelas iv seluas 0.87 ekar (10.78%). Selain daripada itu tapak cadangan pembangunan juga terletak berhampiran kawasan tanah bercerun serta bekas tapak tanah runtuh Highlands Tower.

- 2.1.2 Hasil dari pembentangan projek yang telah dibuat oleh pihak pemaju Tetuan Spectacular Heights Sdn Bhd melalui perunding yang dilantik oleh pemaju memaklumkan bahawa Lot 541 dan Lot 6873 tanah milik kerajaan adalah berisiko untuk berlakunya kegagalan disebabkan oleh lokasinya bercerun dan berada di dalam kawasan tadahan hujan.
- 2.1.3 Pihak JKR Bahagian Kejuruteraan Cerun juga telah dirujuk dan mengesahkan bahawa lokasi cerun tersebut adalah berisiko sangat tinggi melalui surat rujukan (19)JKR/CKC/110.010/08/KLT2 bertarikh 12hb April 2013 dan ianya memerlukan kerja penstabilan cerun dilaksanakan bagi tujuan mengurangkan risiko.
- 2.1.4 Pemaju Tetuan Spectacular Heights Sdn Bhd bersedia untuk melaksanakan kajian serta melaksanakan kerja penstabilan cerun tersebut seperti mana dinyatakan di dalam surat akujanji rujukan shsbJPTD/JTPKSAS/DEV/70/10-3(1) bertarikh 29 Mac 2012 hanya sekiranya pembangunan tersebut diluluskan.

- 2.1.5 Kajian awal oleh pihak pemaju melalui Perunding KHS telah dilaksanakan dan kos bagi menstabilkan cerun yang berada di dalam tanah kerajaan adalah berjumlah RM16.5Juta.
- 2.1.6 MPAJ telah menerima surat dari Pejabat Daerah dan Tanah Gombak rujukan Bil.(2) dlm Per 15/2013 PTG.No 3/10/4/2013 bertarikh 15 April 2013 memaklumkan bahawa kerja penstabilan cerun di tanah kerajaan tidak sesuai dilaksanakan oleh pemaju.
- 2.1.7 Pihak MPAJ telah mengambil tindakan susulan dengan memantau kawasan bercerun tersebut secara berjadual termasuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin pemotongan rumput dan pembersihan saliran pada cerun.
- 2.1.8 Memandangkan tanah bercerun tersebut adalah tanah milik kerajaan negeri Selangor dan berkategori risiko sangat tinggi Pihak Majlis mencadangkan agar kerja-kerja penstabilan cerun dilaksanakan segera bagi mengelakkan sebarang kemungkinan kegagalan cerun yang boleh mengganggu keselamatan awam. Pihak Majlis mencadangkan agar Kerajaan Negeri Selangor menyalurkan peruntukan sebanyak RM16.5 Juta bagi tujuan melaksanakan kerja penstabilan tersebut dengan pecahan seperti berikut :-

<b>Perkara</b>	<b>Kos</b>
Kerja-kerja rekabentuk dan penyeliaan	1.5 Juta
Kerja-kerja Pembaikan Cerun	15 Juta
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>16.5 Juta</b>

- 2.1.9 Kumpulan IKRAM Sdn Bhd dicadangkan sebagai perunding rekabentuk dan pihak perlaksana bagi melaksanakan kerja-kerja penstabilan memandangkan organisasi berkenaan pakar dan arif dalam bidang berkenaan permasalahan berkaitan.
- 2.1.9 Mesyuarat bersetuju dengan kertas cadangan permohonan peruntukkan bagi penstabilan cerun di Lot 541 dan 6873, tanah milik Kerajaan Negeri Selangor berhampiran Taman Bukit Utama, Bukit Antarabangsa untuk dibawa ke Mesyuarat MTES Kerajaan Negeri bagi perbincangan dan keputusan lanjut.

**2.2 KERTAS KERJA PERMOHONAN PERMIT KOREKAN JALAN DI JALAN MULIA JAYA 2/1 DARI PPU SG PURUN KE JALAN HULU LANGAT MUKIM AMPANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN**

- 2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan permit korekan jalan di Jalan Mulia Jaya 2/1 dari PPU Sg Purun ke Jalan Hulu Langat Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan oleh Tenaga Nasional Berhad yang meliputi kerja pengorekan jalan sepanjang 1380 meter dari PPU Sg.Purun ke Jalan Mulia Jaya 2/1 hingga jalan Langat melalui surat no.ruj.TNB(B)SELA/CHER 17/6/1 CRS 90194 bertarikh 10hb. Mei 2013.

- 2.2.2 Kerja-kerja pengorekan jalan ini melibatkan jalan utama dan jalan kawasan perumahan dan melibatkan jalan yang baru diturap oleh pihak Pemaju Tetuan Perumahan Sg. Purun Sdn.Bhd.
- 2.2.3 Berdasarkan semakan permohonan, pihak pemohon perlu mengemukakan Wang Cagaran sebanyak RM 2,070,610.70 dan yuran proses sebanyak RM 690.00 sebelum sebarang kelulusan boleh dikeluarkan.
- 2.2.4 Pihak Tenaga Nasional Berhad perlu melaksanakan kerja-kerja pengorekan jalan bagi penggantian kabel 11kV yang telah uzur dan sering mengalami kerosakan untuk mengelakkan gangguan bekalan elektrik kepada kawasan tersebut.
- 2.2.5 Tempoh pembaikan perlu dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Sepanjang tempoh berkenaan, pihak pemohon adalah bertanggungjawab membaiki keadaan jalan di kawasan berkenaan agar diselenggara dengan baik.
- 2.2.6 Pihak Jabatan mengesyorkan agar permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:-
- i) Pemohon perlu mengemukakan bayaran yuran proses sebanyak RM 690.00 kepada pihak majlis.
  - ii) Pemohon perlu mengemukakan bayaran wang cagaran sebanyak RM 2,070,610.70 sama ada dalam bentuk bank draf atau jaminan bank kepada pihak majlis.

- iii) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat am berkaitan kerja-kerja pemasangan kemudahan awam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- 2.2.7 Pemohon perlu melaksanakan kerja pembaikan pada bekas korekan jalan dengan serta merta setelah kerja-kerja pengorekan jalan siap sepenuhnya dan sentiasa memantau bekas korekan jalan agar pembaikan segera boleh dilaksanakan sekiranya terdapat kerosakan pada bekas korekan yang telah diturap.
- 2.2.8 Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja pembaikan akhir dengan penurapan keseluruhan lebar jalan sepanjang kawasan yang terlibat dengan kerja pengorekan jalan serta mengecat semula semua tanda jalan.
- 2.2.9 Kerja-kerja penanaman rumput dan membaiki semula bahu jalan hendaklah dilaksanakan sekiranya pengorekan jalan dibuat pada bahu jalan.
- 2.2.10 Sekiranya pihak pemohon gagal mengemukakan maklumbalas dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan serta penurapan akhir, maka pihak jabatan mengesyorkan agar pemotongan wang cagaran dibuat dan perlaksanaan pembaikan akhir akan dilaksanakan oleh pihak jabatan melalui proses lantikan kontraktor.

2.2.11 Mesyuarat bersetuju untuk mengambil maklum berkenaan permohonan permit korekan jalan di jalan Mulia Jaya 2/1 dari PPU Sg Purun ke Jalan Hulu Langat Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan oleh Tenaga Nasional Berhad.

Walau bagaimanapun, jabatan diminta untuk memasang papan tanda kerja-kerja sedang dijalankan semasa perlaksanaan di tapak.

**3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEPERTI BERIKUT :**

**3.1. KAJIAN PENYELESAIAN TRAFIK DI JALAN DAGANG DAN SUSUR MASUK BALAI POLIS AMPANG**

Pihak JKR masih menunggu peruntukan untuk membina lampu isyarat di Jalan Dagang dan susur masuk ke Balai Polis Ampang dan kerja-kerja dijangka akan dilaksanakan dalam tahun ini.

**Tindakan :  
JKR Hulu Langat**

**3.2. KAJIAN ALIRAN TRAFIK**

Pihak Jabatan akan mengeluarkan sebutharga kerja bagi cadangan projek mengatasi masalah aliran trafik di hadapan Masjid Bandar Baru Ampang dan Flat Sri Nilam melalui peruntukan SELANGORKU. Walau bagaimana pun jabatan masih belum menerima peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf tersebut. Jabatan memaklumkan kerja-kerja akan dilaksanakan menggunakan peruntukan majlis sekiranya peruntukan tersebut masih belum diterima dalam tempoh terdekat.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.3. MENAIKTARAF JALAN SUSUR DI MRR2 (BERHAMPIRAN JALAN F KG PANDAN)**

Jabatan diminta mendapatkan maklumbalas secara rasmi dari pihak JKR berkenaan kerja-kerja penambahbaikan di jalan susur di MRR2 (berhampiran Jalan F Kg Pandan). Mesyuarat dimaklumkan sebelum ini pihak JKR masih belum menerima sebarang peruntukan daripada Kementerian Kerja Raya bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut.

Walau bagaimanapun kerja-kerja tampalan dilaksanakan dari masa ke semasa oleh pihak majlis.

**Tindakan :  
JKR Ibu Pejabat /  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.4. TAMPAL JALAN DI TAPAK PARKIR MASJID NURUL HIDAYAH KG PANDAN DALAM**

Kerja-kerja tampalan jalan di tapak parkir Masjid Nurul Hidayah Kg Pandan Dalam telah dilaksanakan.

**Makluman**

**3.5. PERMOHONAN PEMBAHAGI JALAN DAN TANDA ARAH JALAN**

Kerja-kerja pembinaan pembahagi jalan dan tanda arah jalan di Jalan Bukit Indah 5 hadapan kawasan rumah kedai kerana terdapat kenderaan yang masuk bertentangan arah jalan dalam tindakan jabatan .

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.6. PEMBAIKAN BAHU JALAN**

Kerja-kerja pembaikan bahu jalan di Jalan Bunga Melur 5A, Taman Melur dalam tindakan jabatan.

**Makluman****3.7. JALAN BERLUBANG**

Kerja-kerja penampalan jalan berlubang Jalan Bunga Tanjung 8, Taman Muda (hadapan restoran) telah dilaksanakan.

**Makluman****3.8. JALAN BERLUBANG**

Kerja-kerja pembaikan jalan berlubang di Jalan Bunga Cempaka 4 dan Jalan Bunga Cempaka 14 telah dilaksanakan.

**Makluman****3.9. TURAP JALAN**

Kerja-kerja turapan semula jalan di kawasan tempat letak kereta di Pangsapuri Anggerik Bukit Permai 2 dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.10. PEMBUKAAN JALAN**

Jabatan telah mengeluarkan surat arahan pada 15 Mei 2013 kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor berkenaan isu pembukaan jalan dari markas tentera ke Jalan Cheras Hartamas (berhadapan panggung Kempas) kerana pada setiap pagi penduduk mengambil masa yang lama untuk keluar dari Jalan Cheras Hartamas.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.11. TURAP JALAN**

Kerja-kerja turapan jalan dilaksanakan di Lembah Maju (hadapan rumah teres 2 tingkat dalam tindakan jabatan).

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.12. TURAP JALAN**

Kerja-kerja penampalan jalan di Jalan Cheras Hartamas yang rosak akan dilaksanakan dari masa ke semasa.

**Makluman**

**3.13. JALAN ROSAK**

Kerja-kerja pembaikan jalan rosak dan teruk di Jalan Permai 1, Kg Ampang Indah akan dilaksanakan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.14. JALAN BERLUBANG**

Kerja-kerja penampalan jalan berlubang di lokasi-lokasi seperti di bawah di dalam tindakan jabatan.

- a) Jalan BJS 2, Taman Bukit Segar Jaya 1
- b) 41, Jalan BJS 3A, Taman Bukit Segar Jaya
- c) 81, Jalan BJS 3A, Taman Bukit Segar Jaya
- d) 41, Jalan BJS 5, Taman Bukit Segar Jaya
- e) 49, Jalan BJS 5, Taman Bukit Segar Jaya
- f) 52A ,Jalan BJS 5, Taman Bukit Segar Jaya
- g) 2, Jalan BJS 6, Taman Bukit Segar Jaya
- h) 39, Jalan BJS 6, Taman Bukit Segar Jaya
- g) 13, Jalan BSJ 7, Taman Bukit Segar Jaya

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.15. PELEBARAN JALAN**

Pihak pemaju akan melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan di persimpangan keluar Jalan Cheras Hartamas dan Jalan DBKL seperti yang telah diluluskan.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.16. TURAPAN JALAN DI KAWASAN BERSTRATA**

Pihak Majlis diminta untuk membuat permohonan kepada pihak negeri untuk membantu sebahagian pihak JMB yang kurang berkemampuan untuk menurap semula jalan-jalan di kawasan berstrata. Jabatan memaklumkan pihak JMB boleh memohon peruntukan ADUN di bawah Geran Selangorku.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.17. JALAN BERLUBANG**

Kerja-kerja tampalan jalan-jalan yang telah rosak di kawasan Bukit Indah akibat kerja-kerja korekan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu telah dilaksanakan.

**Makluman**

**3.18. PENURAPAN SEMULA PERMUKAAN TEMPAT LETAK KERETA YANG ROSAK**

Kerja-kerja penurapan ke atas permukaan tempat letak kereta yang rosak khususnya di Ampang Point, Taman Permata Jaya dan Taman Melawati dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.19. MASALAH BANJIR DI TAMAN SERAYA**

Pihak Jabatan Kejuruteraan telah memohon peruntukan Selangorku bagi projek mengatasi banjir di sekitar Jalan 5 dan Jalan 8 serta di Jalan Bunga Cempaka 19A tetapi masih belum menerima maklumbalas daripada MBI.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.20. HAKISAN TEBING SUNGAI KERAYONG**

Wakil JPS Hulu Langat memaklumkan, pihak jabatan sedang memohon kelulusan peruntukan untuk mengatasi masalah hakisan tebing Sungai Kerayong yang berlaku di Jalan 29/1 Taman Putra. Lawatan tapak juga telah dibuat dan tindakan

akan diambil dalam tempoh sebulan. Kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan pada awal bulan April 2013.

**Tindakan:  
JPS Hulu Langat**

### **3.21. KEJADIAN BANJIR DI JALAN F TAMAN MELAWATI**

Jabatan telah menghantar surat makluman susulan kepada pihak JPS pada 16 April 2013 berkaitan kejadian banjir yang berlaku disebabkan halangan dari pembinaan perangkap sampah di 'monsun drain' berhampiran di Jalan F Taman Melawati untuk tindakan selanjutnya.

**Tindakan:  
JPS Gombak**

### **3.22. MASALAH BANJIR DI FLAT KOS RENDAH PANDAN MEWAH**

Pihak JMB memaklumkan tidak mempunyai peruntukan yang cukup bagi menyelenggara longkang berdekatan Flat Pandan Mewah yang tidak dapat menampung air setiap kali hujan dan berlaku banjir. Mesyuarat mencadangkan supaya JMB memohon bantuan Skim Ceria yang dianjurkan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

**Tindakan :  
Bahagian COB**

**3.23. KEJADIAN BANJIR KILAT**

Kos penggantian palung untuk mengatasi masalah banjir kilat di sekitar Jalan 1D, Kg. Lembah Jaya Selatan melebihi kos kerja segera. Jabatan akan mencadangkan kerja-kerja sebutharga.

Jabatan juga mendapati kerja-kerja pembersihan longkang perlu dilaksanakan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan/**  
**Jabatan Perhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**3.24. KEPERLUAN 'SPEED BREAKER'**

Pihak JKR sedang dalam penyediaan proses sebutharga bagi kerja-kerja meletakkan 'speed breaker' di simpang jalan ke Jalan Cempaka 8 (simpang ke Petronas dan Caltex) kerana kenderaan dari Taman Dagang terlalu laju.

**Tindakan :**  
**JKR Hulu Langat**

**3.25. PERMOHONAN BONGGOL**

Semakan jabatan mendapati lokasi untuk pembinaan bonggol di lokasi-lokasi di bawah tidak sesuai.

- i. Lorong 1/1C Kg Seri Taman Baru Tasek Tambahan
- ii. Lorong 1/1A Kg Seri Taman Baru Tasek Tambahan  
(2 unit)
- iii. Lorong 2/1A Kg Seri Taman Baru Tasek Tambahan  
(2 unit)
- iv. Jalan 1/2 Kg Seri Taman Baru Tasek Tambahan (3 unit)

Jabatan memaklumkan sebarang permohonan bonggol akan dipertimbangkan di lokasi tertentu sahaja. Jika permohonan selain kawasan yang ditetapkan di dalam garis panduan, pihak jabatan akan membuat semakan dengan pihak polis terlebih dahulu untuk memastikan keperluan tersebut.

**Makluman****3.26. PERMOHONAN CAT BONGGOL**

Kerja-kerja mengecat bonggol di hadapan surau Al Falah Taman Cempaka dalam tindakan jabatan.

**Makluman****3.27. PEMBAIKAN BONGGOL**

Jabatan memaklumkan dari lawatan tapak yang dibuat, tidak terdapat sebarang bonggol ditapak yang dinyatakan iaitu di Jalan Bunga Mawar 5A.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.28. PERMOHONAN BONGGOL**

Pihak jabatan akan menyemak semula permohonan untuk menyediakan 2 bonggol di Jalan 49 (berhampiran Apartment Glenview Villa) menuju ke pejabat JKP kerana banyak kenderaan dipandu dengan laju.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.29. KEPERLUAN 'RAILING'**

Pihak JKR sedang dalam penyediaan sebutharga untuk kerja-kerja meletakkan 'railing' di selekoh masuk ke Jalan Cempaka dari MRR2 (Taman Bakti). Kerja-kerja akan mula dilaksanakan pada bulan Jun 2013.

**Tindakan :**  
**JKR Hulu Langat**

**3.30. MOHON PEMBINAAN 'RAILING'**

Semakan jabatan dilokasi mendapati tiada keperluan 'railing' di sepanjang Jalan Pandan Ilmu kiri dan kanan jalan. Walau bagaimanapun, mesyuarat mencadangkan supaya perbincangan diadakan untuk menanam pokok-pokok yang bersesuaian di laluan pejalan kaki tersebut.

**Tindakan :**  
**Jabatan Belia dan Masyarakat**

**3.31. 'WALKWAY' BERBUMBUNG BERTENTANGAN PASAR PAGI TAMAN MUDA**

Pihak JKR tidak bertanggungjawab terhadap isu pembinaan "walkway" berbumbung bertentangan pasar pagi Taman Muda. Jabatan akan membincangkan isu ini di dalam mesyuarat tindakan daerah yang diadakan.

**Makluman**

**3.32. PEMBAIKAN LONGKANG**

Semakan yang dijalankan terhadap aduan kerosakan longkang di Jalan Bunga Tanjung 10 Taman Muda mendapati tiada kawasan padang disekitarnya.

**Makluman**

**3.33. PENYELENGGARAAN SUNGAI KONGSI 8**

Pihak Jabatan telah menghantar surat kepada pihak JPS Gombak berhubung kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Kongsi 8 di Taman TAR namun tiada sebarang maklumbalas diterima sehingga kini.

**Tindakan:**  
**JPS Gombak/ Jabatan Kejuruteraan**

**3.34. LONGKANG PECAH**

Semakan jabatan mendapati lokasi aduan longkang pecah di No. 49, Jalan 5 Pandan Mewah tidak ditemui dan aduan tidak benar.

**Makluman**

**3.35. LONGKANG TERSUMBAT**

Kerja-kerja pembersihan longkang tersumbat dan kotor di Jalan 1/23D Pandan Indah berhadapan kedai SkyNet telah dilaksanakan pada 20 Mei 2013. Pembersihan seterusnya pada 8 Jun 2013.

**Makluman**

**3.36. PENYELENGGARAAN LONGKANG DI LORONG-LORONG KG PANDAN DALAM**

Kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan keseluruhan longkang di lorong-lorong Kg Pandan Dalam dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan/**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**3.37. PEMBAIKAN LONGKANG**

Kerja-kerja pembaikan longkang yang telah runtuh dan dipenuhi lalang di Jalan Bunga Cempaka 5A telah dilaksanakan.

**Makluman****3.38. LONGKANG TERSUMBAT**

Semakan Jabatan Kejuruteraan mendapati kerja-kerja pembersihan longkang bawah tanah tersumbat kerana didapati dihalangi oleh kabel utiliti yang merentangi longkang tersebut di Jalan Teratai 1/2E Taman Bukit Teratai perlu dilaksanakan.

**Tindakan :****Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan****3.39. PEMBAIKAN LONGKANG**

Kerja-kerja pembaikan longkang rosak di belakang Jalan Melur 35, Taman Melur (bersempadan dengan kawasan pembangunan Syarikat Bumi Bakti) dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :****Jabatan Kejuruteraan****3.40. LONGKANG PECAH**

Kerja-kerja pembaikan longkang pecah di lorong belakang antara Jalan Dagang 3A dan Jalan Dagang 2, Taman Dagang Jaya dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :****Jabatan Kejuruteraan**

**3.41. PEMBAIKAN BAHU JALAN DAN LONGKANG**

Kerja-kerja pembaikan bahu jalan dan longkang di tepi Pangsapuri Cengal dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.42. PENYELENGGARAAN LONGKANG**

Kerja-kerja pembaikan longkang yang melintangi Jalan Cheras Hartamas berhampiran Pangsapuri Kempas telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun kerja-kerja pembersihan longkang yang telah dipenuhi daun-daun kering perlu dilaksanakan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**3.43. LONGKANG KECIL DAN AIR BERTAKUNG**

Kerja-kerja pembaikan longkang kecil dan menyebabkan air bertakung di belakang pagar Jalan BJS 2, Taman Bukit Segar Jaya dalam tindakan jabatan.

**Makluman**

**3.44. HAKISAN TANAH**

Jabatan Kejuruteraan memaklumkan kerja-kerja pembaikan hakisan tanah di Riana Ukay dan Kg Sering Ukay dalam tindakan kontraktor dan dijadualkan siap dalam tempoh 6 minggu dari tarikh mula kerja pada 19 April 2013. Masalah hakisan berpunca dari mendapan akibat pergerakan dari tebing Sungai Sering.

Jabatan diminta untuk memaklumkan kepada pihak JPS secara bertulis supaya mengambil tindakan pembaikan tebing sungai tersebut.

Selain itu mesyuarat mencadangkan supaya dibuka satu laluan alternatif lain (jalan lama) dari Sungai Sering sebagai laluan ke taman tersebut untuk penduduk-penduduk disitu.

**Tindakan:**  
**Jabatan Kejuruteraan**

### **3.45. TEHING RUNTUH**

Jabatan sedang membuat permohonan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan tebing runtuh (monsun drain) di Jalan Enggang 13 melalui peruntukan Geran Selangorku.

**Tindakan:**  
**Jabatan Kejuruteraan**

### **3.46. LAMPU JALAN**

Pihak JKR masih menunggu peruntukan dari persekutuan untuk kerja-kerja pemasangan lampu jalan di Jalan Langat dari Tasek Tambahan ke Menara Tinjau kerana kawasan tersebut gelap. JKR memaklumkan kos untuk menyediakan lampu jalan mencecah RM 3 juta. Jabatan akan membuat penyelarasan semula bersama pihak JKR untuk sebahagian lampu-lampu jalan yang akan diselenggara oleh pihak Majlis.

**Tindakan :**  
**JKR Hulu Langat/**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.47. KEPERLUAN LAMPU JALAN DI TAMAN MESTIKA**

Mesyuarat dimaklumkan keperluan tambahan lampu jalan di Taman Mestika adalah dibawah tanggungjawab pihak MC. Jabatan memaklumkan dalam proses sebutharga dan perlantikkan ejen baru.

**Tindakan :  
Bahagian COB**

**3.48. MOHON LAMPU LIMPAH**

Pemasangan lampu limbah di taman permainan kanak-kanak di kawasan padang Jalan Bunga Melati 12, Taman Seraya Ampang telah dilaksanakan.

**Makluman**

**3.49. LAMPU JALAN TIDAK MENYALA**

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan tidak menyala di jalan masuk ke Lembah Jaya Selatan di bawah tanggungjawab pihak JKR Hulu Langat.

**Tindakan :  
JKR Hulu Langat**

**3.50. LAMPU TIDAK MENYALA**

Lampu tidak menyala dan jalan berlubang di Jalan Besar Kg. Cheras Baru di bawah tindakan pihak JKR.

**Tindakan :  
JKR Hulu Langat**

**3.51. LAMPU JALAN TIDAK MENYALA DAN TIADA PENUTUP LAMPU**

Pihak jabatan memaklumkan lawatan telah dibuat pada 3 Jun 2013. Lampu yang rosak seperti di senaraikan telah baiki. Penutup yang pecah tidak dapat diganti kerana tiada dipasaran. Walau bagaimanapun kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan secara berperingkat:

- a) Jalan masuk ke rumah teres Taman Bukit Segar Jaya dan Pangsapuri Bukit Segar A7
- b) Jalan BJS 2 Taman Bukit Segar Jaya 1
- c) 47, Jalan BJS 3, Taman Bukit Segar Jaya (FP4R1)
- d) 66, Jalan BJS 3A, Taman Bukit Segar Jaya (FP4B1)
- e) 67, Jalan BJS 5 Taman Bukit Segar Jaya (FP4R2)
- f) 12A, BJS 6 Taman Bukit Segar Jaya (FP5Y2)
- g) Lampu di tapak permainan kanak-kanak Taman Bukit Segar Jaya
- h) 20, Jalan BSJ 6, Taman Bukit Segar Jaya (FP5B2)
- i) 42, Jalan BSJ 3A Taman Bukit Segar Jaya (FP4B1)
- j) 71, Jalan BSJ 3, Taman Bukit Segar Jaya (FP4R1)

**Makluman****3.52. LAMPU JALAN**

Lampu jalan tidak berfungsi dari Jalan Taman Bakti (AXIS) sehingga ke Petronas Taman Chempaka adalah di bawah tanggungjawab pihak JKR.

**Tindakan :**  
**JKR Hulu Langat**

**3.53. MOHON TUKAR TIANG LAMPU**

Jabatan memaklumkan kerja-kerja menukar tiang lampu lama (tiang kayu) di Kg. Cheras Baru ditukar ke tiang lampu baru jenis bercarbonise yang berlelengan adalah di bawah tanggungjawab pihak TNB. Ahli Majlis kawasan memaklumkan akan mengadakan penyelarasan bersama pihak TNB berhubung isu ini.

**Tindakan :**  
**TNB**

**3.54. CANTAS POKOK**

Kerja-kerja cantasan pokok-pokok yang melindungi lampu-lampu di Jalan Pandan Ilmu dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Belia dan Masyarakat**

**3.55. CANTAS POKOK**

Kerja-kerja cantasan pokok di Jalan Bunga Cempaka 6A dan Jalan Bunga Mawar 5A kerana pokok tersebut dikuatir tumbang semasa hujan ribut dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Belia dan Masyarakat**

**3.56. POKOK MATI**

Semakan jabatan mendapati tidak terdapat pokok mati di taman permainan tepi Pangsapuri Kempas.

**Makluman**

**3.57. CANTAS POKOK**

Jabatan memaklumkan maklumat pengadu tidak tepat dan tidak dapat dihubungi berkenaan aduan cantasan pokok di Taman Cheras Hartamas Fasa 1.

**Tindakan :**  
**Jabatan Belia dan Masyarakat**

**3.58. TIANG LAMPU DI TAPAK PARKIR KERETA DI JALAN CEMPAKA**

Kerja-kerja menyediakan tiang lampu di tapak parkir kereta di Jalan Cempaka 14, Taman Cempaka sedang dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.59. HALANGAN LALUAN KE PANGSAPURI SRI HIJAUAN**

Jabatan memaklumkan halangan pagar yang dibina oleh penduduk di Pangsguri Sri Puteri adalah di luar kawasan JMB dan telah dibuka. Halangan yang terdapat di Jalan UP 2/1 juga telah dialihkan dan jalan tersebut dibuka untuk laluan awam.

**Makluman**

**3.60. LORONG TEPI RUMAH YANG BERPAGAR**

Kertas siasatan telah diterima di Jabatan Undang-Undang pada 5 Jun 2013 berhubung lorong tepi rumah antara rumah No. 21 dan 23 Jalan Melur 11, Taman Melur telah dipagar dan dijadikan hak individu oleh pemilik rumah. Semakan lanjut akan dibuat sebelum mendapat izin pendakwaan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Bangunan dan Senibina/**  
**Jabatan Undang-undang**

**3.61. PEMBAIKAN TAMAN PERMAINAN**

Kerja-kerja penyelenggaraan taman permainan dan kemudahan gelanggang serta pagar di padang Jalan 1/9 Taman Dagang telah dilaksanakan.

**Makluman****3.62. TAMBAKAN PASIR DI PADANG BOLA JALAN H KG. PANDAN**

Kerja-kerja menambak pasir di padang bola di Jalan H, Kg. Pandan Dalam kerana lokasi tersebut sering menjadi takungan apabila musim hujan lebat sedang dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Belia dan Masyarakat**

**3.63. PENYELENGGARAAN KAWASAN LAPANG**

Pihak TNB telah mengadakan lawatan tapak bagi kawasan lapang di bawah kabel TNB di sekitar Lorong Enggang 15 dan Jalan Enggang Timur 1 yang ditumbuhki semak samun dan belukar. Pihak TNB akan menjalankan tindakan pembersihan di kawasan tersebut.

**Tindakan:**  
**TNB**

**3.64. PENYELENGGARAAN DI PENCAWANG ELEKTRIK TNB**

Penyelenggaraan pencawang-pencawang elektrik TNB di sekitar Taman Keramat terutama di AU 1B, AU 1A, AU 3/1 Keramat Permai perlu dilaksanakan memandangkan kebanyakan pencawang telah dipenuhi rumput dan

memberi pemandangan yang tidak elok seterusnya mencemarkan imej Majlis. Pihak TNB akan memastikan penyelenggaraan dilaksanakan di lokasi seperti yang dinyatakan.

**Tindakan :**  
**TNB**

### **3.65. SEMAK SAMUN DI JALAN MASUK KE CHERAS HARTAMAS**

Pihak pemaju CL Mall Sdn.Bhd. telah membersihkan tanah yang semak samun ke jalan di laluan masuk ke Cheras Hartamas pada 8 Jun 2013.

**Makluman**

### **3.66. SEMAK SAMUN BERSEBELAH SEKOLAH RENDAH PANDAN INDAH**

Kerja-kerja pembersihan tanah yang bersemak samun bersebelahan Sekolah Rendah Pandan Indah dalam tindakan jabatan.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

### **3.67. SEMAK SAMUN DI REZAB TNB**

Semakan jabatan mendapati kawasan semak samun di tepi Rezab TNB berhampiran Bayu Mas telah diwartakan sebagai kawasan lapang. Kerja-kerja pembersihan akan dilaksanakan oleh jabatan pada bulan Jun 2013.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**3.68. PENYELENGGARAN JALAN YANG DIPENUHI LALANG**

Pembersihan di Jalan 2/10 pandan Indah telah dilaksanakan pada 22 Mei 2013. Pembersihan seterusnya pada 11 Jun 2013. Pembersihan di Jalan Bunga Matahari telah dilaksanakan pada 27 Mei 2013. Pembersihan seterusnya pada 15 Jun 2013.

**Makluman****3.69. PENYELENGGARAN KAWASAN DI HADAPAN HOTEL FLAMINGO**

Berkaitan isu rumput panjang dan sampah sarap yang tidak dibersihkan di kawasan berhadapan Hotel Flamingo masih yang berulang, pihak jabatan telah melaksanakan tindakan pembersihan pada 17 Mei 2013. Pembersihan seterusnya adalah pada 17 Jun 2013. Pengerusi meminta supaya kerja-kerja pembersihan di lokasi tersebut dapat dilaksanakan lebih awal.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**3.70. TANAH LAPANG TIDAK DISELENGGARA**

Semakan jabatan mendapati tanah yang bersemak samun serta dijadikan tempat pembuangan sampah haram di sebelah Apartment Glenview Villa adalah milik TTDI Naza Group. Tindakan pembersihan akan dilaksanakan pada bulan Jun 2013 oleh pemilik tanah.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**3.71. RUMPUT PANJANG**

Kerja-kerja pembersihan rumput dan lalang panjang di sekeliling Dewan orang ramai di Taman Muda (zon 18) telah dilaksanakan pada 4 Jun 2013.

**Makluman****3.72. PEMBERSIHAN KAWASAN TEPI SUNGAI**

Semakan jabatan mendapati kawasan tepi sungai di belakang kuarters Sekolah Rendah Pandan Indah merupakan rezab JPS. Notis untuk pembersihan telah dikeluarkan pada 1 April 2013.

**Tindakan :  
JPS Hulu Langat****3.73. MENUTUP TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH**

Pihak pengurusan sedang mencari dana untuk mendirikan 'boomgate' di laluan masuk jalan yang menjadi tempat pembuangan sampah haram di Flat Pandan Indah 3/6 berhampiran rumah teres Jalan 3/6. Jabatan telah mengeluarkan surat kepada pihak LT untuk mendirikan boomgate di lokasi tersebut.

**Tindakan :  
Bahagian COB****3.74. PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI PANDAN UTAMA**

Pihak jabatan dalam proses pembelian papan tanda 'Dilarang Membuang sampah' untuk diletakkan di lokasi pembuangan sampah haram di kawasan rumah kedai Pandan Utama Fasa 1.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**3.75. RUMAH SAMPAH BERBAU BUSUK DI FLAT PANDAN UTAMA**

Jabatan akan menyelaras bersama Jabatan Bangunan dan Senibina berkaitan berhubung cadangan mengalihkan rumah sampah yang terletak di Flat Pandan Utama supaya dapat dialihkan ke lokasi yang lebih sesuai kerana keadaan rumah sampah yang telah uzur dan rosak. Selain itu jabatan memaklumkan masalah rumah sampah yang berbau adalah disebabkan sikap penduduk disekitar kawasan tersebut.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**3.76. ISU PEMBAIKAN RUMAH SAMPAH DI UKAY PERDANA**

Pihak kontraktor dalam proses penyerahan rumah sampah (yang dijadikan kiosk) kepada Majlis.

**Makluman**

**3.77. ISU LORONG BELAKANG DI AMPANG POINT**

Jabatan Kejuruteraan memaklumkan kerja-kerja penampalan jalan berlubang di lorong belakang sekitar Ampang Point dilaksanakan dari masa ke semasa namun jalan sering kali rosak dan berlubang semula.

Berhubung dengan lorong belakang yang digunakan untuk menjalankan aktiviti perniagaan membawa kepada kacau ganggu, Pengerusi meminta jabatan-jabatan lain yang berkaitan supaya dapat menyemak semua isu ditapak dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

**Tindakan :  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan/**

**Jabatan Kejuruteraan/Jabatan Pelesenan  
Jabatan Bangunan dan Senibina/Jabatan Penguatkuasa**

**3.78. TONG KITAR SEMULA TANPA KEBENARAN**

Tindakan penguatkuasaan terhadap tong kitar semula yang tidak mendapat kebenaran Majlis, keseluruhannya telah selesai dilaksanakan. Pihak operator tong kitar semula akur di atas tindakan pihak Majlis dan mereka telah pun menghantar senarai permohonan baru tong kitar semula di atas rezab jalan untuk kelulusan Majlis. Pihak jabatan sedang memproses permohonan tersebut.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**3.79. SAMPAH SARAP DI MEDAN SELERA ANGSANA HILIR KG.  
PANDAN**

Jabatan memaklumkan semakan di lokasi mendapati peniaga-peniaga telah menyediakan tong sampah di premis masing-masing. Sampah sarap yang bertaburan di sekitar medan selera berpunca dari pembuangan oleh penduduk sekitar. Isu pembuangan sampah ini sering berulang.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan/  
Jabatan Penguatkuasa**

**3.80. PERMOHONAN MENGADAKAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK**

Pihak jabatan telah menghantar permohonan bagi mengadakan tempat pusat jagaan kanak-kanak di Taman Cheras Hartamas kepada pihak Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk mewartakan tapak tersebut sebagai rezab

tadika. Jabatan sentiasa menghubungi pihak yang terlibat untuk mendapatkan maklumbalas berhubung status permohonan dari masa ke semasa.

**Tindakan:  
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

### **3.81. SETINGGAN DI KG MUHIBBAH**

Semakan Jabatan Perancang Bandar melalui pihak PTD Hulu Langat pada 26 Mac 2013 mendapati status tanah di Jalan Sri Idaman, Kg. Muhibbah di mana terdapat 4 buah setinggan yang didiami oleh warga asing (Indonesia) adalah tanah kerajaan. Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan.

**Tindakan :  
PTD Hulu Langat**

### **3.82. PEMBINAAN TANGKI AIR**

Jabatan telah memaklumkan kepada Pejabat YB Iskandar Abd Samad untuk mengadakan mesyuarat bagi membincangkan isu tangki air di Taman Pandan Utama, Kg Pandan fasa 1 dan 2 dan ke atas 3 buah rumah di tapak tangki air di Jalan E, Kg Pandan Dalam.

**Tindakan:  
Jabatan Bangunan dan senibina**

### **3.83. ISU PEMBINAAN TEMBOK DI TAMAN SERAYA**

Berhubung isu pembinaan tembok keselamatan di hujung Jalan Bunga Melati 1 dan 3 Taman Seraya. Pihak Majlis telah mengarahkan pemohon untuk mendapatkan kebenaran dari Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat. Selain itu,

pemilik rumah tersebut diminta melantik jurutera bertauliah untuk membuat pengesahan kekuahan struktur tersebut. Pemilik rumah tersebut juga diminta mengemukakan surat tanggungjawab terhadap apa-apa yang berlaku terhadap tembok tersebut.

Jabatan memaklumkan sehingga kini pemilik masih belum mengemukakan sebarang maklumbalas dan dokumen seperti yang dikehendaki oleh jabatan.

**Makluman****3.84. AIR MASUK KE DALAM DEWAN TERUTAMA MUSIM HUJAN DI DEWAN MPAJ KG CHERAS BARU**

Kerja-kerja membina longkang permukaan bagi mengalirkan air larian dan pada dinding tembok longkang dibina lubang air bagi air mengalir dengan baik serta menaiktaraf longkang dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**3.85. PERMOHONAN PAPAN TANDA NAMA**

Kerja-kerja menyediakan papan tanda nama taman atau kampung seperti di bawah telah dilaksanakan.

- a) 2 lokasi di Kg Tasek Tambahan seperti berikut:
  - i.Simpang Jalan Taman Putra ke Jalan Tasek Tambahan 1
  - ii.Simpang Jalan Taman Putra ke Jalan Hulu Langat
- b) Kg Tasik Permai di Simpang Jalan Hulu Langat ke Jalan Permai 29.

**Makluman**

**3.86. LIMPAHAN AIR KETIKA HUJAN LEBAT**

Jabatan sedang menyediakan laporan kajian di keseluruhan kawasan yang terlibat berkaitan laluan air yang menyebabkan limpahan air berlaku apabila hujan lebat di Jalan Ikan Jelawat Ampang Campuran. Pembentangan kertas kerja akan dibuat pada mesyuarat akan datang.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.87. KAWASAN TERNAKAN DI LERENG JALAN**

Isu kawasan lereng jalan di Jalan Hulu Langat yang dijadikan kawasan ternakan haiwan seperti rusa, kambing, ayam dan sebagainya di bawah seliaan Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat.

**Tindakan :**  
**PTD Hulu Langat**

**3.88. ISU PEMBINAAN SEKOLAH KEBANGSAAN UKAY PERDANA**

Jabatan Peancang Bandar diminta menyelaras mesyuarat bersama pihak yang terlibat berkenaan status pembinaan Sekolah Kebangsaan di Ukay Perdana.

**Tindakan :**  
**JKR Gombak/Jabatan Kejuruteraan**  
**Jabatan Perancang Bandar**

**3.89. PEMASANGAN IKLAN DAGING KHINZIR**

Iklan haram penjualan daging khinzir yang digantungkan di sekitar Taman Muda telah diturunkan.

**Makluman**

**3.90. 'MANHOLE' MENDAP**

Kerja-kerja pembaikan 'manhole' yang telah mendap di kawasan lampu isyarat ke Jalan Bunga Mawar 2 (hadapan pasar pagi Taman Muda) dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.91. HAKISAN TANAH DAN LUBANG BESAR**

Kerja-kerja penyelenggaraan hakisan tanah dan lubang besar di kawasan cerun di Pangsguri Anggerik Bukit Permai telah dilaksanakan.

**Makluman**

**3.92. TANGKI AIR PECAH DI FLAT AMPANG SAUJANA**

Kerja-kerja pembaikan tangki air pecah di Flat Ampang Saujana akan dilaksanakan oleh pihak pemaju.

**Tindakan :  
Bahagian COB**

**3.93. MOTOSIKAL BURUK**

Motosikal buruk telah dialihkan di pintu pagar utama Dewan Orang Ramai Taman Muda.

**Makluman**

**3.94. KEDAI SEMBUR CAT**

Notis kacauganggu telah dikeluarkan terhadap kedai cat yang beroperasi di lorong belakang antara Lorong 6/5 dan 6/6 serta antara Lorong 6/4 dan 6/6 Pandan Indah Commercial Park. Tindakan penguatkuasaan akan diambil setelah tamat tempoh notis.

**Tindakan :  
Jabatan Penguatkuasa**

**3.95. BENDERA PARTI**

Bendera parti yang dipacakkkan di atas pokok di Jalan Cheras Hartamas dan Jalan Bukit Segar Jaya telah diturunkan.

**Makluman**

**3.96. PENJAJA MENINGGALKAN KANOPI DAN MEJA**

Tindakan sitaan kanopi dan meja yang telah rosak ditinggalkan oleh penjaja di hadapan rumah kedai Taman Bukit Segar Jaya telah dilaksanakan pada 10 Mei 2013.

**Makluman**

**3.97. PEMBAIKAN HOARDING**

Jabatan telah memaklumkan kepada pihak pemaju BHL Gemilang untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan 'hoarding' dan pihak pemaju telah bersetuju. Jabatan juga akan menyelaraskan lawatan di tapak bersama pihak pemaju.

**Tindakan :  
Jabatan Bangunan dan Senibina**

**3.98. KEROSAKAN TAPAK ZON HIJAU**

Jabatan memaklumkan pihak Maxis akan menjalankan kerja-kerja pembaikan tapak zon hijau di Bukit Segar Jaya 2 dan Pangsapuri Cemara yang telah rosak akibat kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak Maxis.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.99. ADUAN KERETA ROSAK**

Jabatan telah mengeluarkan notis terhadap beberapa buah kereta rosak dan perlu dialihkan di Pangsapuri Bukit Segar.

**Tindakan :**  
**Jabatan Penguatkuasa**

**3.100. ISU DI PANGSAPURI BUKIT SEGAR A1**

Jabatan telah menghantar surat untuk memohon penjelasan dan maklumbalas berkaitan isu pihak JMB di situ tidak berperanan dengan baik dan penduduk sering menghadapi masalah bil air, penyelenggaraan lif, lampu dan banyak lagi masalah di kawasan tersebut. Pihak COB juga akan membuat pemantauan berkala (audit) di kawasan tersebut.

**Tindakan :**  
**Bahagian COB**

**3.101. PAIP SYABAS MELINTANGI LONGKANG DI TEPI JALAN BESAR**

Paip Syabas yang melintangi longkang di tepi jalan hadapan Caltex Jalan Ampang di bawah seliaan pihak Syabas Gombak.

**Tindakan :**  
**Syabas Gombak**

**3.102. STATISTIK ADUAN MAJLIS**

Jabatan memaklumkan stastik aduan majlis telah diemailkan kepada ahli majlis pada setiap bulan. Walau bagaimanapun, mesyuarat memohon supaya menyediakan statistik aduan yang lebih terperinci supaya Ahli Majlis dapat sama-sama membantu menyelesaikan aduan tersebut.

**Tindakan :  
Jabatan Perancangan Korporat**

**3.103. MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR DI LALUAN UTAMA MENUJU KE  
BUKIT ANTARABANGSA**

Hasil semakan jabatan mendapati lampu jalan di laluan utama menuju ke Bukit Antarabangsa seperti di bawah berfungsi dengan baik.

- i) Jalan Wangsa 1 (dari simpang MRR2 hingga kawasan Jalan Wangsa 2)
- ii) Jalan Kelab Ukay Utama hingga ke simpang Wangsa 6 (kawasan Giant/Petronas)

**Makluman**

**4. HAL-HAL LAIN****TUAN HAJI ALI BIN ISMAIL****4.1 PENUBUHAN JAWATANKUASA KHAS (TASK FORCE)**

Beliau memohon supaya Jabatan Kejuruteraan mewujudkan Jawatankuasa Khas (taskforce) bagi mengenalpasti kawasan yang sering di landa banjir kilat di seluruh kawasan MPAJ dan mencadangkan kaedah pengawalan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah tersebut.

**Tindakan:  
Jabatan Kejuruteraan**

**TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS****4.2 PENYELENGGARAAN DAN PEMBERSIHAN KAWASAN**

Mohon pihak jabatan terlibat untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan di seluruh kawasan Taman Dagang Fasa 1 termasuk kawasan padang yang perlu diselenggara kerana telah mendap. Longkang di seluruh kawasan tersebut juga telah tersumbat dan banyak sampah-sarap bertaburan.

**Tindakan :  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan/  
Jabatan Belia dan Masyarakat**

**4.3 TURAP JALAN**

Mohon kerja-kerja turapan jalan di Jalan Cempaka 8 (kawasan rumah kedai)

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**4.4 CANTASAN POKOK**

Mohon kerja-kerja cantasan pokok dilaksanakan di Jalan Pandan Utama (main road) hadapan rumah kedai.

**Tindakan :**  
**Jabatan Belia dan Masyarakat**

**4.5 'CULVERT TERSUMBAT'**

'Culvert' tersumbat di longkang Jalan A (Jalan Besar Kg. Pandan) bersebelahan jalan keluar dari Jalan H (Taman hadapan masjid) menyebabkan rumah di tepi longkang dinaiki air semasa hujan lebat.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**TUAN ABDUL LATIF BIN SHAARI**

**4.6 PERMOHONAN LAMPU ISYARAT**

Permohonan dari penduduk Taman TAR supaya disediakan lampu isyarat di persimpangan Jalan Kerja Air Lama dan Jalan 4K Ampang Jaya. Persimpangan ini sentiasa sibuk terutama di waktu pagi.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**TUAN ABDUL JALIL BIN HASAN**

**4.7 TURAP JALAN**

Beliau memohon agar Jalan Pandan Utama di antara lampu isyarat depan Hospital Pantai Pandan Indah dengan lampu isyarat Jalan Ilmu diturap semula kerana jalan tersebut tidak rata.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.8 MENAIKTARAF JALAN**

Mohon jabatan untuk melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf Jalan Pandan Makmur.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.9 CANTAS POKOK**

Mohon pihak majlis mencantas pokok-pokok termasuk pokok-pokok bunga yang terdapat di hadapan rumah penduduk yang telah menimbus hingga ke tengah jalan terutama di Lorong Bunga Matahari 1A Taman Maju Jaya Fasa 3. Terdapat juga rimbunan pokok-pokok di tepi padang Jalan Bunga Matahari 2, Taman Maju Jaya Fasa 3.

**Tindakan :**  
**Jabatan Belia dan Masyarakat**

**TUAN MAT JUSOH BIN DOLLAH**

**4.10 PAPAN TANDA JALAN**

Papan tanda jalan sehala diperlukan di Jalan 7, Kg Ampang Indah.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.11 MOHON PEMASANGAN 'RAILING'**

Pagar keselamatan (railing) di tepi longkang besar sepanjang jalan depan Flat Sri Intan, Lembah Jaya diperlukan bagi keselamatan penduduk setempat.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.12 PEMBINAAN LONGKANG**

Pembinaan longkang di jalan masuk Flat Lembah Permai (Blok B3 & B4) diperlukan bagi mengelakkan air mengalir masuk ke rumah kediaman di seberang jalan apabila hujan lebat.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.13 KEPERLUAN LONGKANG**

Mohon pembinaan longkang dari pintu masuk Taman Rimba Bukit Belacan hingga ke Jalan 1, Kg Pinggiran 3, Lembah Jaya Utara.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.14 PAPAN TANDA TAMAN**

Beliau memohon supaya disediakan papan tanda nama taman di Taman Mulia Jaya dan Taman Ampang Saujana.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.15 MOHON PEMBINAAN DEWAN DAN GELANGGANG FUTSAL**

Penduduk memohon supaya dibina sebuah dewan dan gelanggang futsal di tapak tanah kosong di Taman Ampang Saujana.

**Tindakan :**  
**Jabatan Belia dan Masyarakat**

**TUAN MOHAMAD BIN SAMAT****4.16 MOHON PEMBINAAN LALUAN SIAR KAKI**

Pembinaan laluan siar kaki di sepanjang Jalan Teratai 1 /2, Taman Bukit Teratai Ampang bagi kemudahan pejalan kaki dari kawasan perumahan di sekitar kawasan tersebut.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.17 KEMALANGAN DARI JALAN HULU LANGAT KE TASIK TAMBAHAN**

Beliau memohon cadangan dari mesyuarat untuk penyelesaian masalah kemalangan yang sering berlaku di persimpangan Jalan Hulu Langat (menuruni bukit) ke Tasik Tambahan. Tambahan pula kenderaan berat sering terbabas di persimpangan tersebut.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.18 KEMUDAHAN PEJABAT POS DI PANDAN PERDANA**

Jabatan Perancang Bandar diminta untuk membuat permohonan ke Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk menyediakan kemudahan pejabat pos di Pandan Perdana untuk kemudahan awam.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perancang Bandar**

**TUAN HAMSAH BIN DJABIR****4.19 KEPERLUAN BONGGOL**

Mohon disediakan bonggol di Jalan Dagang 6 Taman Dagang Jaya.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.20 LAMPU JALAN TIDAK BERFUNGSI**

Lampu jalan tidak berfungsi di hadapan Flat Dato' Ahmad Razali hingga hadapan Dewan Dato' Ahmad Razali mohon dibaiki segera.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.21 TURAP JALAN**

Mohon kerja-kerja penurapan semula jalan setelah kerja-kerja pengorekan jalan di Jalan Besar Ampang bermula dari Tiara Kondo hingga ke lampu isyarat Kg. Melayu Ampang.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**TUAN RAZALI BIN RAMLY****4.22 BESI PENGHADANG TANPA KEBENARAN**

Terdapat aduan besi penghadang yang didirikan tanpa kebenaran di Taman Sri Ukay berhampiran Sekolah Agama Islam ADNI. Jabatan Perancang telah mengeluarkan notis dan tindakan penguatkuasaan akan diambil sekiranya pihak berkenaan yang terlibat tidak membuka semula besi penghadang tersebut.

**Tindakan :**  
**Jabatan Penguatkuasa**

**4.23 ISU DI DEWAN ORANGRAMAI AU3/1 KERAMAT**

Beliau memaklumkan pihak yang menggunakan dewan Orang Ramai AU3/1 Keramat semasa pilihanraya telah menurunkan bingkai gambar YB dan tidak dinaikkan semula. Mohon jabatan menyemak semula perkara ini.

**Tindakan :  
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**4.24 PENIAGA DI MEDAN SELERA SRI TANJUNG**

Peniaga-peniaga di medan selera Sri Tanjung memohon supaya disediakan tong sampah yang lebih besar memandangkan tong sampah sedia ada tidak mencukupi.

**Tindakan :  
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**4.25 PEMBINAAN CULVERT DI LORONG ENGGANG TIMUR 1**

Beliau mencadangkan untuk pembinaan culvert di Lorong Enggang Timur 1 menggunakan peruntukan MARRIS. Jabatan memaklumkan peruntukan MARRIS yang digunakan hanyalah untuk kerja-kerja pembaikan. Walau bagaimanapun sekiranya keperluan permbinaan culvert tersebut mendesak jabatan akan menggunakan peruntukan di jabatan.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**4.26 PEMBINAAN BUMBUNG DI GELANGGANG BOLA JARING**

Jabatan diminta untuk menyemak semula kelulusan bagi pembinaan bumbung gelanggang bola jaring di Kuala Lumpur dengan jabatan berkaitan.

**Tindakan :  
Jabatan Bangunan dan Senibina/  
Jabatan Belia dan Masyarakat**

**4.27 BENDERA PARTI**

Beliau memaklumkan banyak bendera-bendera parti yang tidak diturunkan di sepanjang Lebuhraya MRR2 dan mohon tindakan segera.

**Tindakan :**  
**Jabatan Penguatkuasa**

**TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL**

**4.28 POSTER KEMPEN PILIHANRAYA**

Beliau memohon supaya jabatan mengambil tindakan terhadap poster kempen pilihanraya serta bendera parti yang tidak diturunkan di sekitar Kg. Cheras Baru.

**Tindakan :**  
**Jabatan Penguatkuasa**

**4.29 METER AIR DI PEJABAT JKP ZON 21**

Berkenaan isu bekalan air di Pejabat JKP Zon 21 beliau memohon supaya pihak SYABAS dapat memasang meter air untuk pejabat tersebut . Pihak SYABAS memaklumkan pihak JKP perlu memohon kebenaran secara bertulis kepada pihak majlis untuk pemasangan tersebut.

**Tindakan :**  
**SYABAS/**  
**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**5. PENUTUP**

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Disediakan Oleh:  
Bahagian Urusetia  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
**13 Jun 2013**

**5.3.**  
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**  
**PELESENAK DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**  
**BIL.6/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN  
DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN  
BIL.06/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 19 JUN 2013**

**MASA : 9.30 PAGI – 10.55 PAGI**

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

**KEHADIRAN**

- |     |                                                                      |   |             |
|-----|----------------------------------------------------------------------|---|-------------|
| 1.  | Y. Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob, DSIS, SIS<br>(Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi   |
| 2.  | Tn. Razali bin Ramly                                                 | - | Ahli Majlis |
| 3.  | Tn. Hamsah bin Djabir                                                | - | "           |
| 4.  | Pn. Sian Keng Eng                                                    | - | "           |
| 5.  | Tn. Wong Khai Pun                                                    | - | "           |
| 6.  | Tn. Haji Abdul Jalil bin Hasan                                       | - | "           |
| 7.  | Tn. Haji Meor Rithuan bin Mohamed Said                               | - | "           |
| 8.  | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan                                     | - | "           |
| 9.  | Tn. Haji A Yazid bin Alias                                           | - | "           |
| 10. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal                                        | - | "           |
| 11. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long                                         | - | "           |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                           |   |             |
|----|---------------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd Hamid bin Hussain | - | TYDP, MPAJ  |
| 2. | Tn. Jafrien bin Muhammad  | - | Ahli Majlis |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 6/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN  
DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**

**1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

**2. LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.06/2013 telah diadakan pada 19 Jun 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN  
PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN**

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan bagi tahun 2013.

2.1.2 Pusat kecantikan - mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan rawatan kecantikan atau dandan rambut tetapi tidak termasuk hospital atau klinik di mana pesakit dirawat di bawah pengawasan pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971, rumah sakit, rumah orang

tua atau rumah untuk pemulihan atau mana-mana establisemen lain yang sama dengannya.

2.1.3 Pusat penjagaan kesihatan – mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan urutan, rawatan atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan.

Jenis rawatan :-

- Rumah urut
- Urutan tradisional
- Urutan orang kurang upaya
- Refleksologi
- Aromaterapi
- Urutan moden menggunakan alat
- Fisioterapi
- Akupuntur
- Bekam
- Sauna/spa dan jakuzi
- Aerobik / fitness centres / gymnasium
- Pusat Meditasi
- Lain-lain rawatan kesihatan

2.1.4 Masa operasi bagi pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan dihadkan dari pukul 10.00 pagi sehingga 1.00 pagi sahaja.

2.1.5 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan oleh Indah Traditional Health Care seperti di **Lampiran 1**.

**2.2 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT  
HIBURAN –PUSAT HIBURAN AWAM – SNUKER**

- 2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Awam – Snuker bagi tahun 2013.
- 2.2.2 **Pusat Hiburan Awam** : pusat hiburan di bawah kategori ini mesti mempunyai komponen ruang yang selesa dan luas. Pengunjung-pengunjungnya melakukan aktiviti-aktiviti seperti tarian, mendengar muzik, makan dan minum serta aktiviti riadah.
- 2.2.3 **Snuker** bermaksud sejenis permainan dalaman (*indoorgame*) di mana bola-bola (sebiji bola putih, 15 biji bola merah dan 6 biji berlainan warna) diletakkan di atas meja berukuran empat segi tepat yang mempunyai hujung berkusyen dan ditolak menggunakan kayu panjang dan tirus (*the cue*).
- 2.2.4 Masa operasi bagi pusat hiburan awam dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja.
- 2.4.4 Mesyuarat bersetuju untuk menolak permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – pusat hiburan awam –Snuker oleh Chung Tien Snooker kerana mempunyai 5 kompaun tertunggak seperti di **Lampiran 2**.

**2.3 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT  
HIBURAN - PUSAT HIBURAN ISTIREHAT - PUB & KAFE**

- 2.3.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Istirehat –Pub & Kafe bagi tahun 2013.
- 2.3.2 **Pusat hiburan istirehat** : ruang untuk berehat serta disediakan makan dan minum sambil diiringi oleh persembahan muzik.
- 2.3.3 **Kafe** bermaksud restoran atau ‘coffee house’ yang sederhana yang terdapat juga minuman beralkohol.
- 2.3.4 Masa operasi bagi pusat hiburan istirehat dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja. Wang cagaran sebanyak RM10,000.00.
- 2.3.5 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – pusat hiburan istirehat – Pub & Kafe oleh Mana Pub & Bistro dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun seperti di **Lampiran 3**.

**2.4 PERMOHONAN BARU LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN –  
PUSAT HIBURAN KELUARGA**

- 2.4.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan baru lesen hiburan dan tempat hiburan – pusat hiburan keluarga bagi tahun 2013.
- 2.4.2 **Pusat Hiburan Keluarga (PHK)** : merupakan satu ruang yang luas yang menyediakan beberapa bentuk

hiburan seperti kiddy ride, mesin simulator dan beberapa bentuk hiburan yang lain yang sesuai digunakan oleh semua anggota keluarga termasuk anak-anak.

- 2.4.3 Jenis hiburan yang dibenarkan di PHK adalah yang sihat, beroperasi dalam suasana yang bersih, selamat dan meceriakan.
- 2.4.4 Persekutaran PHK hendaklah dihias dengan menarik, tidak tertutup dan tidak bercermin gelap.
- 2.4.5 Masa operasi bagi pusat hiburan keluarga dihadkan dari pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam sahaja.
- 2.4.6 Mesyuarat bersetuju untuk memutuskan permohonan baru lesen hiburan dan tempat hiburan – pusat hiburan keluarga bagi tahun 2013 seperti di bawah dan di **Lampiran 4.**

- i) S & K Novelty Sdn.Bhd. – Lulus
- ii) R & F Global Enterprise – Lulus (bomba menyokong –ulasan semasa dalam mesyuarat)

## **2.5 PERMOHONAN BARU LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN - PUSAT HIBURAN ISTIREHAT - PUB & KAFE**

- 2.5.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan baru lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Istirehat –Pub & Kafe bagi tahun 2013.

- 2.5.2 **Pusat hiburan istirehat** : ruang untuk berehat serta disediakan makan dan minum sambil diiringi oleh persembahan muzik.
- 2.5.3 **Kafe** bermaksud restoran atau 'coffee house' yang sederhana yang terdapat juga minuman beralkohol.
- 2.5.4 Masa operasi bagi pusat hiburan istirehat dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja. Wang cagaran sebanyak RM10,000.00.
- 2.5.5. Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan baru lesen hiburan dan tempat hiburan – pusat hiburan istirehat – Fanta Sea Cafe dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun.

## **2.6 PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA BAZAR RAYA /JUALAN OLEH TETUAN ULTIMATE SIGN SERVICES**

- 2.6.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan permit sementara bazar raya/jualan oleh Tetuan Ultimate Sign Services.
- 2.6.2. Pihak Tetuan Ultimate Sign Services telah mengemukakan 3 permohonan di lokasi berikut :
- a) Tempat Letak Kereta, Jalan Wawasan 4/7, Bandar Baru Ampang
  - b) Rezab jalan hadapan Tesco Ampang
  - c) Tempat Letak Kereta Persendirian bersebelahan Ampang Point (tanah milik Habib Jewels SB)

- 2.6.3 Pihak jabatan telah mendapatkan pandangan dan ulasan dari jabatan teknikal terlibat bagi permohonan tersebut seperti di **Lampiran 6, 7 dan 8**.
- 2.6.4 Penganjuran Bazar Jualan seumpamanya masih tertakluk kepada undang-undang sedia ada, peraturan semasa Pihak Berkuasa Tempatan dan keputusan dasar oleh MPAJ.
- 2.6.5 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan permohonan permit sementara bazar raya/jualan oleh Tetuan Ultimate Sign Services di 3 lokasi yang dipohon dengan tarikh akhir bayaran kepada majlis pada 5 Julai 2013 dan seperti di **Lampiran 6, 7 dan 8**.

**3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEPERTI BERIKUT :**

**3.1 GERAI PLB DI JALAN 3/10 PANDAN INDAH**

Hasil semakan pada 13 Jun 2013 mendapati semua peniaga di Gerai PLB Jalan 3/10 Pandan Indah tidak aktif bermiaga dan lesen tidak diperbaharui. Jabatan juga memaklumkan tiada pengisian untuk gerai tersebut memandangkan lokasi gerai yang agak jauh ke dalam. Mesyuarat mencadangkan supaya ditukar kepada aktiviti perniagaan kepada bengkel kenderaan dan jika ada yang ingin bermiaga makanan atau minuman pihak majlis boleh mencadangkan inisiatif seperti mengurangkan kadar sewa bulanan.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**3.2 KEDAI TANPA LESEN DI PERSIMPANGAN JALAN MULIA DAN JALAN MULIA 1/1**

Jabatan telah mengambil tindakan terhadap 10 gerai tanpa lesen yang bermiaga di sekitar Taman Mulia Jaya dengan tindakan berikut:

- i) Notis dikeluarkan pada 15 Januari 2013 dan 21 Januari 2013.
- ii) Tindakan sitaan ke atas gerai warga asing pada 31 Januari 2013.

Pemantauan di kawasan berkenaan telah dibuat pada 17 April 2013 mendapati 2 gerai masih meninggalkan barang perniagaan. Tindakan penguatkuasaan dijadualkan pada 17 Jun 2013.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/  
Jabatan Penguatkuasa**

**3.3 TEMPAT STRATEGIK UNTUK PENIAGA GERAI**

Semakan jabatan berkenaan tapak cadangan di Ampang Campuran di simpang empat menuju Ampang Avenue merupakan tapak kosong dan tidak direzabkan lagi. Jabatan telah membuat permohonan ke Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat untuk mewartakan rezab tersebut sebagai tapak perniagaan namun sehingga kini Pejabat tanah dan Daerah Hulu Langat memaklumkan tiada arahan lagi diterima dari pihak Kerajaan Negeri berhubung permohonan tanah kerajaan untuk diwartakan sebagai Rezab Perniagaan.

**Tindakan:**

**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**3.4 ISU PENYEWAAN GERAI UPEN DI LRT PANDAN JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan surat tawaran kepada ketiga-tiga calon yang berjaya dalam temuduga pengisian gerai UPEN LRT Pandan Jaya telah dikeluarkan. Seorang peniaga telah memulakan perniagaan sementara 2 orang lagi akan membuka gerai mereka dalam masa terdekat. Tindakan sewajarnya telah diambil dan pemantauan akan dibuat dari masa ke semasa.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**3.5 GERAI DI TAMAN BUKIT SEGAR**

Tindakan penguatkuasaan telah diambil pada 2 Mei 2013 terhadap sebuah gerai yang menjual nasi lemak di hadapan bangunan rumah kedai baru di Taman Bukit Segar yang meninggalkan payung di lokasi tersebut setelah selesai bermiaga.

**Makluman**

**3.6 LESEN BERNIAGA SEMENTARA DI HADAPAN MASJID AL AZIM**

Hasil daripada perbincangan bersama YB. Iskandar Abd Samad, telah bersetuju untuk mengeluarkan permit sementara di lokasi. Permohonan tapak dalam kawasan masjid (TLK) diluluskan oleh pihak pengurusan masjid.

Syarat-syarat yang dipersetujui adalah:-

- a) Hanya peniaga asal dibenarkan iaitu seramai 6 orang
- b) Penggunaan khemah 10' x 10' yang seragam

- c) Tidak boleh membuka meja utk mengunjung hanya 'take away'
- d) Melengkapkan syarat-syarat permit sementara.
- e) Tiada aktiviti membasuh pinggan mangkuk (penggunaan peralatan pakai buang)
- f) Kebersihan lokasi adalah tanggungjawab peniaga dan kontraktor kawasan.

Pengeluaran permit penjaja sementara boleh dikeluarkan dengan syarat-syarat yang dinyatakan dan sekiranya penjaja melanggar syarat 3 kali dalam setahun, permit boleh ditarik balik dan penjaja dilarang menjaja di lokasi.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

### **3.7 LOKASI PASAR PAGI DI JALAN 1, AMPANG JAYA**

Arahan berpindah kepada peniaga pasar pagi di Jalan 1, Ampang Jaya ke lokasi baru di Jalan 8A Ampang Jaya bermula pada 16 Jun 2013. Semakan jabatan telah dibuat dan mendapati semua peniaga telah berpindah ke lokasi baru.

**Makluman**

### **3.8 PROSEDUR PENAMATAN LESEN**

Jabatan memaklumkan prosedur pengosongan gerai samada ditamatkan akibat melanggar syarat perjanjian atau penyerahan secara sukarela dari penyewa. Manakala prosedur kemasukan adalah melalui proses temuduga. Pemantauan dari masa ke semasa akan dibuat berhubung

isu peniaga di tapak pasar basah Pandan Jaya yang melibatkan peniaga berlesen asal dan peniaga baru yang tidak mempunyai lesen.

**Tindakan:  
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

### **3.9 PERMOHONAN MEROBOHKAN STRUKTUR BANGUNAN**

Jabatan telah mengeluarkan notis perobohan ke atas sebuah premis yang terletak di kawasan lapang di Jalan Pandan 5 (Berhadapan SMK Pandan Jaya). Semakan jabatan juga mendapati bangunan tersebut telah kosong dan tiada sebarang aktiviti dijalankan di situ. Tindakan perobohan akan dibuat setelah tamat tempoh notis. Mesyuarat juga memohon jabatan untuk mengambil tindakan menyeluruh berkenaan isu sebegini di semua kawasan majlis.

**Tindakan:  
Jabatan Penguatkuasa**

### **3.10 GERAI HARAM DI BULATAN AU2 KERAMAT**

Tindakan sitaan terhadap sebuah gerai buah-buahan haram di bulatan AU2 Keramat telah dilaksanakan pada 13 Jun 2013.

**Makluman**

### **3.11 GERAI-GERAI HARAM DI SEKITAR AU KERAMAT**

Terdapat beberapa lokasi gerai haram yang masih beroperasi dan tidak beroperasi yang telah mendatangkan kacauganggu seperti berikut:

- i) Gerai haram di Jalan masuk AU3/1 yang telah didirikan di tempat laluan awam kawasan tempat letak kereta sehingga mendatangkan kacauangggu kepada lalulintas.
- ii) Gerai haram di AU1/2 yang telah ditinggalkan dan dijadikan tempat kediaman.
- iii) Gerai haram di AU4 Keramat yang dibuka oleh seorang wanita dan disewakan kepada orang Acheh yang membuka kedai runcit serta dijadikan tempat kediaman di situ.

Jabatan memaklumkan tindakan sitaan telah dibuat pada 13 Jun 2013 terhadap gerai haram di AU4 Keramat yang disewakan pada peniaga Acheh. Tindakan penguatkuasaan di lokasi-lokasi gerai haram yang lain.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/**  
**Jabatan Penguatkuasa**

### **3.12 CADANGAN MEWUJUDKAN KAWASAN PERNIAGAAN**

Pihak jabatan telah mendapatkan maklumat berkaitan tanah dihadapan tanah milik SimeDarby Bandar Baru Melawati di mana status tanah adalah tanah kerajaan (rezab parking dan jalan). Permohonan tanah tersebut untuk dijadikan rezab perniagaan adalah digalakkan dan Majlis perlu memohon pemberimilikan tanah untuk tujuan perniagaan (tapak gerai).

**Tindakan:**  
**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**3.13 RUMAH SAMPAH UNTUK DIJADIKAN KIOSK PERNIAGAAN**

Rumah sampah di Flat Ukay Perdana tersebut telah siap pengubahsuaian kepada kiosk. Temuduga kepada peniaga-peniaga sedia ada yang berselerak di kawasan tersebut telah diadakan pada 17 Jun 2013. Surat tawaran akan dikeluarkan dalam masa terdekat. Mesyuarat memohon supaya keutamaan diberikan kepada peniaga di kawasan sekitar.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**3.14 KAJI SEMULA GERAI KOSONG DI FLAT 610, PANDAN INDAH**

Semakan jabatan pada 14 Jun 2013, mendapati gerai no. 17 di Flat 610 Pandan Indah yang dijadikan bilik gerakan PRU 13 tidak lagi digunakan sebagai bilik gerakan politik. Semakan akan dibuat semula terhadap gerai di no 16, 18 dan 20. Tindakan susulan dan penguatkuasaan akan diambil terhadap pihak yang menyalahgunakan gerai tersebut.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan  
Jabatan Penguatkuasa**

**3.15 PENIAGA HARAM**

Tindakan penguatkuasaan telah dibuat pada 17 Jun 2013 ke atas peniaga baru tanpa lesen di hadapan sekolah di Taman Kosas.

**Makluman**

**3.16 MOHON TINDAKAN PENGUATKUASAAN KEPADA PENIAGA RESTORAN YANG MELETAKKAN KERUSI DAN MEJA DI LUAR RESTORAN**

Kompaun Sek 46(1)(d) telah dikeluarkan kepada Syarikat Q Thai kerana meletak kerusi meja di luar premis pada waktu yang tidak dibenarkan. Restoran Q Thai mempunyai permit kerusi meja untuk tempoh Januari hingga Jun 2013

**Makluman**

**3.17 PENIAGA-PENIAGA YANG MEMASANG KHEMAH-KHEMAH TAMBAHAN DI HADAPAN KEDAI DI AMPANG WATERFRONT**

Semakan pada 10 Jun 2013 telah dibuat dan dua kompaun telah dikeluarkan atas kesalahan meletak khemah di tempat awam. Lain-lain premis mempunyai permit khemah daripada pihak Majlis. Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan dari masa ke semasa.

**Makluman**

**4.0 HAL-HAL LAIN**

**TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL**

**4.1 GERAI HARAM DI SEKITAR BUKIT PERMAI**

Beliau memaklumkan banyak terdapat gerai haram disekitar Taman Bukit Permai ke Mutiara Court. Mohon tindakan penguatkuasaan diambil.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**PUAN SIAN KENG ENG****4.2 TONG SAMPAH DI TEPI JALAN**

Terdapat tong sampah diletakkan di tepi jalan di sekitar Bukit Segar Jaya. Mohon tindakan diambil.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**TUAN HAMSAH BIN DJABIR****4.3 PENIAGA HARAM DI PERMAI COURT**

Mohon tindakan penguatkuasaan terhadap penjaja haram di hadapan Permai Court yang menghalang lalulintas.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**TUAN RAZALI BIN RAMLY****4.4 SESI PENDENGARAN AWAM ISU PASAR MALAM**

Sesi pendengaran awam telah dibuat berkenaan isu pasar malam yang terletak di AU1, Keramat. Hasil dari pendengaran awam tersebut mereka yang hadir memohon supaya semua pasar malam di AU1 Keramat ditutup. Mereka juga memaklumkan kebanyakannya peniaga di situ bukan masyarakat tempatan. Mesyuarat memutuskan tindakan penutupan akan dilaksanakan selepas hari raya puasa dan notis 14 hari akan dikeluarkan sebelum penutupan tersebut.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**4.5 MEMPERKASAKAN ANGGOTA PENGUATKUASAAN**

Beliau mencadangkan samada ada keperluan penambahan anggota penguatkuasaan memandangkan banyak tindakan-tindakan penguatkuasaan yang perlu dibuat pada masa sekarang. Jabatan memaklumkan dalam proses penyediaan kertas kerja untuk penglibatan bersama pihak ‘polis community’ dalam memperkasakan lagi tindakan penguatkuasaan.

**Tindakan:  
Jabatan Penguatkuasa**

**5.0 PENUTUP**

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

Disediakan Oleh:  
Bahagian Urusetia  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
**21 Jun 2013**

**LAMPIRAN 1**

**1) INDAH TRADITIONAL HEALTH CARE ( 6-11632 Jld 2)**

- Nama pemohon : Kharak Singh a/l Besant Singh
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : M3-A-11, Jalan Pandan Indah 4/1A,  
Pandan Indah
- Kawasan : Pandan Indah, Chempaka
- Lokasi : Kedai
- Aktiviti : Urut Tradisional
- Ulasan Polis : Disokong pada 10/6/2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 18/4/2013
- Ulasan PBK : Tiada
- Ulasan PK : Tiada
- Catatan : Berlesen pada tahun 2013
- Kompaun : Tiada
- Jumlah pekerja : 2 orang (1 perempuan, 1 orang lelaki)
- Sijil Kelayakan : Ada
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garispanduan  
yang ditetapkan
- Keputusan : Lulus

**LAMPIRAN 2**

**1) CHUNG TIEN SNOOKER**

- Nama pemohon : Chan Chee Hoo
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No.24,26,28,30,32, Jln Pandan Indah  
1/23D, Pandan Indah, 55100  
K.Lumpur
- Kawasan : Pandan Indah
- Lokasi : Kedai
- Aktiviti : Snuker
- Ulasan Polis : Disokong pada 13.6.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 8.1.2013
- Ulasan P(K) :
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012
- Kompaun : 5 kompaun
  - 1. Enakmen 11(1) no siri :2004000367F
  - 2. Peraturan 2, no siri: 2004001836H
  - 3. Enakmen 6(1)no siri : 2004001307F
  - 4. UUK7, no siri : 2004045275E
  - 5. UUK7, no siri : 2004032811E
- Syor : Tolak - kerana mempunyai kompaun yang tertunggak
- Keputusan : Tolak  
Alasan : Mempunyai 5 kompaun  
tertunggak

**LAMPIRAN 3**

**1) MANA PUB & BISTRO ( 6-21838H)**

- Nama pemohon : Chai Ket Wui
- Jawatan : Pengarah
- Alamat premis : No.64G, Jalan Pandan Indah 4/34A  
Pandan Indah, 55100 K.Lumpur
- Kawasan : Pandan Indah, Chempaka
- Lokasi : Kedai.
- Aktiviti : Kafe/karaoke/live band
- Ulasan Polis : Disokong pada 5.6.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 29.3.2013
- Ulasan P(K) :
- Catatan : Berlesen tahun 2012
- Kompaun : 2 kompaun(2004002023E &  
20040007210E)
- Syor :
- Keputusan : Lulus – mematuhi syarat dan  
garispanduan yang ditetapkan.  
Lulus dengan syarat menjelaskan  
bayaran kompaun.

**LAMPIRAN 4**

**1. S & K NOVELTY SDN BHD**

- Nama pemohon : Lee Hong Kee
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : Unit 3.2 ,Tkt.3, Spectrum Centre,  
Bandar Baru Ampang,  
68000 Ampang.
- Kawasan : Bandar Baru Ampang, Lembah Jaya
- Lokasi : Kompleks Membeli Belah
- Aktiviti : Pusat Hiburan Keluarga
- Ulasan Polis : Disokong pada 31.5.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 22.4.2013
- Ulasan P(K) :
- Catatan :
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus - mematuhi syarat dan  
garispanduan yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus

**2. R & F GLOBAL ENTERPRISE**

- Nama pemohon : Aziana binti Hassan
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : Lower Ground, Jalan Dagang 5, Galaxy Ampang 68000 Ampang
- Kawasan : Taman Dagang, Chempaka
- Lokasi : Kompleks Membeli Belah
- Aktiviti : Pusat Hiburan Keluarga
- Ulasan Polis : Disokong pada 20.5.2013
- Ulasan Bomba : Tidak dikemukakan
- Ulasan P(K) :
- Catatan :
- Kompaun : Tiada
- Syor : Lulus - mematuhi syarat dan garispanduan yang ditetapkan
- Keputusan : Lulus  
Bomba menyokong (ulasan semasa dalam mesyuarat)

**LAMPIRAN 5**

**1) FANTA SEA CAFE (6-23902)**

- Nama pemohon : Orr Choy Ling
- Jawatan : Pengarah
- Alamat premis : D2-G-01, Hata Square, Jalan Mewah  
½, Pandan Mewah, 68000 Ampang
- Kawasan : Pandan Mewah, Teratai
- Lokasi : Kedai
- Aktiviti : Kafe
- Ulasan Polis : Disokong pada 7 Jun 2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 3 Mei 2013
- Ulasan P(K) :
- Catatan : Berlesen tahun 2012 sebagai restoran
- Kompaun : 1 kompaun ( 2004001105H )
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garispanduan yang ditetapkan
- Keputusan : Lulus dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun.

**MAKLUMAT SYARIKAT, BUTIR-BUTIR PERMOHONAN DAN ULASAN JABATAN****1. ULTIMATE SIGNS SERVICES**

- a) Nama Pemohon : En. Lim Kong Meng
- b) Nama Syarikat : Ultimate Signs Services (001964827-X)
- c) Jenis Perniagaan : Pengiklanan dan Pengurus acara
- d) Alamat Syarikat : C-11-03, blok C, Cemara Apt, Jln Seri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.
- e) Pengalaman syarikat: Penganjur Bazar Raya di Tempat letak kereta bersebelahan Ampang Point (tanah Habib Jewel) sejak tahun 2011
- f) Tempoh beroperasi : 4 Julai 2013 hingga 10 Ogos 2013
- g) Waktu operasi : Bermula jam 10.00pg – 10.00 mlm
- h) Jumlah Peniaga : 20 peniaga (20 unit khemah 20'x20')
- i) Aktiviti : Bazar Jualan (pakaian, hiasan, perabot, kuih raya, barang persiapan hari raya)

**2. MAKLUMAT LOKASI**

- a) Lokasi : Tempat Letak Kenderaan, Jalan Wawasan 4/7, Bandar Baru Ampang
- b) Pemilik : Suasa Efektif SB
- c) Status : Tempat Letak Kereta Awam
- d) Anggaran petak TLK : 62 unit

**3. ULASAN JABATAN**

<b>Jabatan Perancang Bandar</b>	<b>Tidak sokong :</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Kerana lokasi yang dipohon merupakan tempat letak kereta aktif dan padat dengan pengunjung Spectrum dan kedai berhampiran.</li></ul>
<b>Jabatan Penguatkuasa</b>	<b>Tiada halangan –</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mengawal kenderaan pengunjung agar tidak berlaku kesesakan</li><li>• Membuat byaran dengan pihak Suasa Efektif</li></ul>
<b>Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan</b>	<b>Mohon dipertimbangkan perkara berikut :</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Kacauganggu yang pasti akan berlaku pada waktu puncak, tempat letak kereta amat diperlukan untuk orang ramai membeli belah.</li><li>• Mematuhi aspek kebersihan dan kesihatan persekitaran</li></ul>
<b>Jabatan Pelesenan</b>	

**4. RINGKASAN KIRAAN UNTUNG RUGI PERNIAGAAN DARI PENGANJURAN BAZAR RAYA****Pendapatan**

a) Pendapatan Syarikat = **RM 80,000.00**

\*kutipan sewa dari peniaga (RM 4,000.00 peniaga x 20 unit x 1bln)

**Kos**

b) Bayaran kepada Majlis

i. Caj Penganjur	=	RM 2,400.00
ii. Permit Jualan	=	RM 150.00 x 20 peniaga x 1 bln
	=	RM 3,000.00
iii. Bayaran sewa tapak	=	RM 5,000.00
iv. Cagaran Penganjur	=	<u>RM 2,400.00</u>
<b>JUMLAH</b>	=	<b>RM 12,800.00</b>
		=====

c) Perbelanjaan lain = **RM 36,700.00**

\*pemasaran, pengurusan, kanopi, utiliti, gaji, insurans, kos luar jangka dll

**JUMLAH KEUNTUNGAN SYARIKAT : a - [ b + c ] = RM 30,500.00**

**Keputusan : LULUS dan tarikh akhir bayaran kepada majlis pada 5 Julai 2013.**

**LAMPIRAN 7**

**MAKLUMAT SYARIKAT, BUTIR-BUTIR PERMOHONAN DAN ULASAN JABATAN****1. ULTIMATE SIGNS SERVICES**

- a) Nama Pemohon : En. Lim Kong Meng  
b) Nama Syarikat : Ultimate Signs Services (001964827-X)  
c) Jenis Perniagaan : Pengiklanan dan Pengurus acara  
d) Alamat Syarikat : C-11-03, blok C, Cemara Apt, Jln Seri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.  
e) Pengalaman syarikat: Penganjur Bazar Raya di Tempat letak kereta bersebelahan Ampang Point (tanah Habib Jewel) sejak tahun 2011  
f) Tempoh beroperasi : 4 Julai 2013 hingga 10 Ogos 2013  
g) Waktu operasi : Bermula jam 10.00pg – 10.00 mlm  
h) Jumlah Peniaga : 20 peniaga (20 unit khemah 20'x20')  
i) Aktiviti : Bazar Jualan (pakaian, hiasan, perabot, kuih raya, barang persiapan hari raya)

**2. MAKLUMAT LOKASI**

- a) Lokasi : Rezab Jalan, Hadapan Tesco Ampang  
b) Pemilik : MPAJ  
c) Status : Tempat Letak Kereta Awam  
d) Anggaran petak Jualan : 20 petak

**1. ULASAN JABATAN**

<b>Jabatan Perancang Bandar</b>	<b>SOKONG dengan syarat:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Tidak menimbulkan aduan dan kacauganggu awam seperti bunyi dan kesesakan yang keterlaluan.</li></ul>
<b>Jabatan Penguatkuasa</b>	<b>Tiada halangan –</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mengawal kenderaan pengunjung agar tidak berlaku kesesakan</li><li>• Tidak menimbulkan aduan kacauganggu</li></ul>
<b>Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan</b>	<b>Mohon dipertimbangkan perkara berikut :</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Kacauganggu yang pasti akan berlaku pada waktu puncak, tempat letak kereta amat diperlukan untuk orang ramai membeli belah.</li><li>• Mematuhi aspek kebersihan dan kesihatan persekitaran</li></ul>
<b>Jabatan Pelesenan</b>	

**2. RINGKASAN KIRAAN UNTUNG RUGI PERNIAGAAN DARI PENGANJURAN BAZAR RAYA****Pendapatan**

- a) Pendapatan Syarikat = **RM 80,000.00**  
\*kutipan sewa dari peniaga (RM 4,000.00 peniaga x 20 unit x 1 bulan)

**Kos**

b) Bayaran kepada Majlis	
i. Caj Penganjur	= RM 2,400.00
ii. Permit Jualan	= RM 150.00 x 20 peniaga x 1 bln
	= RM 3,000.00
iii. Bayaran sewa tapak	= RM 10.00 x 30hr x 62 tlk
	= RM 18,600.00
	=====
iv. Cagaran Penganjur	= <u>RM 2,400.00</u>
<b>JUMLAH</b>	= <b>RM 26,400.00</b>
	=====

- c) Perbelanjaan lain = **RM 36,700.00**  
\*pemasaran, pengurusan, kanopi, utiliti, gaji, insurans, kos luar jangka dll

**JUMLAH KEUNTUNGAN SYARIKAT : a - [ b + c ] = RM 16,900.00**

**Keputusan : LULUS dan tarikh akhir bayaran kepada majlis pada  
5 Julai 2013.**

**LAMPIRAN 8**

**MAKLUMAT SYARIKAT, BUTIR-BUTIR PERMOHONAN DAN ULASAN JABATAN****1. ULTIMATE SIGNS SERVICES**

- a) Nama Pemohon : En. Lim Kong Meng
- b) Nama Syarikat : Ultimate Signs Services (001964827-X)
- c) Jenis Perniagaan : Pengiklanan dan Pengurus acara
- d) Alamat Syarikat : C-11-03, blok C, Cemara Apt, Jln Seri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.
- e) Pengalaman syarikat: Penganjur Bazar Raya di Tempat letak kereta bersebelahan Ampang Point (tanah Habib Jewel) sejak tahun 2011
- f) Tempoh beroperasi : 4 Julai 2013 hingga 10 Ogos 2013
- g) Waktu operasi : Bermula jam 10.00pg – 10.00 mlm
- h) Jumlah Peniaga : 20 peniaga (20 unit khemah 20'x20')
- i) Aktiviti : Bazar Jualan (pakaian, hiasan, perabot, kuih raya, barang persiapan hari raya)

**2. MAKLUMAT LOKASI**

- a) Lokasi : Tempat letak kereta bersebelahan Ampang Point (tanah Habib Jewel)
- b) Pemilik : Persendirian
- c) Status : Tempat Letak Kereta Awam

**1. ULASAN JABATAN**

<b>Jabatan Perancang Bandar</b>	<b>Syor dipertimbangkan dengan syarat :</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Menyediakan TLK yang mencukupi dalam kawasan tapak tanpa melibatkan TLK sedia ada di luar kawasan tapak.</li><li>Perlu mendapat kebenaran daripada pemilik.</li><li>Mengawal lalulintas sepanjang tempoh operasi</li></ul>
<b>Jabatan Penguatkuasa</b>	<b>Tiada halangan dengan syarat</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Penganjur menyediakan tong sampah untuk kegunaan pengunjung dan peniaga.</li><li>Penganjur wajib membersihkan kawasan berkenaan selepas berakhirnya tempoh permit.</li><li>Perlu menyediakan petugas trafik untuk mengawasi laluan trafik.</li></ul>
<b>Jabatan Pelesenan</b>	

**2. RINGKASAN KIRAAN UNTUNG RUGI PERNIAGAAN DARI PENGANJURAN BAZAR RAYA****Pendapatan**

a) Pendapatan Syarikat = **RM 80,000.00**

\*kutipan sewa dari peniaga (RM 4,000.00 peniaga x 20 unit x 1 bulan)

**Kos**

b) Bayaran kepada Majlis

i. Caj Penganjur = RM 2,400.00

ii. Permit Jualan = RM 150.00 x 20 peniaga x 1 bln

= RM 3,000.00

iii. Bayaran sewa tapak = Perlu membayar kepada pihak HJSB

iv. Cagaran Penganjur = RM 2,400.00

**JUMLAH** = **RM 7,800.00**

=====

c) Perbelanjaan lain = **RM 36,700.00**

\*pemasaran, pengurusan, kanopi, utiliti, gaji, insurans, kos luar jangka dll

**JUMLAH KEUNTUNGAN SYARIKAT : a - [ b + c ] = RM 35,500.00**

**Keputusan : LULUS dan tarikh akhir bayaran kepada majlis pada 5 Julai 2013.**

**5.4.**  
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA  
PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN  
DAN BINAAN TANPA IZIN**  
**BIL.6/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN  
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN  
BIL.06/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 21 JUN 2013**

**MASA : 9.30 PAGI – 11.35 PAGI**

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

**KEHADIRAN**

- |    |                                            |   |             |
|----|--------------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain<br>(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi   |
| 2. | Tn. Jafrien Bin Muhammad                   | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar              | - | "           |
| 4. | Tn. Lim Fong Len                           | - | "           |
| 5. | Tn. Meor Rithuan Bin Mohamed Said          | - | "           |
| 6. | Tn. Hj Ali Bin Ismail                      | - | "           |
| 7. | Tn. Mohamad Bin Samad                      | - | "           |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                                 |   |             |
|----|---------------------------------|---|-------------|
| 1. | Y.Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob | - | YDP, Majlis |
| 2. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis  | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Fong Teck Keong             | - | "           |
| 4. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah   | - | "           |
| 5. | Tn. Haji A Yazid Bin Alias      | - | "           |
| 6. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long    | - | "           |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.06/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN  
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

**1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

**2. LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.06/2013 telah diadakan pada 21 Jun 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 PEMBINAAN RESTORAN TANPA KEBENARAN DI ATAS TANAH  
REZAB JPS DI LORONG AWAN 14, KUALA AMPANG, MUKIM  
HULU KELANG**

Mesyuarat dimaklumkan tindakan perobohan oleh PTD Gombak telah ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan beritahu kelak.

**Tindakan:  
PTD Gombak**

**2.2. ISU PENEMPATAN SETINGGAN DI PANDAN JAYA DI BAWAH****REZAB TNB**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan masih belum menerima sebarang maklumbalas berhubung cadangan setinggan Pandan Jaya di bawah TNB dimasukkan ke dalam Program Pinjaman Kerajaan Negeri.

**Tindakan:  
Jabatan Perancang Bandar**

**2.3 BANGUNAN DIBINA BERSEBELAHAN KOLAM IKAN DI TAMAN  
BUKIT MULIA**

Mesyuarat dimaklumkan, hasil pemantauan pihak Jabatan Bangunan dan Senibina masih lagi terdapat bangunan bersebelahan kolam ikan di Taman Bukit Mulia dan tindakan perobohan oleh PTD Gombak telah ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang ditetapkan.

**Tindakan:  
PTD Gombak**

**2.5 BINAAN RUMAH TANPA KEBENARAN MAJLIS DI JALAN A KG  
PANDAN (NO. 68, JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN  
BERHADAPAN KLINIK KESIHATAN DAN PERGIGIAN)**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan akan mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan notis arahan supaya pemilik mematuhi arahan mengemukakan pelan bangunan kepada Majlis.

**Tindakan:  
Jabatan Bangunan & Senibina**

**2.5 BINAAN TANPA KEBENARAN DI BAWAH REZAB TALIAN RENTIS  
TNB DARI KG PANDAN KE KG TASEK PERMAI**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak TNB sedang melaksanakan projek menaiktaraf menara talian penghantaran elektrik daripada 33kv kepada 275kv. Pihak TNB akan menjalankan bincian fasa ke-2 pada 27 Jun 2013 terhadap struktur/binaan yang berada di sepanjang rezab talian rentis daripada Kg Pandan ke Kg Tasik Permai.

**Tindakan:  
Jabatan Perancang Bandar**

**2.6 BANCIAK AKTIVITI PERNIAGAAN DI KG PANDAN DALAM**

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan penguatkuasaan serta sitaan telah dibuat pada 13 Jun 2013. Tindakan penguatkuasaan serta sitaan akan diteruskan walaupun penjaja tersebut mempunyai banyak lori.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.7 TAPAK KEDIAMAN DIJADIKAN TEMPAT MENJUAL KERETA  
TERPAKAI DI LORONG JALAN F KG PANDAN**

Mesyuarat dimaklumkan, Orang Kena Tuduh (OKT) mengaku salah atas tuduhan bermiaga tanpa lesen dan telah didenda RM1,000 setiap seorang.

**Makluman**

**2.8 GERAI HARAM (BANANA CAFE) DI AMPANG WATER FRONT**

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan perobohan akan ditangguhkan sehingga mendapat maklumbalas daripada Jabatan Perancang Bandar samada gerai tersebut terlibat dengan pembinaan projek Lebuhraya SUKE.

**Tindakan:**  
**Jabatan Penguatkuasa/ Jabatan Perancang Bandar**

**2.9 PEMBINAAN PARKIR KERETA (GARAJ) DI ATAS REZAB JALAN**

Mesyuarat memutuskan tindakan penguatkuasaan perobohan diambil ke atas pembinaan garaj yang menghalang jalan utama dan di atas longkang yang menimbulkan halangan dan kacau ganggu.

**Tindakan:**  
**Jabatan Bangunan dan Senibina/**  
**Jabatan Penguatkuasa**

**2.10 STATUS GERAI UPEN DI TUKAR DI JALAN 5 PANDAN JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan, kerja-kerja baik pulih gerai tersebut masih dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap dalam masa terdekat.

**Tindakan:**  
**Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta**

**2.11 TAMBAKAN TANAH HARAM DI CERUN JALAN WANGSA 5A**

Mesyuarat dimaklumkan, tarikh sebutan kes masih belum diperolehi dari pihak mahkamah.

**Tindakan:**  
**Jabatan Undang-Undang**

**2.12 RUANG PERNIAGAAN DIBINA DI KAWASAN LAPANG PANDAN JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan, lawatan tapak telah dibuat oleh pihak Jabatan pada 10 Mei 2013 dan berpandangan tiada lagi lokasi yang sesuai untuk didirikan gerai @ kiosk penjaja di kawasan ini.

Pihak Jabatan mengesyorkan permit sementara dikeluarkan kepada penjaja yang aktif di lokasi sedia ada dan cara penjajaan secara sementara (payung/meja lipat) iaitu 'take away' sahaja.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.13 STATUS TAPAK BILLBOARD DI HADAPAN PERABUT CEMPAKA**

Mesyuarat dimaklumkan, isu ini telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.5/2013.

**Makluman**

**2.14 KHEMAH DI HADAPAN KEDAI KEONG HENG CHERAS INDAH**

Mesyuarat dimaklumkan pengusaha telah mengemukakan rayuan kepada pihak Majlis bagi mengekalkan khemah tersebut. Sebarang tindakan penguatkuasaan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan.

**Tindakan:**  
**Jabatan Penguatkuasa**

**2.15 STATUS GERAI STATIK DI SEBELAH DEWAN PERMATA**

Mesyuarat dimaklumkan, peniaga masih belum merobohkan struktur gerai mereka. Tindakan penguatkuasaan dan perobohan akan dilaksanakan oleh Majlis.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.16 SEMAKAN TAPAK DI TAMAN NIRWANA 3**

Wakil PTD Hulu Langat memaklumkan sebarang pemohonan pembaharuan Lesen Menduduki Sementara (LMS) boleh dikemukakan untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor ( MTES) bagi kelulusan TOL.

**Tindakan:**  
**PTD Hulu Langat**

**2.17 BANGUNAN HARAM DI KG KEMENSAH**

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan perobohan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

**Tindakan:**  
**Jabatan Bangunan & Senibina**  
**/Jabatan Penguatkuasa**

**2.18 VISUAL BERKENAAN 5 TAHUN PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR  
DI BAWAH PENTADBIRAN PAKATAN RAKYAT**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan masih belum menerima sebarang permohonan. Jika ada sebarang permohonan boleh berhubung terus dengan Jabatan Pelesenan.

**Makluman**

**2.19 PEMBINAAN DI CERUN DI LOT 153 LORONG 8, TASIK PERMAI**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan sudah tidak mendapat aduan daripada penduduk berkaitan isu ini. Sebarang permohonan yang dikemukakan oleh pemilik rumah tidak dapat diluluskan kerana rumah tersebut tidak cukup ‘set back’. Pihak jabatan akan mengemukakan cadangan penyelesaian kepada pemilik rumah mengikut peraturan Majlis.

**Tindakan:  
Jabatan Bangunan & Senibina**

**2.20 SAMBUNGAN BUMBUNG DI JALAN BUNGA TANJUNG 8A,8B  
DAN JALAN BUNGA TANJUNG 9**

Mesyuarat dimaklumkan, operasi perobohan telah dilaksanakan bersama Jabatan Penguatkuasa pada 11 Jun 2013.

**Makluman**

**2.21 SAMPAH TIDAK DIANGKAT KERANA TIADA RUANG UNTUK LORI  
SAMPAH MASUK DI LORONG BELAKANG KAWASAN FLAT M14,  
M8-M15 PANDAN JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan, Bahagian COB akan berbincang bersama Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan serta kontraktor kawasan bagi penyelesaian isu ini.

**Tindakan:  
Bahagian COB**

**2.22 MASALAH TEMPAT LETAK KERETA DI BLOK M14 DAN M15  
PANDAN JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan, masalah adalah berpunca dari gerai buah-buahan dan gerai makanan yang berada di atas rezab tempat letak kereta di blok tersebut. Notis akan dikeluarkan kepada peniaga tersebut dan tindakan perobohan akan dilaksanakan oleh Majlis.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.23 GELANGGANG ANAK MUDA DI JALAN PERSIARAN 7 PANDAN  
JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Majlis masih belum menerima surat penyerahan daripada pihak Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat. Pihak jabatan akan membuat 'follow up' dengan pihak PTD Hulu Langat bagi menyelesaikan isu ini.

**Tindakan:  
Jabatan Belia & Masyarakat**

**2.24 PEMBINAAN RUMAH TANPA MENGIKUT PELAN KELULUSAN  
DARIPADA PIHAK MAJLIS DI RUMAH NO.2 JALAN PERDANA 6/9  
PANDAN PERDANA**

Mesyuarat dimaklumkan isu ini masih dalam kes mahkamah (En. Lim Koo vs En. Soo). Pemilik rumah mohon supaya pelan akan dikemukakan selepas kes mahkamah selesai.

**Tindakan:  
Jabatan Bangunan & Senibina**

**2.25 GERAI TERBIAR DI TAMAN SAGA**

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan merobohkan gerai terbiar tersebut akan dilaksanakan pada 24 Jun 2013.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.26 MOHON SEMAKAN PERMOHONAN PEMBINAAN KONKRIT DI PADANG PERMAINAN DI PANDAN UTAMA**

Mesyuarat dimaklumkan, kerja-kerja telah siap dilaksanakan.

**Makluman**

**2.27 STATUS TAPAK TANAH KOSONG DI SEBELAH KUIL HINDU DI JALAN 9/10 PANDAN PERDANA**

Mesyuarat dimaklumkan tidak menyokong pembaharuan TOL. PTD Hulu Langat diminta mengeluarkan notis pengosongan dan mengambil tindakan penguatkuasaan bersama-sama pihak Majlis.

**Tindakan:**  
**PTD Hulu Langat**

**2.28 KAJIAN DAN CADANGAN PEMULIHAN GERAI /TAPAK GERAI PLB DI TASEK TAMBAHAN 1**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan akan menyediakan kertas kerja kajian dan cadangan untuk dibentangkan di mesyuarat yang akan datang. Tn. Hj Ali bin Ismail mohon dibincangkan bersama jabatan teknikal bagi cadangan penyelesaian dan halangan pemulihan gerai/tapak gerai PLB.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.29 BINAAN TIANG DAN BANGUNAN BARU DI BLOK B, BLOK C,  
DAN DI WAKAF SUMBANGAN YB ISKANDAR**

Mesyuarat dimaklumkan, Jabatan akan menyelaraskan tindakan bersama Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan kerana terdapat gerai-gerai di tempat tersebut.

**Tindakan:**  
**Jabatan Penguatkuasa/**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.30 TINDAKAN NOTIS MENGOSONGKAN BANGUNAN DI JALAN 5,  
PANDAN JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan, notis telah dikeluarkan pada 6 Jun 2013 dan tindakan perobohan akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan.

**Tindakan:**  
**Jabatan Penguatkuasa**

**2.31 GERAI TOMYAM DAN GERAI BURGER DI BAHU JALAN F KG  
PANDAN**

Mesyuarat dimaklumkan, hasil semakan gerai tersebut adalah gerai haram. Pihak Jabatan akan mengeluarkan notis kepada gerai tersebut.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.32 POKOK BULUH LIAR DI HADAPAN PINGGIRAN CEMPAKA (LRT)**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan telah menebang pokok buluh tersebut pada 7 Jun 2013.

**Makluman****2.33 SEMAKAN STATUS PERMOHONAN MENGECAT SEMULA BANGUNAN DI PANGSAPURI ANGGERIK**

Mesyuarat dimaklumkan, permohonan tersebut termasuk di dalam Program Skim Ceria di bawah tindakan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

**Tindakan:  
Bahagian COB****2.34 SEMAKAN PEMBINAAN RUMAH BERTINGKAT OLEH SYARIKAT TEGAS SEJATI DI TAMAN SAGA**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak pemaju masih belum mengemukakan permohonan CF. Pemaju masih dalam proses pembinaan kerosakan. Prestasi dan progres kerja pembinaan tersebut dipantau oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

**Makluman****2.35 PERTELINGKAHAN JMB BARU DAN JMB LAMA**

Mesyuarat dimaklumkan, isu pertelingkahan antara JMB baru dan JMB lama di Apartment Angsana, Pandan Indah telah diselesaikan.

**Makluman**

**3. HAL-HAL LAIN****TUAN JAFRIEN BIN MUHAMMAD****3.1. PROJEK PEMBANGUNAN SKIM ‘GATED COMMUNITY’ DI KEMENSAH HEIGHT**

Beliau menerima aduan daripada penduduk di Taman Tropicana, Kemensah Height terdapat projek pembangunan skim ‘Gated Community’ di atas Lot 1224,1234 dan 1235 Kemensah. Masalah yang dihadapi oleh penduduk adalah laluan longkang besar dan dinding tebatan (30 kaki) terlalu hampir dengan pagar rumah No. 15, No.17, No. 20 dan No. 22 tanpa buffer zone yang sepatutnya dibuat oleh pihak pemaju.

Pihak Jabatan memaklumkan, ianya merupakan satu projek NTV Dev. Sdn. Bhd. Pembinaan itu merupakan syarat-syarat kelulusan untuk permohonan tanah tinggi. Ia dibina untuk laluan keluar masuk satu-satu projek pembangunan yang melibatkan banyak lot pembangunan.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**TN. LIM FONG LEN**

**3.2. POKOK DI JALAN MAWAR 15, TAMAN MAWAR**

Beliau memohon ditebang pokok di Jalan Mawar 15 dengan segera.

**Tindakan :  
Jabatan Belia & Masyarakat**

**3.3. TANAH KOSONG DI JALAN BUNGA TANJUNG 8B DAN 9**

Beliau mohon pemilik tanah kosong di Jalan Bunga Tanjung 8B dan 9 membersihkan tanah mereka dari semak samun. Beliau juga mencadangkan tanah ini dijadikan tapak pasar pagi.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**3.4. KEDAI YAP SAM YEW DI HUJUNG JALAN BUNGA TANJUNG 8  
(PASAR PAGI) MELETAK KERUSI DAN MEJA DI TEMPAT LETAK  
KERETA**

Beliau mohon tindakan penguatkuasaan kepada pemilik kedai tersebut yang sering meletakkan kerusi dan meja di lot tempat letak kereta walaupun saman sudah dikeluarkan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Penguatkuasa**

**3.5. GERAI DURIAN DI JALAN MAWAR**

Beliau mohon pihak jabatan membuat semakan ke atas gerai durian tersebut yang sudah kekal di Jalan Mawar.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**4.0 PENUTUP**

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

Disediakan Oleh:  
Bahagian Urusetia  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
**24 JUN 2013**

**5.5.**  
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**  
**KEWANGAN DAN TAKSIRAN**  
**BIL.6/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN****BIL.06/2013****MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 20 JUN 2013 (KHAMIS)

MASA : 9.30 PAGI – 12.45 TENGAHARI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**KEHADIRAN AHLI MAJLIS**

1.	Tn. Abd Hamid bin Hussain (TYDP, MPAJ)	-	Pengerusi
2.	Tn. Razali bin Ramly	-	Ahli Majlis
3.	Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar	-	"
4.	Pn. Sian Keng Eng	-	"
5.	Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said	-	"
6.	Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan	-	"
7.	Tn. Abd. Aziz Bin Ahmad	-	"

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1.	Y.Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob	-	YDP, MPAJ
2.	Tn. Abdul Latif bin Shaari	-	Ahli Majlis
3.	Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis	-	"
4.	Tn. Fong Teck Keong	-	"
5.	Tn. Wong Khai Pun	-	"
6.	Tn. Haji Mat Jusoh bin Dollah	-	"

**LAMPIRAN E****SULIT**

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 06/2013**

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN  
DAN TAKSIRAN**

**1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

**2. LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 06/2013 telah diadakan pada 20 Jun 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. LAPORAN ANALISA KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN  
DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 31 MEI 2013**

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai taksiran. Bil cukai taksiran yang sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari – Jun 2013 ialah sebanyak RM46.30juta dan tunggakan cukai sebanyak RM12.53juta dengan jumlah bil yang dikeluarkan 166,946 bil bagi tempoh penggal pertama dalam tahun 2013.

2.1.2. Secara keseluruhannya kutipan hasil cukai taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Mei 2013 ialah sebanyak RM39.50juta. Pencapaian kutipan semasa cukai

taksiran adalah RM33.11juta; 71.52% dan kutipan tunggakan cukai taksiran adalah RM6.39juta; 51.00%.

2.1.3. Berikut adalah perbandingan kutipan cukai taksiran bagi tempoh 31 Mei 2013 dan 31 Mei 2012.

Perbandingan kutipan cukai taksiran			
Perkara	01/01/13 – 31/05/13	01/01/12 – 31/05/12	Ulasan
Kutipan cukai semasa	RM33.11juta	RM29.36juta	Peningkatan kutipan cukai semasa RM3.75juta; 11.33%
Kutipan tunggakan cukai	RM6.39juta	RM6.10juta	Peningkatan kutipan tunggakan cukai RM0.29juta; 4.53%
Jumlah	RM39.50juta	RM35.46juta	Peningkatan kutipan keseluruhan RM4.04juta; 10.23%

2.1.4. Laporan tunggakan cukai taksiran 1 Januari 2013 sehingga 31 Mei 2013 dan senarai 50 pemaju serta 100 individu tunggakan cukai taksiran adalah seperti di **Lampiran 1**.

2.1.5. Analisa pencapaian kutipan cukai taksiran dilaporkan sehingga 31 Mei 2013 dengan sasaran kutipan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Analisa pencapaian kutipan sasaran yang diarahkan oleh SUK			
Jenis cukai taksiran	Sasaran kutipan arahan SUK	Pencapaian Majlis	Kekurangan sasaran
Cukai semasa	RM41.67juta	RM33.11juta	RM8.56juta
Tunggakan cukai	RM8.77juta	RM6.10juta	RM2.67juta

2.1.6. Pelan Tindakan Jabatan bagi meningkatkan prestasi kutipan adalah berterusan dan komited seperti berikut:

- a) Perlaksanaan kaunter bergerak mengikut Zon Ampang dan Zon Hulu Kelang dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah pemegang harta.
- b) Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap Sabtu setiap minggu bermula 18 November 2006 yang lalu.
- c) Pembukaan kaunter di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada bulan Januari, Februari, Julai dan Ogos untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.

- d) Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan pembayaran secara eBanking melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.
- e) Pemberitahuan promosi dan lokasi kaunter bergerak melalui banner di jalan utama, papantanda elektronik di Ampang Point dan memaklumkan aktiviti dan kewajipan membayar cukai melalui media.
- f) Menjalankan kajian secara berterusan ke atas pelaksanaan operasi kutipan oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain bagi mengemaskini dan mendapatkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi kutipan.
- g) Menubuhkan Unit Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran bermula 18 Januari 2010. Unit ini memantau serta membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilik individu dan syarikat tegar.
- h) Menyenaraihitamkan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran ke Convergent Technologies Operating System (CTOS).

2.1.7. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum** Laporan Analisa Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Mei 2013. Ahli Mesyuarat mohon agar pihak Jabatan dapat menyediakan

gambar premis individu yang mempunyai tunggakan cukai. Perbincangan lebih terperinci perlu dibincangkan dalam Mesyuarat Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran.

## **2.2. LAPORAN ANALISA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2013 DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 31 MEI 2013**

- 2.2.1. Mesyuarat dimaklumkan perbelanjaan Majlis bagi bajet 2013 sehingga 31 Mei 2013.
- 2.2.2. Peruntukan bajet mengurus tahun 2013 adalah sebanyak RM118juta dengan perbelanjaan RM34.16juta atau 28.95% daripada peruntukan yang telah diluluskan. Manakala bajet pembangunan dengan peruntukan berjumlah RM1juta bagi tahun 2013.
- 2.2.3. Laporan Prestasi Perbelanjaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dari 1 Januari 2013 hingga 31 Mei 2013 seperti di **Lampiran 2**.
- 2.2.4. Peruntukan khas yang diterima oleh Majlis sehingga 31 Mei 2013 berjumlah RM13.26juta dengan perbelanjaan RM12.39juta atau 93.37%. Laporan perincian Perbelanjaan daripada Peruntukan Khas Tahun 2011 - 2013 bagi bulan 1 Januari 2011 hingga 31 Mei 2013 seperti di **Lampiran 3**.

2.2.5. Mesyuarat bersetuju dan mengambil maklum laporan analisa prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Mei 2013.

**2.3 KERJA-KERJA KECEMASAN TINDAKAN TERHADAP KEJADIAN BANJIR LUMPUR DI PANGSAPURI AL-RIDHUAN, TAMAN AL-RIDHUAN, HULU KELANG**

2.3.1. Mesyuarat dikemukakan dengan kerja-kerja kecemasan tindakan terhadap kejadian banjir lumpur di Pangsapuri Al-Ridhuan, Taman Al-Ridhuan, Hulu Kelang pada 17 Mei 2013.

2.3.2. Punca-punca berlakunya kejadian ini adalah disebabkan oleh :

- i) longkang utama 'box culvert' bersaiz 2.1m x 2.1m telah dipenuhi dengan mendapan pasir dan tanah menyebabkan air lumpur melimpah keluar dari longkang utama tersebut.
- ii) terdapat 2 kolam takungan yang tidak diselanggara menyebabkan air larian terus mengalir ke longkang utama.
- iii) terdapat pembangunan yang dijalankan oleh pemaju tidak mengikut garis panduan serta tidak menyediakan sistem kawalan kelodak yang efisien menyebabkan air lumpur mengalir dari pembangunan ke langkang utama.

2.3.3. Kerja-kerja kecemasan ini dilaksanakan selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Seksyen 30 – Kuasa-kuasa luarbiasa dalam perkara Kecemasan.

2.3.4. Berikut adalah butiran bagi kerja-kerja mengatasi masalah banjir lumpur tersebut :

TAJUK KERJA	SKOP KERJA & KOS (RM)	NAMA SYARIKAT	STATUS KERJA (%)
KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN 2 UNIT KOLAM TAKUNGAN DAN LONGKANG UTAMA SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN BAGI MEYELESAIKAN MASALAH BANJIR DI PANGSAPURI AL-RIDHUAN, HULU KELANG	- Kerja Awalan - Kerja Pembersihan kolam takungan - Kerja pembersihan longkang utama <u>Kos</u> <b>RM66,800.00</b>	BBY BUDI ENTERPRISE	40%

2.3.5. Mesyuarat **mengambil maklum dan dipersetujui kerja-kerja penyelenggaraan 2 unit kolam takungan dan longkang utama serta kerja-kerja yang berkaitan bagi menyelesaikan masalah banjir di Pangsapuri Al-Riduan, Hulu Kelang oleh BBY Budi Enterprise dengan kos RM 66,800.00.**

#### **2.4. LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA TASKFORCE KHAS BILLBOARD DAN MENARA TELEKOMUNIKASI BIL.3/2013 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

2.4.1. Mesyuarat dikemukakan Laporan Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil.3/2013 untuk memaklumkan perkembangan perkara yang telah dibincangkan dan cadangan

serta syor yang telah dikemukakan seperti di **Lampiran 4.**

2.4.2. Mesyuarat mengambil **maklum dan meluluskan** syor yang dibentangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil.3/2013 seperti di **Lampiran 4.**

**2.5. PINDAAN SENARAI NILAIAN (CUKAI TAKSIRAN) BARU KE ATAS  
PEGANGAN BERKADAR DALAM KAWASAN MAJLIS  
PERBANDARAN AMPANG JAYA BERKUATKUASA 1 JULAI  
2013**

2.5.1. Mesyuarat dimaklumkan pindaan senarai nilai (cukai taksiran) baru ke atas pegangan berkadar dalam kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya berkuatkuasa pada 1 Julai 2013.

2.5.2. Selaras dengan Seksyen 144 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta meminda senarai nilai ke atas harta-harta yang telah membuat pengubahsuaian struktur bangunan, pegangan dan tanah kosong yang terlibat dengan pengeluaran hakmilik serta pertukaran syarat kegunaan.

2.5.3. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah membuat penilaian ke atas pindaan senarai nilai sebanyak 695 unit pegangan dengan jumlah tambahan cukai sebanyak RM694,189.13 setahun bagi

keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis untuk dikuatkuasakan pada 1 Julai 2013 seperti di **Jadual 1**.

**JADUAL 1 : PENYATA PENDAPATAN CUKAI  
TAKSIRAN BERKUATKUASA 1 JANUARI  
2013**

<b>MUKIM</b>	<b>JUMLAH</b>	
	<b>UNIT HARTA</b>	<b>CUKAI</b>
<b>AMPANG</b>	<b>301</b>	<b>RM111,983.36</b>
<b>HULU KELANG /</b>	<b>394</b>	<b>RM582,205.78</b>
<b>SETAPAK</b>		
<b>JUMLAH</b>	<b>695</b>	<b>RM694,189.13</b>

2.5.4. Pecahan pegangan harta yang diambilalih bagi keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis adalah seperti **di Lampiran 5**. Penilaian berdasarkan pegangan bangunan dan penilaian berdasarkan pegangan tanah kosong adalah seperti **di Lampiran 6 dan Lampiran 7**.

2.5.5. Mesyuarat **bersetuju dan meluluskan Pindaan Senarai Nilaian (cukai taksiran) baru ke atas pegangan berkadar dalam kawasan pentadbiran Majlis berkuatkuasa pada 1 Julai 2013.**

**2.6. CADANGAN BAGI PERTAMBAHAN PERKHIDMATAN  
PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN KAWASAN  
MULAI BULAN JULAI 2013**

- 2.6.1. Mesyuarat dikemukakan pertambahan kawasan bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan mulai bulan Julai 2013.
- 2.6.2. Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga Bil.2/2012 bertarikh 18 Januari 2012 dan Mesyuarat Tender Bil.1/2012 bertarikh 15 Februari 2012 telah meluluskan pelantikan kontraktor.
- 2.6.3.84 kontraktor telah dilantik iaitu 36 kontraktor Perkhidmatan Pengurusan Pelupusan dan Kutipan Sisa Pepejal dan 48 kontraktor Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan Awam.
- 2.6.4. Spesifikasi kerja PPSP dan PPA adalah seperti keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tender/Sebutharga sebelum ini. Walau bagaimanapun jadual kutipan PPSP bagi kawasan komersial dipertingkatkan menjadi 7 kali seminggu (7M) manakala jadual PPA dipertingkatkan kepada 15 hari sekali sepusingan dan kawasan komersial disapu setiap hari (7 hari seminggu).
- 2.6.5. Perbelanjaan sebulan yang terlibat bagi Perkhidmatan Pengurusan Kutipan Sisa Pepejal dan Perkhidmatan Awam adalah berjumlah RM7,257.06. Kawasan baru yang akan diberi perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran 8.**

2.6.6. Mesyuarat **bersetuju dengan cadangan bagi pertambahan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan mulai bulan Julai 2013.**

**2.7. KERTAS SUMBANGAN KEPADA MASJID DAN SURAU SEMPENA BULAN RAMADHAN 1434H/2013**

2.7.1. Mesyuarat dikemukakan cadangan pemberian sumbangan kepada masjid dan surau sempena sambutan bulan Ramadhan 1434H/2013.

2.7.2. Ia merupakan sumbangan berupa wang tunai yang melibatkan 20 buah masjid dan 15 buah surau (telah mendapat kebenaran JAIS untuk mengadakan solat Jumaat) di dalam kawasan pentadbiran MPAJ.

2.7.3. Pemberian sumbangan ini adalah sebagai bantuan kepada masjid dan surau berkenaan untuk menjalankan program / aktiviti sepanjang bulan Ramadhan.

2.7.4. 35 buah masjid dan surau akan menerima sumbangan **RM1,000.00 bagi setiap masjid dan surau (RM1,000.00 x 35) RM35,000.00**). Senarai masjid dan surau yang akan menerima sumbangan adalah seperti **dilampiran 9**.

2.7.5. Mesyuarat **bersetuju dengan cadangan sumbangan kepada masjid dan surau sempena bulan Ramadhan 1434H/2013 dengan mengekalkan jumlah pemberian**

seperti tahun 2012 iaitu RM1,500.00 bagi setiap masjid dan surau ( $RM1,500.00 \times 35 = RM52,500.00$ ).

**3. MESYUARAT TURUT MENGAMBIL MAKLUM PERKARA-PERKARA BERIKUT:-**

**3.1 TUNGGAKAN BAYARAN SYARIKAT SUASA EFEKTIF SDN. BHD.**

Mesyuarat dimaklumkan, jumlah tunggakan sehingga 31 Mei 2013 adalah sebanyak RM 352,069.33 dan notis tuntutan telah dikeluarkan oleh Jabatan Undang-Undang pada 28 Mei 2013.

Pihak Syarikat Suasa Efektif Sdn Bhd melalui suratnya bertarikh 5 Jun 2013, menyatakan berdasarkan rekod syarikat, tunggakan sewaan setakat 30 April 2013 adalah sebanyak RM 82,400.32 saja seperti di **Lampiran 10**. Sehubungan itu, Penasihat Undang-Undang MPAJ mengesyorkan agar mewujudkan ‘dispute resolution committee’, 1 wakil dilantik oleh Kerajaan Negeri, 2 orang wakil dilantik oleh MPAJ dan 2 orang yang dilantik oleh Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd bagi menyelesaikan isu tunggakan ini. Kaedah ini merujuk kepada Klaus 11.1 – Perjanjian Konsesi Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn Bhd dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Mesyuarat juga mencadangkan supaya Majlis melantik peguam untuk memberi panduan dan khidmat nasihat berhubung isu ini.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perbendaharaan / Jabatan Undang-Undang**

**3.2. ISU TANAH YAP AH LOY DI PEKAN AMPANG**

Mesyuarat dimaklumkan, Pengarah Jabatan Undang-Undang telah berjumpa dengan Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) pada 18 Jun 2013. Pihak PTGS akan cuba menyelesaikan isu ini dalam masa sebulan. PTGS juga akan melaksanakan tindakan berikut :

- a) mengeluarkan Notis 2B, Kanun Tanah Negara 1965 (notis untuk mengemukakan dokumen)
- b) jika masih gagal mengemukakan surat hak milik dalam tempoh 14 hari, PTGS akan mengambil tindakan selaras dengan perintah mahkamah yang diperolehi oleh MPAJ.

**Tindakan :  
Jabatan Undang-Undang**

**3.3. STATUS DEWAN JALAN H, KG PANDAN**

Mesyuarat dimaklumkan, konsep dewan adalah terbuka. Pembinaan telah siap 65% dan dijangka siap sebelum hari raya. Rekabentuk dewan telah dipersetujui oleh ADUN kawasan.

**Tindakan :  
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**3.4. STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI TAMAN UKAY****PERDANA**

Mesyuarat dimaklumkan, pada dasarnya pihak YDP telah bersetuju mengekalkan harga ‘siling’ pada harga RM900ribu seperti yang dimaklumkan pada mesyuarat lepas dengan pelaksanaan tender terbuka. Sebelum pembukaan tender terbuka tersebut, pihak Majlis perlu menyediakan BQ bagi struktur pembinaan dewan tersebut. Pihak jabatan dalam tindakan lantikan jururunding bagi penyediaan pelan-pelan

rekabentuk dewan tersebut. Jangkaan pembinaan dewan tersebut adalah pada bulan September akan datang.

**Tindakan :  
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**3.5. PETAK-PETAK PARKING YANG DIGUNAKAN OLEH BENGKEL-BENGKEL KERETA DI KAWASAN RUMAH-RUMAH KEDAI DI KAWASAN AMPANG WATERFRONT**

Mesyuarat dimaklumkan, jalan tersebut belum diwartakan dan pihak Majlis tidak boleh mengutip caj sewa petak. Pihak Majlis hanya boleh mengeluarkan kompaun 46(1)(d) atas kesalahan halangan. Tindakan penguatkuasaan akan berterusan dari masa ke semasa.

**Makluman**

**3.6. KAWASAN LAPANG YANG DIJADIKAN TEMPAT MELETAK BARANG-BARANG PERNIAGAAN DI KAWASAN AMPANG WATERFRONT**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Majlis telah mengenakan bayaran sewa tapak (kawasan hijau) kepada Pengurus Restoran Sekinchan Ikan Bakar Sdn. Bhd. berjumlah RM1,100.00 sebulan mengikut kiraan yang ditetapkan oleh Jabatan PPH. Restoran tersebut tidak lagi beroperasi dan ahli mesyuarat bersetuju dengan mengenakan sewa yang sama ke atas restoran yang baru jika masih menggunakan tapak tersebut.

**Makluman**

**3.7. MOHON SENARAI DAN JUMLAH GERAI B.O.T. MAJLIS**

Mesyuarat dimaklumkan sebanyak 12 lokasi BOT di seluruh kawasan MPAJ. Terdapat 180 unit gerai di mana 103 unit gerai aktif menjalankan perniagaan. Setakat ini hanya 3 lokasi yang mempunyai LMS sehingga 2014 iaitu Kopitiam Pandan Jaya, Keramat Permai dan Bukit Antarabangsa.

Hasil yang diperolehi melalui lesen yang dikeluarkan adalah sebanyak RM 10,200.00. Mesyuarat memutuskan Jabatan PBK perlu membuat semakan dengan lebih teliti agar jumlah kutipan lesen dan permit meningkat bagi menambah pendapatan Majlis.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**3.8. STATUS PEMUTIHAN GERAI-GERAI HARAM**

Mesyuarat dimaklumkan, sebanyak 6 kali Mesyuarat Taskforce Pemutihan telah diadakan sepanjang tahun 2011 yang melibatkan 22 lokasi bangunan perniagaan atas tanah kerajaan seluruh DUN kawasan MPAJ. Taskforce ini diberhentikan sementara sehingga keputusan terbaru TOL oleh Kerajaan Negeri Selangor. Pihak Jabatan Perancang Bandar akan menyediakan laporan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor agar dapat membantu mempercepatkan proses pemberian TOL.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perancang Bandar**

**3.9. TAPAK BARU BAGI LOKASI MEDAN SELERA**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan telah mengenalpasti beberapa tapak cadangan dan konsep yang akan dilaksanakan dan akan dibincangkan terlebih dahulu di peringkat jabatan. Mesyuarat memohon Jabatan membentangkan cadangan tersebut dalam mesyuarat yang akan datang.

**Tindakan :  
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta**

**4. HAL-HAL LAIN****TUAN RAZALI BIN RAMLY****4.1. KUTIPAN PASAR MALAM YANG MASIH BELUM DITERIMA OLEH PIHAK JKP ZON 3**

Beliau memaklumkan sehingga minggu ini masih belum menerima hasil kutipan pasar malam bagi JKP Zon 3. Beliau mohon perkara ini disemak.

Pihak Jabatan Perbendaharaan akan membuat semakan dengan unit penjaja bagi penyelesaian isu ini.

**Tindakan :  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/  
Jabatan Perbendaharaan**

**TUAN ABDUL AZIZ BIN AHMAD****4.2. TUNTUTAN PAMPASAN BERHUBUNG PENURUNAN BILLBOARD  
BAGI PROJEK BESRAYA**

Beliau mohon penyelesaian berkaitan tuntutan pampasan Majlis kepada pihak Besraya.

Pihak Jabatan Pelesenan memaklumkan telah membuat tuntutan kepada pihak Besraya tetapi sehingga kini masih belum ada maklumbalas.

**Tindakan:  
Jabatan Pelesenan/Jabatan Kejuruteraan**

**5. PENUTUP**

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

Disediakan Oleh ;  
Bahagian Urusetia  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
**24JUN2013**

Lampiran 4

**1. LAPORAN MAKLUMBALAS MESUARAT JAWATANKUASA TASKFORCE  
KHAS BILLBOARD DAN MENARA TELEKOMUNIKASI BIL. 02/2013 PADA  
17 MEI 2013:**

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil	Jabatan / Bahagian
6.9	<p><b>Aduan bagi Status tapak billboard di Jalan Cahaya menuju ke Taman Dagang berhadapan dengan Kedai Perabot Cempaka oleh Tetuan Out Of Homes Sign Sdn Bhd.</b></p> <p>Semakan semula Jabatan Bangunan dan Senibina bersama Jabatan Pelesenan untuk mengetahui ketinggian tiang dan jarak paparan dengan bahu jalan.</p>	<p>Telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil.05/2013 dan isu telah selesai.</p>	<b>Jab.L dan Jab.BS</b>
7.1	<p><b>Telco di atas struktur billboard milik Spectrum Outdoors Sdn Bhd di dalam kawasan Dewan Ahmad Jantan Kampung Pandan:</b></p> <p>Semakan Jab.</p>	<p>Pihak Jabatan Pelesenan telah mengeluarkan surat kepada Syarikat Spectrum Outdoors Sdn Bhd pada 4 Jun 2013 kerana</p>	<b>Jab.L dan Jab.BS</b>

	<p>Bangunan mendapat syarikat telco Maxis mempunyai perjanjian penyewaan dengan Spectrum Outdoors Sdn Bhd. Dicadangkan surat dikeluarkan oleh Jabatan Pelesenan kepada pihak Spectrum Outdoors kerana menaikkan struktur telco di atas struktur billboard tanpa kelulusan.</p> <p>Jabatan Pelesenan dikehendaki mendapatkan perjanjian penyewaan dengan pihak syarikat dan Jabatan Bangunan dikehendaki mendapatkan perjanjian penyewaan dengan syarikat telco bagi semakan kadar penyewaan.</p>	<p>menaikkan struktur telco di atas struktur billboard tanpa kelulusan Majlis dan memohon sesalinan perjanjian.</p>	
--	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--

**2. PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN**

- 2.1 **Permohonan Bagi Mendirikan Papan Tanda Iklan Boxpole MRR2 Berhampiran Dengan Sekolah Rendah Agama Jalan F, Kampung Pandan, Ampang Selangor Darul Ehsan Bersaiz 60' X 40' Oleh Tetuan Skyvest Network Sdn Bhd**

**2.1.1 Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal:**

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (Kej)	<b>Tiada halangan</b> dengan cadangan permohonan yang dikemukakan.
2.	P (BS)	<b>Tiada halangan</b> dengan mematuhi garis panduan Jab. Perancang Bandar dan mengemukakan permohonan permit struktur.
3.	P (PB)	Merujuk kepada Rancangan Tempatan MPAJ 2020,(BPK 1.2) <b>tapak dizonkan bagi kegunaan kerajaan / badan berkanun.</b> Pemohon adalah diminta <b>mendapatkan pengesahan maklumat pemilikan tanah di PTDHL</b>
4.	P (PPH)	Tiada

**2.1.2 Syor Mesyuarat Taskforce:**

Permohonan ditolak selaras dengan ulasan Jabatan Perancang Bandar tapak dizonkan bagi kegunaan kerajaan / badan berkanun.

- 2.2 **Permohonan Bagi Mendirikan Papan Iklan Unipole Di Atas Tanah Milik Persendirian (Lot 13272) Di KM 27.8 MRR2 (Taman Angsana Hilir), Ampang Selangor Darul Ehsan Bersaiz 60' X 40' Oleh Tetuan Prowangsa Holdings Sdn Bhd**

**2.2.1 Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal:**

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (Kej)	<b>Tiada halangan</b> dengan cadangan permohonan yang dikemukakan.
2.	P (BS)	<b>Tiada halangan</b> dengan mematuhi garis panduan Jab.Perancang Bandar dan mengemukakan permohonan permit struktur ke Jab. Bangunan.
3.	P (PB)	<p><b>Tiada halangan dengan syarat:</b>            Mendapatkan kebenaran terbaru daripada pemilik tanah iaitu Kabra Development Sdn Bhd.            Mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dengan mematuhi syarat-syarat:</p> <p><b>Jenis Unipole sahaja</b>  <b>Saiz dibenarkan adalah 20' x 40' jenis melintang dengan ketinggian maksimum 40'</b>  <b>Ketinggian papan iklan hendaklah dalam jarak yang kurang daripada jarak tiang papan iklan dengan lot individu bersebelahan</b>  <b>Jarak papan iklan dengan papan iklan yang lain mengikut kesesuaian</b>  <b>Tidak boleh memasuki ruang udara tanah bersebelahan</b>  <b>Jarak dengan kawasan persimpangan adalah 20'</b></p>
4.	P (PPH)	Tiada

**2.2.2 Syor Mesyuarat Taskforce:**

Permohonan ditolak kerana permohonan terdapat bantahan penduduk.

**2.3 Permohonan Bagi Mendirikan Papan Tanda Di Jalan Masuk Ke Kompleks Sukan Destar Arena (Berhadapan Aeon Big), Ampang Selangor Darul Ehsan Bersaiz 20.3' X 8.6' Oleh Tetuan Destar Nurani**

**2.3.1 Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal:**

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (Kej)	Tiada halangan dengan permohonan yang dikemukakan dan pemohon perlu merujuk kepada pihak pemaju iaitu Trans Loyal Development Sdn Bhd memandangkan lokasi terletak dalam tanah hak milik pemaju.
2.	P (BS)	<b>Tiada halangan dengan mematuhi garis panduan</b> serta mengemukakan permohonan permit struktur ke Jab. Bangunan.
3.	P (PB)	<b>Tidak menyokong permohonan sehingga mematuhi syarat-syarat berikut :</b> Mendapatkan ulasan JPS sekiranya rezab parit. Memohon TOL sekiranya tanah kerajaan. Mendapatkan persetujuan pemilik tanah sekiranya tanah individu. Mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dengan mematuhi syarat-syarat yang dikemukakan.
4.	P (PPH)	Tiada

**2.3.2 Syor Mesyuarat Taskforce:**

Permohonan diluluskan dengan mematuhi ulasan Jabatan Perancang Bandar iaitu mengemukakan permohonan pindaan Kebenaran Merancang.

**2.4. Kertas Makluman Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bil.02/2013, Lesen Pendudukan Sementara (LPS) Bagi Tujuan Papan Iklan (Billboard)**

- 2.4.1 Struktur binaan papan iklan yang telah didirikan di atas rizab kerajaan (rizab jalan) adalah tidak sah kerana PBT tidak boleh memohon LPS untuk memperbaharui LPS dan permohonan baru juga tidak boleh dikemukakan ke Pejabat Tanah Daerah.
- 2.4.2 Melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.2/2013, Pejabat Tanah Daerah dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dibenarkan menjual pelan rizab kerajaan untuk permohonan Lesen Pendudukan Sementara bagi tujuan papan iklan sahaja.

**(Lampiran)**

**2.5 Makluman Laporan Pembaharuan Lesen Papan Iklan (Billboard) Bagi Tahun 2013**

**2.5.1 Jadual :**

PERKARA	BILANGAN	HASIL KUTIPAN (RM)
<b>Jumlah Perbaharui Lesen Bagi Tahun 2013</b>	<b>81</b>	<b>595,846.40</b>
<b>Jumlah Tidak Baharui Lesen Bagi Tahun 2013</b>	<b>34</b>	<b>141,779.20</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>115</b>	<b>737,625.60</b>

- 2.5.2 Terdapat 19 unit papan iklan luaran billboard yang gagal membaharui lesen bagi tahun 2012 dan 34 unit papan iklan luaran billboard yang gagal membaharui lesen bagi tahun 2013.
- 2.5.3 Mesyuarat bersetuju tindakan penguatkuasaan akan dijalankan ke atas operator yang masih gagal membaharui lesen dan permit struktur.



**5.6.**  
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**  
**PUSAT SETEMPAT (OSC)**  
**BIL.11/2013**

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)  
BIL. 11/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 17 HB JUN 2013 (ISNIN)**

**MASA : 9.30 PAGI**

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,  
ARAS 16, MPAJ**

**KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT**

<b>BIL</b>	<b>HADIR</b>	<b>JABATAN / AGENSI</b>
1.	Y. Bhg. Dato' Mohammad B. Yacob	Yang DiPertua MPAJ (Pengerusi)
2.	Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain	Timbalan Yang DiPertua MPAJ
3.	Tn. Razali B. Ramly	Ahli Majlis MPAJ
4.	Tn. Abdul Aziz B. Ahmad	Ahli Majlis MPAJ
5.	Tn. Abdul Jalil B. Hassan	Ahli Majlis MPAJ
6.	Pn. Sian Keng Eng	Ahli Majlis MPAJ
7.	En. Mohd Zuwahir B. Wandi	Pej. Tanah & Daerah Gombak
8.	En. Ahmad B. Muhamad Yusoff	Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
9.	Pn. Faridah Hanim Bt. Salaton	JPBD Selangor
10.	En. Qalam A'zad Rosle	Jab. Mineral & Geosains Selangor
11.	En. Mohd Firdaus B. Ismail	Kumpulan IKRAM Sdn Bhd
12.	En. Faizad Amirul B. Abdul Razak	Jab. Bomba & Penyelamat Selangor
13.	Cik Nur Hanis Akmal Bt. Ahmad Fauzi	Jab. Pengairan & Saliran Gombak
14.	En. Azhar B. Ramli	Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat
15.	Pn. Nor Liza Bt. Yen	Jab. Alam Sekitar Selangor
16.	En. Mohd Fauzi B. Embong	POS Malaysia Berhad
17.	En. Muhammad Wafiy B. Md Wazir	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
18.	En. Muhammad Ashraf B. Abu Bakar	SKMM Wilayah Tengah
19.	Pn. Zuraina Bt. Said	Jab. Perancang Bandar MPAJ
20.	En. Hasrolnizam B. Shaari	Jab. Kejuruteraan MPAJ
21.	En. Yazid B. Sarkom	Jab. Bangunan & Senibina MPAJ
22.	En. Johari B. Atli	Jab. Undang-Undang MPAJ
23.	Pn. Rohana Bt. Mohd Nor	Ketua Bahagian OSC
24.	En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim	Urusetia OSC Pembangunan
25.	Pn. Rozita Bt. Razali	Urusetia OSC Pembangunan
26.	Pn. Rahah Bt. Jalaludin	Urusetia OSC Pembangunan
27.	Pn. Hajjah Norhayati Bt. Ahmad	Peg. Perhubungan Awam
28.	Pn. Roslina Bt. Arshad	Jab. Perbandaran & Kesihatan
29.	En. Arbaie B. Kadinan	Jab. Penguatkuasa

**TURUT HADIR**

- |                                         |                        |
|-----------------------------------------|------------------------|
| 1. Pn. Ruziana Bt. Leemon               | Jab. Perancang Bandar  |
| 2. En. Syed Noornekman B. Syed Abdullah | Jab. Perancang Bandar  |
| 3. Tg. Norhani Bt. Tg. Hamzah           | Jab. Perancang Bandar  |
| 4. En. Kamarulnizam B. A. Ghani         | Jab. Perancang Bandar  |
| 5. En. Mohd Hirazat B. Abdul Wahid      | Jab. Bangunan Senibina |
| 6. En. Zahari B. Mohd Nor               | Jab. Kejuruteraan      |
| 7. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak        | Jab. Kejuruteraan      |
| 8. En. M. Khairul Nizam B. M. Kamil     | Jab. Kejuruteraan      |

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

- |                                      |             |
|--------------------------------------|-------------|
| 1. Jab. Kerja Raya Hulu Langat       | TIDAK HADIR |
| 2. Jab. Kerja Raya Gombak            | TIDAK HADIR |
| 3. PDRM (Daerah Ampang)              | TIDAK HADIR |
| 4. Jab. Pengairan & Saliran Selangor | TIDAK HADIR |
| 5. Indah Water Konsortium (IWK)      | TIDAK HADIR |
| 6. SYABAS                            | TIDAK HADIR |
| 7. TNB Distribution Sdn. Bhd.        | TIDAK HADIR |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.06/2013**

---

**LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)**

**1. TUJUAN**

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

**2. LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2013 telah diadakan pada 17 Jun 2013 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

- 2.1.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan dengan syarat.
- 2.1.2 Satu (1) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan dengan syarat.
- 2.1.3 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan dengan syarat.

**(LAMPIRAN 1)**

**2.2 PERMOHONAN SERENTAK**

- 2.2.1 Satu (1) Permohonan Serentak Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan telah ditolak.
- 2.2.2 Dua (2) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan bangunan telah dikemukakan. Satu (1) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditangguhkan.

**(LAMPIRAN 2)**

**2.3 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG**

Lima (5) cadangan Kebenaran Merancang telah dikemukakan, empat (4) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditolak.

**(LAMPIRAN 3)**

**2.4 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN (PELBAGAI)**

Satu (1) permohonan Pelan Kejuruteraan (Pelbagai) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

**(LAMPIRAN 4)**

**2.5 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (RUMAH SESEBUAH)**

Dua (2) cadangan Pelan Bangunan (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

**(LAMPIRAN 5)**

**2.6 HAL-HAL LAIN**

- 2.6.1 Sebanyak 30 permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 17 permohonan Permit Pelbagai dan Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2013.
- 2.6.2 Sebanyak 3 Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur Jalan dan Perparitan telah diproses dan telah diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2013.
- 2.6.3 Sebanyak 3 Permohonan Pelan Lampu Jalan telah diproses , dua (2) diluluskan dan satu (1) dibatalkan.  
Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2013.
- 2.6.4 Sebanyak 1 Permohonan Pelan Lanskap telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2013.

**(LAMPIRAN 6)**

**2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

**2.1.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.**

**2.1.1(i) TAN SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN  
(PELAN KERJA TANAH)**

Pemohon	:	<b>Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Bin Che Othman</b>
No. Fail PBT	:	MPAJ.KEJ.KB.720-02-281B
No. Fail OSC	:	MPAJ/OSC/DEV/38/12
Tajuk	:	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Banglo 3 Tingkat Berserta 1 Aras Bawah Tanah Di Atas Lot 6884, Lorong Kasawari, Desa Haras, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
Perunding	:	Khairi Consult Sdn. Bhd.
ADUN	:	Y.B Tuan Saari Bin Sungib (Dun Hulu Kelang)
Ulasan	& :	<b>Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ</b>
Pertanyaan		Beliau memaklumkan daripada semakan jabatan pemohon telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan . Permohonan juga telah mendapat sokongan daripada Jabatan Perancang Bandar ,MPAJ dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dengan syarat pemohon perlu mengemukakan jaminan bank berjumlah RM5,000.00 kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya .
Keputusan	:	Mesyuarat memutuskan permohonan ini <b>diluluskan dengan syarat</b> pemohon menjelaskan jaminan bank berjumlah RM5,000.00 kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya seperintama syarat daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

**Tindakan : Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

**2.1.1(ii) TAN SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN  
(PELAN BANGUNAN)**

Pemohon : **Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Bin Che Othman.**  
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/1-60/12  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/38/12  
Tajuk : Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Banglo 3 Tingkat Beserta 1 Tingkat Aras Bawah Tanah Di Atas Gm 327 Lot 6884, Lorong Kasawari, Desa Haras, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.  
Perunding : Arkitek MZD Sdn. Bhd.  
ADUN : Y. B. Saari Bin Sungib  
(DUN Hulu Kelang)  
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.11/2013 bertarikh 17 Jun 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki mematuhi ulasan Jabatan Bangunan dan Senibina seperti surat bil.(2)dlm.MPAJ BS.KB 740-1/1-60/12 bertarikh 10/01/2013 pada para ulasan rekabentuk dan menjelaskan bayaran cukai taksiran terkini.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ & OSC Pembangunan**

**2.1.2 Satu (1) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.****2.1.2(i) HO ZEE KIM**

Pemohon : **Ho Zee Kim**  
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Pecah Sempadan Di Bawah Seksyen 137 KTN Untuk Cadangan Membina 2 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat Di Atas Lot 21386 (PM 10646), Jalan Bunga Matahari 3, Taman Maju Jaya, 68000 Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan  
Perunding : ANR Planning Consultant  
No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/3-12(2013)  
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.37.13  
ADUN : Y.B. Iskandar B. Abd. Samad  
(DUN Cempaka)  
Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ

- i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini pernah ditangguhkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.10/2013 pada 28/05/2013 sehingga mematuhi ulasan Kebenaran Merancang bertarikh 20/05/2013 dengan meminda keluasan lot di sebelah kanan (lot 1) daripada 2556kp kepada luas minima 2600kp sebagaimana keperluan garis Panduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Kedua) bagi pembangunan rumah berkembar.
- ii) Walau bagaimanapun, permohonan ini disyorkan untuk diluluskan kerana pemohon telah garis Panduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Kedua) bagi pembangunan rumah berkembar tersebut.

Ulasan Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat

- i) Pihak Pejabat Tanah mengesyorkan pemohon mengemukakan permohonan pecah sempadan di pejabat tanah sebelum permohonan pelan kerja tanah dan pelan bangunan dikemukakan.
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Mematuhi ulasan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan, MPAJ iaitu menyediakan kebuk sampah di hadapan rumah bagi setiap unit rumah yang memuatkan tong sampah jenis 'two wheel bin' berkapasiti 120 liter.
  - ii) Mematuhi ulasan JPS iaitu pohak pemaju hendaklah menyediakan tangki setoran (On Site Detention) yang berkapasiti 11.10 meter padu seperti yang dinyatakan di dalam 'Stormwater Management Report' yang dikemukakan atau sebarang 'detention facilities' yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan MASMA.
  - iii) Pelan kerja tanah dan pelan bangunan tidak boleh dikemukakan sehingga urusan berkaitan tanah di Pejabat Tanah diselesaikan terlebih dahulu.
  - iv) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada pihak TNB.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar, MPAJ**

**2.1.3 Satu (1) Permohonan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur yang ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.**

**2.1.3 (a)(i) TETUAN GARUDA NILAM SDN. BHD. (PELAN KERJA TANAH)**

Pemohon : **Tetuan Garuda Nilam Sdn. Bhd.**  
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.C.720-2/5/11/B  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/71/12  
Tajuk : Cadangan Pembangunan Di Atas Pt 1434 (Lot 1019)  
Yang Mengandungi  
1. 8 Unit Rumah Semi-D Jenis Merpati 3 Tingkat  
2. 8 Unit Rumah-D Jenis Kasawari 3 Tingkat,  
3. 1 Unit Rumah Banglo 3 Tingkat  
Di Jalan Kasawari Dan Jalan Merpati, Bandar Ulu Kelang, Mukim Ampang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Semenanjung Runding Sdn. Bhd.  
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (Dun Hulu Kelang)  
Ulasan & Pertanyaan : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**  
Beliau memaklumkan permohonan ini pernah ditangguhkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil 9/2013 pada 9 Mei 2013 kerana pemohon masih tidak mematuhi ulasan jabatan serta permohonan tidak mendapat sokongan daripada pihak IKRAM. Walau bagaimanapun pemohon telah kemukakan pindaan pelan dan daripada semakan jabatan pemohon telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan . Selain itu aspek kestabilan cerun juga telah disemak dan telah mematuhi.  
Beliau juga memaklumkan permohonan juga telah mendapat sokongan jabatan teknikal yang berkaitan seperti Jabatan Perancang Bandar ,MPAJ , Kumpulan IKRAM dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) . Walau bagaimanapun kelulusan hanya akan dikeluarkan setelah pemohon mengemukakan wang jaminan bank berjumlah RM 10,000.00 sepetimana syarat Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon perlu mengemukakan wang jaminan bank berjumlah RM 10,000.00 kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya sepetimana syarat Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

**Tindakan : Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

### **2.1.3 (a)(ii) TETUAN GARUDA NILAM SDN. BHD. (PELAN INFRASTRUKTUR)**

Pemohon : **Tetuan Garuda Nilam Sdn. Bhd.**  
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.C.720-3/1/11/B  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/71/12  
Tajuk : Cadangan Pembangunan Di Atas Pt 1434 (Lot 1019) Yang Mengandungi  
1. 8 Unit Rumah Semi-D Jenis Merpati 3 Tingkat  
2. 8 Unit Rumah-D Jenis Kasawari 3 Tingkat,  
3. 1 Unit Rumah Banglo 3 Tingkat  
Di Jalan Kasawari Dan Jalan Merpati, Bandar Ulu Kelang, Mukim Ampang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.  
Perunding : Semenanjung Runding Sdn. Bhd.  
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (Dun Hulu Kelang)  
Ulasan & Pertanyaan : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**  
Selaras dengan kelulusan Pelan Kerja Tanah, pihak jabatan mengesyorkan permohonan diluluskan dengan syarat pemohon perlu menyelenggara semula sistem perparitan sediada serta menurap semula sebahagian jalan di kawasan pembangunan serta pemohon perlu menjelaskan wang jaminan bank berjumlah RM 10,000.00 sepetimana syarat Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) kepada pihak majlis.  
Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan dengan syarat** selaras dengan kelulusan Pelan Kerja Tanah iaitu pemohon perlu mengemukakan wang jaminan bank berjumlah RM 10,000.00 sepetimana syarat Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya serta menyelenggara semula sistem perparitan sediada serta menurap sebahagian jalan di kawasan sekitar tapak pembangunan.

**Tindakan : Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

**LAMPIRAN 2****2.2 PERMOHONAN SERENTAK**

**2.2.1 Satu (1) Permohonan Serentak Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.**

**2.2.1(i)      TETUAN WESION CORPORATION SDN. BHD  
(KEBENARAN MERANCANG)**

Pemohon	: <b>Tetuan Wesion Corporation Sdn. Bhd.</b>
Tajuk	: Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Mengikut Seksyen 21 Akta 172 Bagi Cadangan Membina Sebuah Rumah Banglo 2 Tingkat Di Atas Pt 32891 HS(D) 46300, Jalan Ikan Kaloi, Kg.Ampang Campuran, Mukim Bandar Ampang, Daerah Ulu Langat, Selangor Darul Ehsan
Perunding	: RBI Planning Consultant
No. Fail PBT	: MPAJ.PB.KP/3-23 (2013)
No. Fail OSC	: MPAJ.OSC.DEV.38.13
ADUN	: Y.B. Tn. Haji Saari bin Sungip (DUN Hulu Kelang)
Keputusan	: Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini <b>ditolak</b> berdasarkan perkara-perkara berikut: i) Pejabat Daerah / Tanah Hulu Langat tidak menyokong permohonan ini kerana: a) Keluasan di dalam hak milik tidak sama dengan Pelan Akui PA 91071 dan Pelan Kebenaran Merancang., b) Pemohon perlu memohon hak milik muktamad berdasarkan Pelan Akui tersebut dengan mendapatkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

**2.2.1(ii) TETUAN WESION CORPORATION SDN. BHD  
(PELAN BANGUNAN)**

Pemohon : **Tetuan Wesion Corporation Sdn. Bhd.**  
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/1-24/13  
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.124.13  
Tajuk : Cadangan Membina Sebuah Rumah Banglo 2 Tingkat Di Atas P.T 32891 ( No. 230 ), HS (D) 46300, Jalan Ikan Kaloi, Kg. Ampang Campuran, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.  
Perunding : Mok Chee Wah  
ADUN : Y. B. Khasim Bin Abdul Aziz  
( DUN Lembah Jaya )  
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.11/2013 bertarikh 17 Jun 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **ditolak** selaras dengan Kebenaran Merancang, MPAJ.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ  
& OSC Pembangunan**

**2.2.2 Dua (2) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.****2.2.2 (a)(i) TETUAN SIANG HIN TAYAR SDN. BHD. (PELAN KERJA TANAH)**

Pemohon : **Tetuan Siang Hin Tayar Sdn. Bhd.**  
No. Fail PBT : MPAJ KEJ.KB.720-02-286B  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/61/12Jld.2  
Tajuk : Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Pusat Pameran 2 Tingkat Sediada Di Atas Lot 1823 (Pn 7177) No. 41, Jalan Hulu Kelang, Ukay Heights, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.  
Perunding : YOF Consult  
ADUN : Y.B. Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)  
Ulasan & Pertanyaan : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**  
Beliau memaklumkan pada peringkat permulaannya pihak jabatan mendapati pihak pemohon belum mematuhi ulasan jabatan, walau bagaimanapun pihak pemohon telah mengemukakan semula pindaan terhadap ulasan jabatan pada 14 Jun 2013 dan hasil

semakan mendapati pemohonan telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan.

Pihak jabatan mengesyorkan permohonan diluluskan dengan syarat pemohon perlu mendapatkan sokongan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Walau bagaimanapun syor kelulusan adalah tertakhluk kepada ulasan Jabatan Perancang Bandar, MPAJ yang tidak menyokong permohonan Pelan Kerja Tanah kerana syarat kelulusan Kebenaran Merancang yang masih belum dipatuhi oleh pihak pemohon.

#### **Wakil Jabatan Perancang Bandar, MPAJ**

Beliau memaklumkan pihak jabatan tidak menyokong permohonan kerana pihak pemohon masih belum mematuhi dua perkara sepetimana kelulusan Kebenaran Merancang iaitu:-

- a) Pemohon perlu meroboh struktur bangunan yang melebihi 7' daripada kawasan anjakan yang dibenarkan.
- b) Pemohon perlu menyelesaikan syarat nyata tanah terlebih dahulu sebelum kelulusan Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur serta Pelan Bangunan diluluskan.

#### **Dato 'Pengerusi**

Dato 'Pengerusi meminta supaya jabatan menarik semula notis arahan berhenti kerja dan mengeluarkan arahan kepada pemohon untuk melaksanakan kerja-kerja perobohan sepetimana syarat kelulusan Kebenaran Merancang. Walau bagaimanapun kerja perobohan hanya melibatkan kawasan tepi bangunan manakala kawasan hadapan perlu dinaikkan dinding ke dalam kawasan anjakan yang dibenarkan.

#### **Wakil Pejabat Tanah Dan Daerah (Daerah Gombak)**

Beliau meminta untuk meminda tajuk permohonan daripada Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat kepada Mukim Hulu Kelang , Daerah Gombak kerana kawasan

pembangunan telah memasuki daerah Gombak selepas persempadan semula di laksanakan.

**Dato ‘ Pengerusi**

Dato ‘ Pengerusi memutuskan permohonan diluluskan tertakhuk kepada syarat , walau bagaimanapun Pelan tidak boleh diperakui dan perlaksanaan di tapak tidak boleh dilaksanakan sehingga syarat nyata tanah diselesaikan serta kerja perobohan dilaksanakan .

- Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan dengan syarat** pelan tidak boleh diperakui dan perlaksanaan di tapak tidak boleh dilaksanakan sehingga pemohon menyelesaikan syarat nyata tanah serta melaksanakan kerja-kerja perobohan sepetimana yang telah dipersetujui di dalam mesyuarat. Pemohon juga perlu mendapatkan sokongan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

**Tindakan : Jabatan Pengairan dan saliran (JPS) ,  
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ,  
Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

**2.2.2.(a)(ii) TETUAN SIANG HIN TAYAR SDN. BHD. (PELAN INFRASTRUKTUR)**

- Pemohon : **Tetuan Siang Hin Tayar Sdn. Bhd.**  
No. Fail PBT : MPAJ KEJ.KB.720-03-190B  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/61/12Jld.2  
Tajuk : Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Pusat Pameran 2 Tingkat Sediada Di Atas Lot 1823 (Pn 7177) No. 41, Jalan Hulu Kelang, Ukay Heights, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
- Perunding : YOF Consult  
ADUN : Y.B. Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)  
Ulasan & Pertanyaan : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**
- Beliau memaklumkan pihak jabatan mengesyorkan permohonan diluluskan dengan syarat selaras dengan kelulusan Pelan Kerja Tanah.
- Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** selaras dengan kelulusan Pelan Kerja Tanah dengan syarat pelan tidak boleh diperakui dan perlaksanaan di

tapak tidak boleh dilaksanakan sehingga pemohon menyelesaikan syarat nyata tanah serta melaksanakan kerja-kerja perobohan seperti mana yang telah dipersejui di dalam mesyuarat. Pemohon juga perlu mendapatkan sokongan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

**Tindakan : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ,  
Jabatan Kerja Raya, (JKR),  
Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

### **2.2.2 (a)(iii) TETUAN SIANG HIN TAYAR SDN. BHD. (PELAN BANGUNAN)**

Pemohon	: <b>Tetuan Siang Hin Tayar Sdn. Bhd.</b>
No. Fail PBT	: MPAJ BS.KB 740-1/5-34/13
No. Fail OSC	: MPAJ/OSC/DEV/61/12
Tajuk	: Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Pusat Pameran 2 Tingkat Sediada Di Atas Lot 1823 (Pn 7177), No.41 Jalan Hulu Kelang, Ukay Heights 1, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
Perunding	: NBA Architect
ADUN	: Y. B. Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
Ulasan dan Pertanyaan	: <b><u>Pengarah, Jabatan Bangunan dan Senibina.</u></b>  En. Yazid menerangkan struktur bangunan telah dibina di tapak, walau bagaimanapun binaan tidak menepati kelulusan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan. Pada bahagian hadapan dan sisi kiri bangunan telah dibina melebihi garis anjakan (setback) bangunan. Terdapat dua kaedah bagi menyelesaikan isu ini iaitu pertama pada bahagian tepi dengan cara meroboh bahagian bangunan yang telah melebihi 'setback' dan kedua pada bahagian hadapan dengan cara struktur asal tiang dikekalkan manakala dinding dianjakkan kepada kedudukan 'setback' yang dibenarkan seperti mana kelulusan Kebenaran Merancang.

**Dato' Pengerusi**

Dato' Pengerusi meminta agar jabatan menarik semula notis berhenti kerja dan mengeluarkan arahan kepada pemohon bagi melaksanakan kerja-kerja perobohan sepetimana syarat kelulusan Kebenaran Merancang.

Dato' Pengerusi memutuskan permohonan diluluskan tertakluk kepada syarat, walau bagaimanapun pelan tidak boleh diperakui dan perlaksanaan ditapak tidak boleh dilaksanakan sehingga syarat nyata tanah diselesaikan terlebih dahulu serta kerja perobohan dilaksanakan.

**Wakil Pejabat Tanah dan Daerah Gombak**

Memohon tajuk permohonan dipinda daripada Mukim Hulu Langat kepada Mukim Gombak berikutnya pemohon telah membuat penukaran syarat nyata tanah daripada kediaman kepada bangunan perniagaan di Pejabat Tanah dan Daerah Gombak.

- Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.11/2013 bertarikh 17 Jun 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki mematuhi ulasan berikut :-
- i. Menyelesaikan perkara berkaitan syarat nyata tanah sebelum Pelan Bangunan diperakui;
  - ii. Menjelaskan bayaran 10 kali ganda daripada bayaran proses pelan iaitu sebanyak RM 9059.00 sebagai denda atas kerja binaan yang telah dimulakan sebelum kelulusan diperolehi;
  - iii. Merobohkan bahagian unjuran sisi kiri bangunan yang telah melebihi garisan anjakan (setback) bangunan;
  - iv. Membuat anjakan kedudukan dinding bahagian hadapan bangunan kepada garisan anjakan (setback) bangunan sepetimana yang diluluskan pada Kebenaran Merancang;

- v. Jabatan Bangunan dan Senibina menarikbalik notis berhenti kerja yang telah dikeluarkan dan pemohon dikehendaki melaksanakan kerja-kerja perobohan sepetimana syarat kelulusan Kebenaran Merancang;
- vi. Mengemukakan surat akujanji tidak akan menggunakan unjuran di luar 'setback' bangunan;
- vii. Meminda tajuk permohonan kepada 'Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan';
- viii. Mematuhi ulasan Jabatan Bangunan dan Senibina sepetimana surat no.rujukan MPAJ.BS.KB.740-1/5-34/2013 bertarikh 21 Mei 2013.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ  
& OSC Pembangunan**

**2.2.2 (b)(i) TETUAN S.P.C.A (PERSATUAN MENOLONG HAIWAN)  
(PELAN KEJURUTERAAN)**

Pemohon	: <b>Tetuan Spca (Persatuan Menolong Haiwan)</b>
No. Fail PBT	: MPAJ KEJ.KB.720-02-285B
No. Fail OSC	: MPAJ/OSC/DEV/71/11 Jld. 2
Tajuk	: Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Bangunan Spca Selangor Yang Mengandungi:- <ul style="list-style-type: none"><li>a) 1 Blok Penyerahan Dan Pentadbiran 1 Tingkat</li><li>b) 1 Stor 1 Tingkat</li><li>c) 1 Rumah Kelab 2 Tingkat</li><li>d) 1 Rumah Haiwan Berpenyakit 1 Tingkat</li><li>e) 1 Kandang Anjing 1 Tingkat</li><li>f) 1 Rumah Sampah 1 Tingkat</li><li>g) 1 Kandang Kucing Berasingan 1 Tingkat</li><li>h) 1 Kandang Kucing Berkelompok 1 Tingkat</li></ul> Di Atas Lot Pt 4325 Jalan Kolam Ayer Lama, Taman Ampang Jaya, Mukim Ampang, Selangor Darul Ehsan.
Perunding	: Tp Ng Perunding
ADUN	: Y.B. Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)

Ulasan &  
Pertanyaan

: **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

Beliau memaklumkan hasil semakan pemohon masih belum mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan. Ulasan-ulasan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut :

- a) Mengemukakan sesalinan pelan pra hitung yang diluluskan oleh Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- b) Pihak pemohon hendaklah menunjukkan lokasi pemasangan papan tanda projek dalam pelan.
- c) Menyediakan interlocking paver di jalan laluan keluar/masuk tapak pembangunan.
- d) Pembinaan 'berm drain' hendaklah menggunakan BRC.
- e) Pihak pemohon perlu menyediakan tempat sistem rawatan air sisa pemeliharaan haiwan sebelum disalirkan ke sistem perpartiran sediada (rujuk ulasan Jabatan melalui surat MPAJ/KEJ/KB.720-04/120/11(3) bertarikh 19.8.2012).

Beliau juga memaklumkan permohonan belum mendapatkan sokongan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Keputusan

: Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** sehingga pemohon mematuhi ulasan jabatan dan mendapat sokongan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

**Tindakan : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS),  
Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

**2.2.2.(b)(ii) TETUAN SPCA (PERSATUAN MENOLONG HAIWAN)  
(PELAN INFRASTRUTUR)**

Pemohon : **Tetuan Spca (Persatuan Menolong Haiwan)**  
No. Fail PBT : MPAJ KEJ.KB.720-03-189B  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/71/11 Jld. 2  
Tajuk : Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Bangunan Spca Selangor Yang Mengandungi:-

- i) 1 Blok Penyerahan Dan Pentadbiran 1 Tingkat
- j) 1 Stor 1 Tingkat
- k) 1 Rumah Kelab 2 Tingkat
- l) 1 Rumah Haiwan Berpenyakit 1 Tingkat
- m) 1 Kandang Anjing 1 Tingkat
- n) 1 Rumah Sampah 1 Tingkat
- o) 1 Kandang Kucing Berasingan 1 Tingkat
- p) 1 Kandang Kucing Berkelompok 1 Tingkat

Di Atas Lot Pt 4325 Jalan Kolam Ayer Lama, Taman Ampang Jaya, Mukim Ampang, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Tp Ng Perunding  
ADUN : Y.B. Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)  
Ulasan & Pertanyaan : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

Beliau memaklumkan hasil semakan pemohon masih belum mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan. Ulasan-ulasan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut :

- a) Mengemukakan sesalinan pelan pra hitung yang diluluskan oleh Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Amapng Jaya.
- b) Mengemukakan pelan keratan rentas menegak dan melintang serta menunjukkan 'platform level' bagi keseluruhan kawasan pembangunan termasuk kawasan lot bersebelahan.
- c) Menyediakan 'temporary heavy duty interlocking concrete paver' di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.
- d) Menyediakan 'temporary I beam wash trough' yang dilengkapi dengan 'water jet' di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.

- e) Pihak pemohon hendaklah menunjukkan lokasi pemasangan papan tanda projek dalam pelan.
- f) Mengemukakan pelan keratan rentas bagi jalan yang hendak dibina. Pelan butiran bagi keratan rentas tersebut hendaklah dikemukakan.
- g) Megemukakan cadangan membina bebendul jalan bagi kedua-dua bahagian jalan di dalam kawasan pembinaan dan hendaklah ditunjukkan di dalam pelan. Bebendul yang digunakan hendaklah dari jenis 'cast in situ'. Pelan butiran bagi bebendul tersebut hendaklah dikemukakan.
- h) Megemukakan pelan 'layout' untuk tanda jalan dan papan tanda jalan serta butirannya. Cadangan tersebut hendaklah mengikut arahan teknik jalan JKR.
- i) Kerja-kerja mengecat garisan jalan dan tempat letak kereta hendaklah menggunakan cat jenis 'thermoplastic'.
- j) Menunjukkan dengan jelas 'discharge outlet' dari kawasan pembangunan yang disalur keluar ke longkang sediada. Detail bagi longkang tersebut hendaklah dikemukakan.
- k) Gradient bagi longkang yang dibina hendaklah 1:200.
- l) Saiz 'culvert' yang digunakan hendaklah tidak kurang dari 900mm diameter.
- m) Tembok longkang yang melebihi 915mm dari 'invert level' hendaklah dibina 100mm x 100mm 'strut' dengan 2R 12 at 3 m c/c.
- n) Mengemukakan dan menunjukkan di dalam pelan bagi cadangan sistem rawatan air sisa pemeliharaan haiwan sebelum disalirkan ke sistem perparitan sediada. Pelan butiran bagi cadangan berkaitan perlu dikemukakan.

Beliau juga memaklumkan permohonan belum mendapatkan sokongan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

- Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** selaras dengan penangguhan Pelan Kerja Tanah sehingga pemohon mematuhi ulasan jabatan dan mendapat sokongan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

**Tindakan : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ,  
Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

**2.2.2 (b)(iii) TETUAN S.P.C.A (PERSATUAN MENOLONG HAIWAN)  
(PELAN BANGUNAN)**

Pemohon	: <b>Tetuan S.P.C.A (Persatuan Menolong Haiwan)</b>
No. Fail PBT	: MPAJ BS.KB 740-1/2-05/2013
No. Fail OSC	: MPAJ/OSC/DEV/71/11
Tajuk	: Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Bangunan S.P.C.A Selangor Yang Mengandungi:- A. 1 Blok Penyerahan & Pentadbiran 1 Tingkat, B. 1 Stor 1 Tingkat, C. 1 Rumah Kelab 2 Tingkat, D. 1 Rumah Haiwan Berpenyakit 1 Tingkat, E. 1 Kandang Anjing 1 Tingkat, F. 1 Rumah Sampah 1 Tingkat, G. 1 Kandang Kucing Berasingan 1 Tingkat, H. 1 Kandang Kucing Berkelompok Di Atas Lot Pt 4352, Jalan Kerja Ayer Lama, Taman Ampang Jaya, 68000 Ampang, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
Perunding	: Hijjas Kasturi Associates Sdn. Bhd.
ADUN	: Y. B. Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
Keputusan	: Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.11/2013 bertarikh 17 Jun 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini <b>ditangguhkan</b> selaras dengan Pelan Kejuruteraan.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ  
& OSC Pembangunan**

**2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

Lima (5) permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

**2.3.1 JABATAN PENGAIKAN DAN SALIRAN MALAYSIA**

Pemohon	: <b>Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia</b>
Tajuk	: Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Loji Rawatan Air Sungai Dan Rumah Kawasan (Control House), Projek River Of Life (ROL) Di Atas Rezab Sungai Kemensah, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
Perunding	: Juruasli Planning & Consultancy
No. Fail PBT	: MPAJ.PB.KP/2-9(2013)
No. Fail OSC	: MPAJ.OSC.DEV.34.13
ADUN	: Y.B. Tn. Haji Saari bin Sungip (DUN Hulu Kelang)
Ulasan	: <u>Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ</u> i) Pn. Zuraina memaklumkan terdapat 3 permohonan Kebenaran Merancang Bagi cadangan membina sebuah loji rawatan air sungai dan rumah kawasan (Control House), Projek River Of Life (ROL) oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. 3 lokasi tersebut adalah seperti berikut: a) Keramat AU5 bersebelahan dengan tapak Ukay Boulevard. b) Bersebelahan nurseri MPAJ Taman Keramat. c) Keramat AU3 bersebelahan dengan flat AU3.
Keputusan	: Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini <b>diluluskan</b> dengan syarat-syarat berikut: i) Mematuhi ulasan kebenaran merancang iaitu: a) Meminda tajuk permohonan berkaitan Sungai Kemensah kepada Sungai Klang. b) Meminda anjakan sisi bangunan yang bersempadan dengan jalan AU5C/7C daripada 17' kepada 20'.

- c) Memastikan tapak cadangan pembangunan adalah dalam kawasan rezab sungai sahaja dan tidak melibatkan lot individu / persendirian.
- ii) Memastikan tapak cadangan pembangunan adalah dalam kawasan rezab sungai sahaja dan tidak melibatkan lot individu/persendirian.
- iii) Mendapatkan ulasan dan sokongan IWK, TNB, SYABAS, dan JPS Gombak.
- iv) Mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

### **2.3.2 JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA**

Pemohon	:	<b>Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia</b>
Tajuk	:	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Loji Rawatan Air Sungai Dan Rumah Kawasan (Control House), Projek River Of Life (ROL) Di Atas Rezab Sungai Gisir, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
Perunding	:	Juruasli Planning & Consultancy
No. Fail PBT	:	MPAJ.PB.KP/2-10(2013)
No. Fail OSC	:	MPAJ.OSC.DEV.35.13
ADUN	:	Y.B. Tn. Haji Saari bin Sungip (DUN Hulu Kelang)
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini <b>diluluskan</b> dengan syarat-syarat berikut:
	i)	Memastikan tapak cadangan pembangunan adalah dalam kawasan rezab sungai sahaja dan tidak melibatkan lot individu/persendirian.
	ii)	Mendapatkan ulasan dan sokongan TNB, SYABAS dan JPS Gombak.
	iii)	Mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

**2.3.3 JABATAN PENGAIERAN DAN SALIRAN MALAYSIA**

Pemohon	: <b>Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia</b>
Tajuk	: Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Loji Rawatan Air Sungai Dan Rumah Kawasan (Control House), Projek River Of Life (ROL) Di Atas Rezab Sungai Klang, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
Perunding	: Juruasli Planning & Consultancy
No. Fail PBT	: MPAJ.PB.KP/2-1(2013)
No. Fail OSC	: MPAJ.OSC.DEV.36.13
ADUN	: Y.B. Tn. Haji Saari bin Sungip (DUN Hulu Kelang)
Keputusan	: Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini <b>diluluskan</b> dengan syarat-syarat berikut: i) Memastikan tapak cadangan pembangunan adalah dalam kawasan rezab sungai sahaja dan tidak melibatkan lot individu/persendirian. ii) Mendapatkan ulasan dan sokongan TNB, SYABAS dan JPS Gombak. iii) Mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan,  
Jab. Perancang Bandar MPAJ**

**2.3.4 JABATAN PENGAIERAN DAN SALIRAN MALAYSIA**

Pemohon	: <b>Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia</b>
Tajuk	: Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Pusat Konservasi Dan Pameran Panda Beserta Kemudahan Berkaitan Di Atas Sebahagian Lot 1520 Zoo Negara Malaysia, Seksyen 2, Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
Perunding	: Centrum Consult
No. Fail PBT	: MPAJ.PB.KP/2-15(2013)
No. Fail OSC	: MPAJ.OSC.DEV.40.13
ADUN	: Y.B. Tn. Haji Saari bin Sungip (DUN Hulu Kelang)
Keputusan	: Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini <b>diluluskan</b>

dengan syarat-syarat berikut:

- i) Ulasan kebenaran merancang telah dikeluarkan berkaitan perkara berikut:
  - a) Menunjukkan dengan jelas anjakan bangunan dalam pelan susunatur bagi bangunan air cooled chiller dengan sempadan tapak iaitu minimum 10'.
  - b) Menunjukkan dengan jelas anjakan bangunan dalam pelan susunatur bagi bangunan MSB dan Gen Set dengan sempadan tapak iaitu minimum 10'.
  - c) Menunjukkan dengan jelas anjakan bangunan dalam pelan susunatur bagi Loji kumbahan tertutup dengan sempadan tapak iaitu minimum 10'.
  - d) Menunjukkan lokasi on site detention dalam pelan susunatur.
  - e) Menunjukkan lokasi kebuk sampah dalam pelan susunatur.
- ii) Mendapatkan ulasan dan sokongan TNB, SYABAS, PTD Gombak dan JPS Gombak.
- iii) Mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

### **2.3.5 TETUAN HOMEGROWN DEVELOPMENT SDN. BHD.**

Pemohon	: <b>Tetuan Homegrown Development Sdn. Bhd.</b>
Tajuk	: Permohonan Pindaan Pelan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Serah Balik Dan Berimilik Semula Tanah Di Bawah Seksyen 204D KTN Daripada Pertanian Kepada Bangunan (Kediaman)Di Atas Lot 1228, Kemensah, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
Perunding	: SS Planning dan Consult
No. Fail PBT	: MPAJ.PB.KP/2-3(2013)
No. Fail OSC	: MPAJ.OSC.DEV.38.11
ADUN	: Y.B. Tn. Haji Saari bin Sungip (DUN Hulu Kelang)
Keputusan	: Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini <b>ditolak</b>

berdasarkan perkara-perkara berikut:

- i) Tidak mematuhi ulasan Kebenaran Merancang iaitu:
  - a) Mengemukakan surat kelulusan pengecualian penyediaan 30% rumah kos sederhana daripada Kerajaan Negeri kerana pindaan kebenaran merancang adalah melibatkan tapak untuk penyediaan 30% rumah kos sederhana.
  - b) Meminda bilangan tingkat bagi rumah teres superlink daripada 3 tingkat kepada 2 tingkat.
  - c) Menyediakan anjakan tepi rumah superlink yang mencukupi iaitu 20'.
  - d) Mengemukakan surat kebenaran daripada CIMB Islamic Bank Berhad kerana terdapat gadaian menjamin wang pokok ( No. Perserahan : 7733/2008).
  - e) Mengemukakan salinan suratan hakmilik tanah yang terkini yang menunjukkan kegunaan tanah adalah bangunan dan syarat nyata tanah adalah bangunan kediaman ksepertimana keputusan MMKN ke 15/2012 pada 26/4/2012.
- ii) Perlu mendapatkan ulasan dan sokongan daripada JPS Gombak dan SYABAS.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar, MPAJ**

**2.4 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN (PELBAGAI)**

Satu (1) Permohonan Pelan Kejuruteraan (Pelbagai) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

**2.4.1 TETUAN TAN & TAN DEVELOPMENT BERHAD**

Pemohon	: <b>Tetuan Tan &amp; Tan Development Berhad</b>
No. Fail PBT	: MPAJ.KEJ.C.720-8/27/13
No. Fail OSC	: Tidak Berkaitan
Tajuk	: Cadangan Kerja-Kerja Baik Pulih 'Gabion Wall' Di Atas Sebahagian Lot 378, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
Perunding	: Tengku Sidek Associates
ADUN	: Y.B. Tuan Hj. Mohammad Azmin Ali (Dun Bukit Antarabangsa).
Ulasan & Pertanyaan	: <b><u>Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ</u></b>

Beliau memaklumkan pihak jabatan telah melaksanakan pemantauan cerun di Lot 378, Dataran Ukay pada 1 Mac 2012 dan mendapati terdapat 'gabion wall' dan longkang di berhampiran MRR2 telah mengalami kerosakan serta boleh menimbulkan kebimbangan pengguna jalan dan penyewa kedai berhampiran.

Beliau juga memaklumkan pihak jabatan telah mengeluarkan notis kepada pemilik lot tersebut untuk tindakan lanjut.

Pihak pemilik lot telah melantik Kim Koo Enterprise sebagai penyewa kepada lot tanah tersebut untuk mengemukakan cadangan serta melaksanakan pembaikan terhadap 'gabion wall' tersebut melalui Tengku Sidek Associates sebagai Jurutera Perunding.

Pihak jabatan telah bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan , walau bagaimanapun pihak pemohon perlu mendapatkan persetujuan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Gombak kerana lokasi pembaikan terletak bersebelahan Jalan Lingkaran Tengah MRRII.

**Dato' Pengerusi**

Dato' Pengerusi bertanyakan mengenai kaedah pembaikan yang akan dilaksanakan.

**Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

Beliau memaklumkan kaedah pembaikan akan menggunakan kaedah sediada iaitu struktur 'gabion', walau bagaimanapun pemohon perlu membina sistem perparitan untuk pengaliran air di kawasan bawah tembok.

- Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon perlu mendapatkan persetujuan Jabatan Kerja Raya Daerah Gombak.

**Tindakan : Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ**



**2.5 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN**

Dua (2) Permohonan Pelan Bangunan telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

**2.5.1 RAJAN BIN ABDUL MAJID, RANI A/P PARANGODAN & PREMKUMAR A/L RAJAN**

Pemohon : **Rajan Bin Abdul Majid, Rani A/P Parangodan & Premkumar A/L Rajan.**  
No. Fail PBT : MPAJ BS. KB 740-1/1-23/2013  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/100/12  
Tajuk : Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Rumah Banglo 2 Tingkat Di Atas Lot Pt 32880, No. 215 Lorong Ikan Emas 2, Kampung Ampang Campuran, Mukim Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.  
Perunding : Hj. Jamali Bin Hj. Basir  
ADUN : Y. B. Khasim Bin Abdul Aziz  
( DUN Lembah Jaya )  
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.11/2013 bertarikh 17 Jun 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan**.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ & OSC Pembangunan**

**2.5.2 TETUAN MUTIARA AMPANG DEVELOPMENT SDN. BHD.**

Pemohon : **Tetuan Mutiara Ampang Development Sdn. Bhd.**  
No. Fail PBT : MPAJ BS. KB 740-1/1-26/2013  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/97/12  
Tajuk : Cadangan Membina Sebuah Banglo 3 Tingkat Di Atas Lot Pt 7802, Jalan 6, Bandar Ampang, Dareah Ulu Langat, Selangor Darul Ehsan.  
Perunding : Richard W.Z.Lee Architect.  
ADUN : Y. B. Khasim Bin Abdul Aziz  
( DUN Lembah Jaya )  
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.11/2013 bertarikh 17 Jun 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan**.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ & OSC Pembangunan**

**2.6 HAL-HAL LAIN****2.6.1 Makluman Kelulusan Tambahan Dan Pindaan (Ubahsuai), Permit Pelbagai dan Ubahsuai Dalaman.**

- a. Sebanyak 30 permohonan Tambahan Dan Pindaan (Ubahsuai) telah diproses dan diluluskan.
- b. Sebanyak 17 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan.

**2.6.2 Makluman Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah Dan Infrastruktur**

Sebanyak 3 Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah Dan Infrastruktur telah diproses dan diluluskan.

**2.6.3 Makluman Permohonan Pelan Lampu Jalan**

Sebanyak 3 Permohonan Pelan Lampu Jalan telah diproses , dua (2) diluluskan dan satu (1) di batalkan.

**2.6.4 Makluman Permohonan Pelan Lanskap**

Sebanyak 1 Permohonan Pelan Lanskap telah diproses dan diluluskan.

**6.0 PENUTUP**

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11:45 pagi.

Disediakan Oleh:  
Bahagian Urusetia  
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

**5.7.**  
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**  
**PUSAT SETEMPAT (OCS)**  
**BIL.12/2013**

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)  
BIL. 12/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 25 HB JUN 2013 (SELASA)**

**MASA : 9.30 PAGI**

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,  
ARAS 16, MPAJ**

**KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT**

<b>BIL</b>	<b>HADIR</b>	<b>JABATAN / AGENSI</b>
1.	Y. Bhg. Dato' Mohammad B. Yacob	Yang DiPertua MPAJ (Pengerusi)
2.	Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain	Timbalan Yang DiPertua MPAJ
3.	Tn. Razali B. Ramly	Ahli Majlis MPAJ
4.	Tn. Abdul Aziz B. Ahmad	Ahli Majlis MPAJ
5.	Tn. Abdul Jalil B. Hassan	Ahli Majlis MPAJ
6.	Pn. Sian Keng Eng	Ahli Majlis MPAJ
7.	En. Raja Azhar B. Raja Alias	Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
8.	Pn. Faridah Hanim Bt. Salaton	JPBD Selangor
9.	En. Qalam A'zad Rosle	Jab. Mineral & Geosains Selangor
10.	En. Mohd Azri B. Md Baharudin	Jab. Kerja Raya Hulu Langat
11.	En. Nik Mohd Dzarrin B. Ghifari	Jab. Bomba & Penyelamat Selangor
12.	DSP Hj. Abd. Rahman B. Hj. Hasnan	PDRM (Daerah Ampang)
13.	Cik Nur Hanis Akmal Bt. Ahmad Fauzi	Jab. Pengairan & Saliran Gombak
14.	En. Azhar B. Ramli	Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat
15.	Pn. Nor Liza Bt. Yen	Jab. Alam Sekitar Selangor
16.	Pn. Noor Izzati Bt. Abas	Indah Water Konsortium (IWK)
17.	En. Mohd Fazizi B. Mohd Zaid	SYABAS
18.	En. Mohd Fauzi B. Embong	POS Malaysia Berhad
19.	Pn. Zuraina Bt. Said	Jab. Perancang Bandar MPAJ
20.	En. Zahari B. Mohd Nor	Jab. Kejuruteraan MPAJ
21.	En. Yazid B. Sarkom	Jab. Bangunan & Senibina MPAJ
22.	En. Johari B. Atli	Jab. Undang-Undang MPAJ
23.	Pn. Rohana Bt. Mohd Nor	Ketua Bahagian OSC
24.	En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim	Urusetia OSC Pembangunan
25.	Pn. Rozita Bt. Razali	Urusetia OSC Pembangunan
26.	Pn. Rahah Bt. Jalaludin	Urusetia OSC Pembangunan
27.	Pn. Hajjah Norhayati Bt. Ahmad	Peg. Perhubungan Awam
28.	Pn. Marlina Bt. Mokhtar	Jab. Belia Masyarakat
29.	En. Arbaie B. Kadinan	Jab. Penguatkuasa

**TURUT HADIR**

- |                                       |                        |
|---------------------------------------|------------------------|
| 1. En. Mohd Azli B. Othman            | Jab. Perancang Bandar  |
| 2. En. Ahmad Zamri B. Ngadisari       | Jab. Perancang Bandar  |
| 3. Pn. Ruziana Bt. Leemon             | Jab. Perancang Bandar  |
| 4. Pn. Norizan Bt. Ibrahim            | Jab. Perancang Bandar  |
| 5. Pn. Juhaida Bt. Kassim             | Jab. Perancang Bandar  |
| 6. En. Bahari B. Sulieman             | Jab. Perancang Bandar  |
| 7. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf | Jab. Bangunan Senibina |
| 8. Cik Munirah Bt. Abd. Karim         | Jab. Bangunan Senibina |
| 9. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak      | Jab. Kejuruteraan      |
| 10. En. M. Khairul Nizam B. M. Kamil  | Jab. Kejuruteraan      |

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

- |                                      |
|--------------------------------------|
| 1. Pej. Tanah & Daerah Gombak        |
| 2. Kumpulan IKRAM Sdn Bhd            |
| 3. Jab. Kerja Raya Gombak            |
| 4. Jab. Pengairan & Saliran Selangor |
| 5. TNB Distribution Sdn. Bhd.        |
| 6. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)  |
| 7. SKMM Wilayah Tengah               |

**TIDAK HADIR**  
**TIDAK HADIR**  
**TIDAK HADIR**  
**TIDAK HADIR**  
**TIDAK HADIR**  
**TIDAK HADIR**  
**TIDAK HADIR**

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.06/2013**

---

**LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)**

**1. TUJUAN**

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

**2. LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 12/2013 telah diadakan pada 25 Jun 2013 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.4 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

2.4.1 Tiga (3) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula. Satu (1) telah ditolak, satu (1) telah ditangguhkan dan satu (1) telah diluluskan dengan syarat.

2.4.2 Satu (1) Permohonan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan.

**(LAMPIRAN 1)**

**2.5 PERMOHONAN SERENTAK**

2.5.1 Satu (1) Permohonan Serentak Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan telah ditolak.

**(LAMPIRAN 2)****2.3 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG**

Satu (1) cadangan Kebenaran Merancang telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat

**(LAMPIRAN 3)****2.4 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (SESEBAUH)**

Satu (1) cadangan Kebenaran Merancang telah dikemukakan dan telah ditolak

**(LAMPIRAN 4)****2.5 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (BILLBOARD)**

Empat (4) cadangan Kebenaran Merancang (Billboard) telah dikemukakan. Satu (1) telah ditangguhkan dan tiga (3) telah diluluskan dengan syarat.

**(LAMPIRAN 5)****2.6 PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH**

Satu (1) permohonan Pelan Kerja Tanah telah dikemukakan. dan diluluskan dengan syarat.

**(LAMPIRAN 6)**

**2.7 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN (PELBAGAI)**

Satu (1) permohonan Pelan Kejuruteraan (Pelbagai) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

**(LAMPIRAN 7)**

**2.8 PROSEDUR PERMOHONAN CADANGAN NAMA TAMAN PEMBANGUNAN DAN ALAMAT PEMBANGUNAN DI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

Satu (1) kertas kerja Prosedur Permohonan Cadangan Nama Taman Pembangunan Dan Alamat Pembangunan Di Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah dibentangkan dan telah dibincangkan.

**(LAMPIRAN 8)**

**2.9 HAL-HAL LAIN**

2.9.1 Sebanyak 25 permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 26 permohonan Permit Pelbagai dan Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 12/2013. **(LAMPIRAN 6)**

**LAMPIRAN 1****2.2 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

**2.1.1 Tiga (1) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.**

**2.1.1(i) TETUAN SENI KENANGA DEVELOPMENT SDN. BHD.**

Pemohon : **Tetuan Seni Kenanga Development Sdn. Bhd.**  
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Serentak Dengan Penyatuan Lot 2, 3, & 4 Dan Mengenakan Syarat Nyata Tanah Daripada Tiada Kepada Bangunan Perniagaan Bagi Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Kedai Pejabat 5 Tingkat Termasuk 1 Tingkat Tempat Letak Kereta (Tingkat Bawah) Di Atas Lot 2, 3, & Lot 4, Jalan Ampang, Bandar Ampang, Seksyen 7, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan  
Perunding : AR RancangBina  
No. Fail PBT : MPAJ/PB.KP/2-5/2013  
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.17.13  
ADUN : Y.B. Mohamed Azmin B. Ali(DUN Bukit Antarabangsa)  
Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditolak** kerana tapak terbabit telah diwartakan di bawah Seksyen 3(1)(A) dan Seksyen 4 Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 untuk tujuan Lebuhraya SUKE sepetimana ulasan daripada Pejabat tanah Daerah Hulu Langat melalui surat bertarikh 11 April 2013

**Tindakan : OSC Pembangunan,  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

**2.1.1(ii) BRIG. JEN. (B) DATO' HJ. MOHD ZAKI BIN HJ. WAN MAHMOOD**

Pemohon : **Brig. Jen. (B) Dato' Hj. Mohd Zaki Bin Hj. Wan Mahmood**  
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Membina Sebuah Banglo 2 Tingkat Di Atas Lot Pt 34185, Kg. Tasik Permai, Seksyen 15, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan

- Perunding : Neo Urban Consult  
No. Fail PBT : MPAJ .PB.KP/3-8 (2013)  
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.09.13  
ADUN : Y.B. Tn. Hj. Khasim Bin Abd Aziz  
(DUN Lembah Jaya)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ  
i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini pernah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 05/2013 pada 08/03/2013 dan ditangguhkan kerana perlu mematuhi keperluan teknikal berkaitan dan perlu menyediakan jalan akses daripada Lorong Indah 7 ke tapak permohonan.  
ii) Walau bagaimanapun, permohonan ini disyorkan untuk diluluskan dengan syarat kerana pemohon telah mematuhi keperluan dan syarat teknikal berkaitan.
- Ulasan Dato' Pengerusi  
i) Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa sekitar kawasan tapak cadangan tersebut adalah merupakan kawasan tanah tinggi yang telah diklasifikasikan sebagai kawasan bercerun kelas III dan IV walaupun keadaan tapak cadangan adalah rata.  
ii) Dato' Pengerusi minta jabatan-jabatan teknikal berkaitan mengadakan perbincangan bagi membuat dan menyediakan Laporan Rancangan Kawasan khas bagi mengenalpasti dan membuat klasifikasi terhadap kawasan-kawasan yang dibenarkan untuk pembangunan di kawasan tanah tinggi yang mempunyai kelas kecerunan III dan IV.  
iii) Pihak jabatan juga perlu melihat keperluan penyediaan infra untuk keseluruhan kawasan di sekeliling tapak cadangan.
- Berdasarkan perkara yang dibincangkan,  
Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** sehingga perbincangan antara jabatan-jabatan teknikal berkaitan di adakan bagi membuat dan menyediakan Laporan Rancangan Kawasan khas bagi mengenalpasti dan membuat klasifikasi terhadap kawasan-kawasan yang dibenarkan untuk pembangunan di kawasan tanah tinggi yang mempunyai kelas kecerunan III dan IV.

Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ  
Jab. Kejuruteraan,MPAJ  
Jab. Bangunan & Senibina

**2.1.1 (iii) TETUAN ALLOY ADVERTISING SDN BHD.**

Pemohon	:	<b>Tetuan Alloy Advertising Sdn. Bhd.</b>
Tajuk	:	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Perubahan Material Tanah Daripada Pertanian Kepada Perniagaan Untuk Pendirian Papan Iklan Yang Berukuran 48'x24' (1 Mukaan Paparan), Di Dalam Simpanan Lebuhraya Lingkaran Tengah 2, KM 23.3, Dari Arah Ampang/Cheras Menuju Ke Gombak/Batu Caves, Berhadapan Dengan Simpang Jalan Wangsa 1, Selangor Darul Ehsan
Perunding	:	Carisplan Consultant
No. Fail PBT	:	MPAJ.KP/7-1/2013
No. Fail OSC	:	MPAJ.OSC. BB.01.13
ADUN	:	Y.B. Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini <b>diluluskan</b> dengan syarat Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPAJ perlu memohon semula TOL bagi tapak tersebut.

Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

**2.1.2 Satu (1) Permohonan Pelan Bangunan (Telekomunikasi) yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.****2.1.2(i) TETUAN U MOBILE SDN. BHD.**

Pemohon	:	<b>Tetuan U Mobile Sdn. Bhd.</b>
No. Fail PBT	:	MPAJ BS.SBBT.740-1/1-06/2013
No. Fail OSC	:	MPAJ.OSC.TC.06.13
Tajuk	:	Cadangan Pembinaan Tiga (3) Unit Tiang Pemancar (Floor Mount Bipod Boom) Setinggi 3m Dan Peralatan Telekomunikasi Di Atas Bumbung Pangsapuri, Lot Pt 9266, Apartment Permai Ria, Jalan M, Bukit Ampang Permai, 68000 Ampang, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Sepakat Runding SD  
ADUN : Y. B. Khasim Bin Abdul Aziz  
Keputusan : (DUN Lembah Jaya)  
Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.12/2013 bertarikh 25 Jun 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan (Struktur Telekomunikasi) ini **diluluskan**.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ & OSC Pembangunan**



**LAMPIRAN 2****2.2 PERMOHONAN SERENTAK**

**2.2.1 Satu (1) Permohonan Serentak Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.**

**2.2.1 (i) ENCIK SHA KAH YONG (KEBENARAN MERANCANG)**

Pemohon	: <b>Encik Sha Kah Yong</b>
Tajuk	: Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Satu Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Di Atas Pt 590, Jalan 6, Taman Ampang Utama, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Perunding	: CK Development Consultant
No. Fail PBT	: MPAJ.PB.KP/3-24 (2013)
No. Fail OSC	: MPAJ.OSC.DEV.41.13
ADUN	: Y.B. Tn. Haji Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
Keputusan	: Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini <b>ditolak</b> berdasarkan perkara-perkara berikut: c) Pemohon perlu mendapatkan keluasan hakmilik muktamad di Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat dan menyelesaikan pertukaran nama terlebih dahulu. d) Terdapat perbezaan keluasan di dalam pelan akui (PA) dan dokumen hakmilik melebihi 5% iaitu 5.9%

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

**2.2.1(ii) ENCIK SHA KAH YONG (PELAN BANGUNAN)**

Pemohon	: <b>Encik Sha Kah Yong</b>
No. Fail PBT	: MPAJ BS.KB 740-1/1-25/13
No. Fail OSC	: MPAJ.OSC.DEV.41.13
Tajuk	: Cadangan Membina Satu Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Di Atas Pt 590, Jalan 6, Taman Ampang Utama, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

- Perunding : Lep Architect  
ADUN : Y. B. Mohamed Azmin Bin Ali  
Keputusan : ( DUN Bukit Antarabangsa )  
Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.12/2013 bertarikh 25 Jun 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **ditolak** selaras dengan Kebenaran Merancang, MPAJ.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ  
& OSC Pembangunan**



**2.6 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

**2.3.1 TETUAN DESTAR NURANI SDN.BHD.**

- |              |   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|--------------|---|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pemohon      | : | <b>Tetuan Destar Nurani Sdn. Bhd.</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| Tajuk        | : | Permohonan Pindaan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21 Akta 172 Bagi Mendirikan Sebuah Pusat Sukan Dan Ruang Pameran Sementara Di Atas Lot 620, 47637 Dan 47639, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| No. Fail PBT | : | MPAJ PB.KP/2-14(2013)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| No. Fail OSC | : | MPAJ/OSC/DEV/64/09                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| Perunding    | : | Yuniq Nurani (M) Sdn. Bhd.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| ADUN         | : | Y.B. Khasim Bin Abd. Aziz<br>(DUN Lembah Jaya)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| Ulasan       | : | <u>Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ</u><br>i) Pn. Zuraina memaklumkan bahawa permohonan yang dikemukakan merupakan permohonan pindaan daripada kebenaran merancang yang telah diluluskan. Pindaan yang dibuat adalah seperti berikut:<br>a) Laluan jalan keluar dianjak ke selatan sempadan tapak dan 2 ruang pameran dicantumkan menjadi 1 plot.<br>b) Perubahan pelan bangunan dalaman bagi pusat sukan sediada dengan mengekalkan luas lantai bangunan yang sama.<br>c) Menambahkan jumlah TLK OKU dan membahagikan perletakan TLK OKU di dua kawasan tempat letak kenderaan yang lebih strategik |
| Keputusan    | : | Permohonan ini <b>diluluskan</b> dengan syarat-syarat berikut:<br>i) Mematuhi ulasan Jabatan Perancang Bandar seperti berikut:<br>a) Meminda kiraan nisbah plot di dalam pelan seperti kiraan berikut:                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |

$$13374.22\text{mp}/19041.64\text{mp} = 0.7$$

Nisbah plot = 1:0.7

- b) Perlu pindaan kiraan plinth area di dalam pelan seperti kiraan berikut:  
 $8408.26/19041.64\text{mp} \times 100 = 44.2\%$
- c) Meminda kiraan bagi TLK Ruang pameran seperti berikut:  
 $2255.65\text{mp} / 46.4\text{mp} = 49 \text{ petak}$
- d) Menambah bilangan TLM di dalam pelan dan meminda kiraan bagi TLM ruang pameran seperti berikut:  
 $2255.65\text{mp}/84\text{mp}=27 \text{ petak}$
- e) Meminda kiraan bagi TLK OKU Ruang pameran seperti berikut:  
 $2\% \times 49 \text{ petak} = 1 \text{ petak}$
- f) Menyediakan perimeter planting sebanyak 10 kaki disekeliling pembangunan.
- g) Mengemukakan senarai Ahli Lembaga Pengarah untuk semakan jabatan.
- ii) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada PTD Hulu Langat, JPS dan Jabatan kejuruteraan, MPAJ.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

**2.7 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Rumah Sesebuah) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

**2.4.1 EN. MOHD SAHIR BIN RAHMAT**

Pemohon	: <b>En. Mohd Sahir Bin Rahmat</b>
Tajuk	: Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Rumah Sesebuah 2 Tingkat Di Atas Lot Pt 2914, Seksyen 14, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
Perunding	: SK Planning Consultant
No. Fail PBT	: MPAJ.PB.KP/3-25 (2013)
No. Fail OSC	: MPAJ.OSC.DEV.42.13
ADUN	: Y.B. Tn. Haji Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
Keputusan	: Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini <b>ditolak</b> kerana terdapat perbezaan keluasan di dalam pelan akui (PA) dan dokumen hakmilik yang melebihi 5%.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar, MPAJ**

**2.8 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

Empat (4) permohonan Kebenaran Merancang (Papan Iklan) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

**2.5.1 TETUAN ALLOY ADVERTISING SDN BHD.**

Pemohon	: <b>Tetuau Alloy Advertising Sdn. Bhd.</b>
Tajuk	: Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Mendirikan Satu Unit Papan Iklan Jenis (OHB) Berukuran 10' X 40' X 3 Muka, Di Parapet Jeambat Persimpangan Taman Kencana Berhampiran Kawasan Perumahan, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. (Lokasi 1)
Perunding	: Carisplan Consultant
No. Fail PBT	: MPAJ.KP/7-3/2013
No. Fail OSC	: MPAJ.OSC. BB.04.13
ADUN	: Y.B. Iskandar B. Abdul Samad (DUN Cempaka)
Ulasan	: <u>Ulasan Dato' Pengerusi</u> i) Dato' Pengerusi mengesyorkan permohonan ini perlu ditangguhkan terlebih dahulu kerana pemohon dikehendaki membuat permohonan permit struktur untuk dibentangkan bersekali dengan permohonan kebenaran merancang ke dalam Jawatankuasa OSC akan datang.
Keputusan	: Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini <b>ditangguhkan</b> sehingga permohonan permit struktur dikemukakan untuk dibentangkan bersekali dengan permohonan kebenaran merancang ke dalam Jawatankuasa OSC akan datang.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar, MPAJ**

**2.5.2 TETUAN ALLOY ADVERTISING SDN BHD.**

- Pemohon : **Tetuan Alloy Advertising Sdn. Bhd.**  
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Mendirikan Satu Unit Papan Iklan Jenis (OHB) Berukuran 10' X 100' Di Parapet Jejantas Pejalan Kaki Dari Persimpangan Taman Kencana / Cheras / Sg.Besi Menuju Ampang/Gombak/Kepong Di Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRRII), Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. (Lokasi 2)
- Perunding : Carisplan Consultant  
No. Fail PBT : MPAJ .KP/7-4/2013  
No. Fail OSC : MPAJ.OSC. BB.03.13  
ADUN : Y.B. Tiew Way Keng(DUN Teratai)  
Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Meminda saiz papan iklan bagi mematuhi saiz maksimum yang dibenarkan iaitu 6 kaki x lebar mengikut saiz jejantas.
  - ii) Meminda tajuk permohonan dengan menukar .... **DI PARAPET JEJANTAS**.... kepada ....**DI ATAS BUMBUNG JEJANTAS**.....
  - iii) Hanya satu papan iklan sahaja yang dibenarkan dipasang pada satu-satu jejantas.
  - e) Tidak boleh dipasang sekiranya terdapat papan tanda lalulintas pada jejantas.
  - f) Tidak menutup pandangan pejalan kaki.
  - g) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada Jabatan Bangunan MPAJ, Jabatan Kejuruteraan MPAJ, PTD Hulu Langat, JKR Selangor, Lembaga Lebuhraya Malaysia

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

**2.5.3 TETUAN ALLOY ADVERTISING SDN BHD.**

- Pemohon : **Tetuan Alloy Advertising Sdn. Bhd.**  
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Mendirikan Satu Unit Papan Iklan Jenis (OHB) Berukuran 8' X 120' Di Parapet Jejambat Dari Gombak/Ampang Menuju Persimpangan Taman Kencana/Cheras/Sg. Besi Lebuhraya Lingkaran

Perunding  
No. Fail PBT  
No. Fail OSC  
ADUN  
Keputusan

Tengah II(MRRII), Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.(Lokasi 3)

: Carisplan Consultant  
: MPAJ .KP/7-2/2013  
: MPAJ.OSC. BB.02.13  
: Y.B. Tiew Way Keng(DUN Teratai)  
: Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:

- i) Billboard tidak boleh dipasang sekiranya terdapat papan tanda lalulintas pada jejantas.
- ii) Tidak dibenarkan dalam jarak 300m (984') sebelum dan 100m (328') selepas satu-satu papan tanda lalu lintas.
- iii) Tidak menghalang laluan kenderaan besar seperti lori dan bas.
- iv) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada Jabatan Bangunan MPAJ, Jabatan Kejuruteraan MPAJ, PTD Hulu Langat, JKR Selangor, Lembaga Lebuhraya Malaysia

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

#### **2.5.4 TETUAN ALLOY ADVERTISING SDN BHD.**

Pemohon  
Tajuk  
  
Perunding  
No. Fail PBT  
No. Fail OSC  
ADUN  
Keputusan

: **Tetuan Alloy Advertising Sdn. Bhd.**  
: Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Mendirikan Satu Unit Papan Iklan Jenis (OHB) Berukuran 10' X 40' X 3 Di Parapet Jejambat Di Jalam Cempaka Di Persilangan Taman Dagang Dari Gombak Menuju Cheras/Sg. Besi (MRRII), Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.(Lokasi 4)

: Carisplan Consultant  
: MPAJ .KP/7-5/2013  
: MPAJ.OSC. BB.05.13  
: Y.B. Iskandar B. Abdul Samad(DUN Cempaka)  
: Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:

- i) Oleh kerana permohonan melibatkan 3 unit papan iklan, pemohon dikehendaki menjelaskan baki bayaran proses kebenaran merancang sejumlah RM2000 kerana kiraan fi adalah

- RM1000/unit.
- ii) Billboard tidak boleh dipasang sekiranya terdapat papan tanda lalulintas dipasang pada jejambat.
  - iii) Tidak dibenarkan dalam jarak 300m(984') sebelum dan 100m(328') selepas satu-satu papan tanda lalu lintas.
  - iv) Tidak menghalang laluan kenderaan besar seperti lori dan bas
  - v) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada Jabatan Bangunan MPAJ, PTD Hulu Langat, JKR Selangor, Lembaga Lebuhraya Malaysia

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**



## 2.6 PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH

Satu (1) Permohonan Pelan Kerja Tanah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

### 2.6.1 MOHAMED BIN MD NOH (PELAN KERJA TANAH)

Pemohon	: <b>Mohamed Bin Md Noh</b>
No. Fail PBT	: MPAJ.KEJ.KB.720-02-287B
No. Fail OSC	: MPAJ/OSC/DEV/67/12
Tajuk	: Cadangan Membina 1 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Berserta Kolam Renang Di Atas Gm 396 Lot 18127 Dan Gm 395 Lot 18128, Jalan 5/1a, Taman Zooview, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
Perunding	: Perunding Arzec
ADUN	: YB. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (DUN Hulu Kelang )
Ulasan & Pertanyaan	<p><b>Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ</b></p> <p>Beliau memaklumkan permohonan telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan , walau bagaimanapun permohonan di syor untuk diluluskan dengan syarat pemohon menukar tajuk permohonan daripada Taman Zooview kepada Taman Kemensah Height.</p> <p>Beliau juga memaklumkan pemohonan belum mendapat sokongan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) .</p>
Keputusan	<p><b>Wakil Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)</b></p> <p>Beliau memaklumkan Jabatan Pengairan Dan Saliran telah menyokong permohonan. (seperti borang ulasan teknikal dalam mesyuarat OSC –B5)</p> <p>: Mesyuarat memutuskan permohonan ini <b>diluluskan dengan syarat</b> pemohon menukar tajuk permohonan daripada Taman Zooview kepada Taman Kemensah Height serta kelulusan tertakhlik kepada syarat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).</p>

**Tindakan : Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

**2.7 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN (PELBAGAI)**

Satu (1) Permohonan Pelan Kejuruteraan (Pelbagai) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

**2.7.1 TETUAN VERTILOT DEVELOPMENT SDN.BHD**

Pemohon	: <b>Tetuau Vertilot Development Sdn.Bhd</b>
No. Fail PBT	: MPAJ.KEJ.KB.720-01-10/13
No. Fail OSC	: Tidak Berkaitan
Tajuk	: Cadangan Pembangunan 3 Blok Pangsapuri Perkhidmatan Terdiri Daripada: 2 Blok Pangsapuri Perkhidmatan 'Tower 1 Dan Tower 2' 23 Tingkat Berjumlah 281 Unit. 1 Blok Soho 'Tower 3' 31 Tingkat Berjumlah 158 Unit Termasuk 8 Tingkat Podium Tempat Letak Kereta Dengan 12 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat, 7 Unit Kedai Mampu Milik, Surau, Gymnasium Dan Spa,Tadika, Kolam Renang, Multi Purpose Hall, Unit-Unit Commercial Dan 2 Unit Tnb Substation Di Atas Lot Pt 4587 (Hsd 78337), Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Perunding ADUN	: Perunding Rekacekap Sdn. Bhd.
Ulasan & Pertanyaan	: Y.B. Tn. Hj. Abd. Khasim B. Abd. Aziz (Dun Lembah Jaya) <b><u>Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ</u></b>

Beliau memaklumkan permohonan ini adalah bertujuan untuk kerja-kerja pembinaan jambatan sebagai laluan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Permohonan ini pernah di tangguhkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil 6/2013 kerana pemohon perlu mendapatkan ulasan dari segi rekabentuk struktur jambatan dari Pihak Jabatan Kerja Raya Cawangan Kejuruteraan Awam,Struktur Dan Jambatan. (JKR).

Beliau juga memaklumkan cadangan pembinaan jambatan ini merupakan laluan kekal yang bakal digunakan setelah pembangunan siap sepenuhnya dan ia merupakan rezab jalan yang akan dibina oleh pihak pemaju diatas jalan majlis.

Hasil daripada semakan jabatan pemohon ini telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan serta telah mendapat sokongan daripada Jabatan Pengairan Dan saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur Dan Jambatan.

**Ahli Majlis (Tn. Abdul Aziz B. Ahmad)**

Beliau bertanyakan adakah jambatan yang dibina akan bersekali dengan laluan pejalan kaki.

**Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

Beliau memaklumkan seperti pelan rekabentuk yang dikemukakan pembinaan jambatan akan bersekali dengan laluan pejalan kaki di sebelah kiri dan kanan jambatan.

**Ahli Majlis (Tn. Abdul Aziz B. Ahmad)**

Beliau bertanya siapa yang dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara jambatan tersebut.

**Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

Beliau memaklumkan hasil semakan pembinaan jambatan tersebut akan diserahkan kepada pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya, MPAJ kerana ia terletak di dalam rezab jalan. Oleh itu penyelenggaraan akan dilaksanakan oleh pihak majlis.

**Dato' Pengerusi**

Dato' Pengerusi bertanyakan berkenaan jarak antara tembok tebing sungai dengan 'piling' struktur jambatan.

**Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

Beliau memaklumkan seperti pelan yang dikemukakan jarak keseluruhan jambatan 31.5 meter dan jarak antara tebing sungai dan 'piling' di sebelah kiri 3 meter dan kanan 7 meter.

**Ahli Majlis (Tn. Abdul Aziz B. Ahmad)**

Beliau bertanya adakah rumah sampah yang berada di kawasan berdekatan berada di dalam kawasan pembinaan.

**Dato' Pengerusi**

Beliau memaklumkan rumah sampah perlu dialihkan ke kawasan yang sesuai dan perlu perbincangan semula bersama Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan.

**Ahli Majlis (Tn Razali Bin Ramli)**

Beliau bertanyakan adakah hanya terdapat satu laluan keluar masuk dari tapak pembinaan tersebut.

**Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

Beliau memaklumkan laluan keluar masuk ke kawasan pembinaan tersebut hanya satu laluan yang melalui kawasan 'water front'.

**Dato' Pengerusi**

Dato' Pengerusi meminta supaya diletakkan lampu di bawah jambatan supaya tidak berlaku perkara yang tidak diingini.

**Ahli Majlis (Tn Razali Bin Ramli)**

Beliau bertanyakan adakah berkemungkinan laluan masuk ke kawasan pembangunan akan dibina rumah pengawal.

**Dato' Pengerusi**

Dato' Pengerusi meminta supaya tidak dibenarkan pembinaan rumah pengawal di laluan masuk kerana kawasan berkenaan bukan 'guarded' komuniti.

Keputusan

: Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan dengan syarat** seperti berikut:-

- a) Kelulusan ini hanya untuk pembinaan laluan keluar masuk dan struktur jambatan sahaja.
- b) Pemohon dilarang melaksanakan sebarang aktiviti pembinaan di tapak kecuali aktiviti untuk pembinaan laluan masuk dan jambatan.
- c) Pemohon perlu memastikan pembinaan jambatan meliputi pejalan kaki dan laluan sikal.
- d) Pemohon perlu memasang lampu di bawah jambatan atas faktor keselamatan.
- e) Pembinaan 'post guard' tidak dibenarkan.

**Tindakan : Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ**



**2.8.1 PROSEDUR PERMOHONAN CADANGAN NAMA TAMAN / PEMBANGUNAN DAN ALAMAT PEMBANGUNAN DI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA.**

Satu kertas kerja telah dibuat bertujuan untuk memaklumkan prosedur permohonan cadangan nama taman / pembangunan dan alamat pembangunan di Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Pn. Zuraina memaklumkan Garis Panduan Cadangan Untuk Nama Taman / Pembangunan di kawasan MPAJ telah diluluskan pada 20/2/2009 dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 4/2009 bagi memudahkan pihak Majlis membuat keputusan untuk permohonan cadangan nama taman/pembangunan dan alamat pembangunan di MPAJ.

Amalan Jabatan Perancang MPAJ dalam memproses permohonan permohonan nama taman/pembangunan dan alamat di MPAJ yang telah lengkap dan telah memperolehi ulasan daripada pihak POS Malaysia adalah dengan menyediakan kertas kerja untuk dibentangkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk kelulusan.

Amalan tersebut telah dikaji semula oleh pihak jabatan dan mendapati ia tidak lagi sesuai kerana ia mengambil masa yang lama untuk dibentangkan kerana ia boleh dibincangkan dan diputuskan di peringkat jabatan bersama pihak pengurusan (Yang DiPertua) berdasarkan Garis Panduan Cadangan Untuk Nama Taman / Pembangunan.

Pihak jabatan telah menyediakan kertas keputusan permohonan cadangan nama taman/pembangunan dan alamat pembangunan untuk dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC dalam bentuk jadual. Berdasarkan Buku Panduan Penambahbaikan Sistem Penyampaian Prosedur dan Proses Cadangan Pemajuan Serta Perlaksanaan Pusat Setempat Edisi Kedua KPJKT. Mesyuarat Jawatankuasa OSC akan menimbangkan dan membuat keputusan ke atas permohonan cadangan nama taman/pembangunan dan alamat pembangunan dan keputusan akan dimaklumkan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis.

Pn. Zuraina juga memaklumkan lagi bahawa kertas keputusan permohonan cadangan nama taman/pembangunan dan alamat pembangunan untuk dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC dalam bentuk jadual masih belum di praktiskan secara keseluruhan oleh lain-lain Pihak berkuasa Tempatan di dalam Negeri Selangor.

Dato' Pengurus memaklumkan bahawa kertas keputusan permohonan cadangan nama taman/pembangunan dan alamat pembangunan untuk dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC perlu dikemukakan melalui kertas kerja seperti biasa kerana permohonan cadangan nama taman/pembangunan dan alamat pembangunan adalah melalui OSC di mana keputusan permohonan-permohonan melalui OSC perlu dibentangkan melalui kertas kerja.

Dato' Pengurus menegaskan dan mengingatkan kepada jabatan-jabatan teknikal berkaitan bahawa permohonan-permohonan kebenaran merancang yang dikemukakan perlu bersekali dengan permohonan cadangan nama taman/pembangunan dan alamat pembangunan bagi membolehkan pihak majlis melihat kesesuaian pembangunan yang dicadangkan dengan cadangan nama taman/pembangunan dan alamat pembangunan yang dikemukakan adalah selaras dengan pembangunan-pembangunan sekitar.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar, MPAJ**

**2.9 HAL-HAL LAIN****2.9.1 Makluman Kelulusan Tambahan Dan Pindaan (Ubahsuai),  
Permit Pelbagai dan Ubahsuai Dalaman.**

- c. Sebanyak 25 permohonan Tambahan Dan Pindaan (Ubahsuai) telah diproses dan diluluskan.
- d. Sebanyak 26 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan.

**6.0 PENUTUP**

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11:10 pagi.

Disediakan Oleh:  
Bahagian Urusetia  
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya